

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 68

Khamis

5 Disember 2019

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PETUA:

- Hari Terakhir Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme binti Hamzah Mengendalikan Urusan Dewan Rakyat (Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 8)

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 37)

PETUA TUAN YANG DI-PERTUA:

- Penyataan 'Pengemis Yang Tamak' (Halaman 37)

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M 27(3):

- Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2018 (Halaman 42)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

- Akta Kastam 1967 (Halaman 100)
- Akta Eksais 1976 (Halaman 104)
- Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Halaman 105)

USUL MENTERI SUMBER MANUSIA DI BAWAH P.M 27(3):

- Merujuk YB. Pasir Salak Kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Halaman 111)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 5 Disember 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Hari Terakhir Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme binti Hamzah
Mengendalikan Urusan Dewan Rakyat**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Setelah sembilan minggu Dewan Rakyat bersidang, hari ini merupakan hari yang terakhir Dewan yang mulia ini bermesyuarat untuk tahun ini.

Untuk makluman Dewan ini, hari ini juga merupakan hari yang terakhir Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat [*Tepuk*] mengendalikan urusan Dewan Rakyat, [*Tepuk*] setelah 40 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam dan 19 tahun berkhidmat untuk Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*]

Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah akan bersara pada Februari tahun 2020. Untuk segala bakti, budi dan khidmat yang dicurahkan, pagi ini saya menghadihkan serangkap pantun khas untuk Setiausaha Dewan Rakyat sebagai penghargaan dan pengiktirafan seperti berikut:

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buatnya sarang,,
Bukan budi sebarang budi ,
Budi baik akan sentiasa dikenang.*

[*Tepuk*]

Kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian, '*May Wish You a Merry Christmas and a blessed New Year*'. [*Tepuk*]

USUL**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62****10.07 pg.**

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon untuk menangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga D.R. 37/2019 Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2019 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat (No.1) pada hari ini dan dibawa ke mesyuarat akan datang”.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah status Laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing dibuka sebagai pengetahuan umum dan adakah kursus induksi (*pre-departure course*) di negara sumber akan diwajibkan untuk pekerja asing sebelum mereka memasuki Malaysia.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pada 29 Ogos 2018 Kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bersama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menyelidik mengenai pengurusan pekerja asing.

Selaras dengan itu, Dato' Seri Hishamudin bin Mohd Yunus telah dilantik sebagai pengerusi dan beberapa *town hall session* telah diadakan dan Jawatankuasa itu telah pun mengemukakan *report* tersebut iaitu *Report of Independence Committee on the Management of Foreign Workers*. Akan tetapi setakat ini tidak ada satu keputusan dibuat untuk membuka *report* tersebut untuk kegunaan umum pada masa ini. Akan tetapi, kita telah bersetuju bahawa institusi-institusi tertinggi dan juga kolej-kolej yang memohon untuk buku tersebut, *the report* tersebut untuk penyelidikan dan penganalisis dibenarkan.

Selain dari itu, kursus induksi kepada pekerja asing pula merupakan satu ketetapan yang telah digariskan kepada negara sumber yang menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama Kerajaan Malaysia seperti dengan Nepal, Sri Lanka, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan akan menguruskan pelaksanaan ketetapan ini kepada negara sumber lain seperti Indonesia, India dan Bangladesh melalui saluran memorandum persefahaman.

■1010

Juga saya hendak tambah sedikit bahawa, ada beberapa cadangan yang telah dibuat oleh *Independence Committee* ini yang kita sedang meneliti, antaranya dengan beberapa kementerian, dan selepas satu keputusan muktamad dibuat oleh agensi kawal selia yang meneliti perkara ini, di antaranya adalah eksploitasi pekerja-pekerja asing yang banyak dikatakan berlaku

di Bangladesh dan juga syarikat-syarikat berkenaan yang terlibat dalam itu, tindakan selaras akan diambil. Terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, apakah status terkini berkaitan dengan dakwaan terhadap syarikat Bestinet yang dikatakan mengeksploitasi pengambilan pekerja asing dan adakah pengambilan pekerja asing dari Bangladesh akan dilaksanakan di dalam masa terdekat? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pada tahun dahulu saya telah membuat beberapa aligasi terhadap Bestinet yang merupakan satu syarikat yang mengendalikan pengambilan pekerja asing akan tetapi aligasi itu terlibat dengan *money laundering*, eksploitasi pekerja itu semua ini, selepas penyiasatan dibuat Tuan Yang di-Pertua nampaknya tidak ada asas- *there is no basis* maka aligasi itu adalah tidak tepat.

Mengenai perjanjian pengambilan pekerja asing dari Bangladesh- betul. Satu ketetapan yang terdekat akan dibuat oleh kementerian, di mana ada satu, dua perkara yang belum lagi di setujui oleh kerajaan, dan bila itu dapat dicapai, saya akan bawa perkara itu kepada Kabinet untuk dapat keputusan, selepas itu diberi kebenaran untuk menandatangani *memorandum of understanding*. Saya percaya, dalam tempoh tiga bulan ini, perkara itu boleh diselesaikan. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah pendaatang asing yang bekerja secara sah mengikut sektor dan jumlah pendaatang asing yang berada di negara Malaysia sehingga Jun 2019?

Apakah mekanisme yang telah dilakukan dalam sistem penggantian pekerja asing ini oleh pihak kementerian?

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya perlukan notis mengenai *figures* yang ditanya, akan tetapi saya boleh, setakat yang saya tahu saya bagi tahu, kita ada seramai 2.2 juta pekerja asing di negara ini, pada setakat ini. *Undocumented*- kita tidak dapat pastikan. Perkara yang berkaitan adalah penggantian, satu di antaranya di mana Kabinet telah meluluskan pada bulan Jun kalau saya tidak silap di mana penggantian secara automatik dibenarkan, dan saya telah mengarahkan kementerian dan pegawai-pegawai di Kementerian Sumber Manusia seperti mempercepatkan proses tersebut.

Saya tahu, ada kelewatan-kelewatan tertentu akan tetapi itu adalah bukan satu *measure* yang kita tidak boleh ambil tindakan, dan kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri supaya ini dapat diuruskan dengan seberapa segera, supaya boleh ada satu *win-win position* di antara peniaga dan pekerja di negara ini. Terima kasih.

2. **Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah status pelaksanaan pemberian RM30 kepada rakyat Malaysia menerusi perkhidmatan eDompnet yang akan bermula pada 1 Januari 2020, dan syarikat serta perkhidmatan eDompnet manakah yang telah terpilih untuk melaksanakan pemberian ini?

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau.

Berkaitan dengan inisiatif e-Tunai Rakyat yang merupakan suatu inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi mempercepat transformasi ke arah peningkatan penggunaan eDompot dalam masyarakat dan peniaga, terutamanya perusahaan perniagaan kecil dan runcit untuk menerima bayaran digital.

Kerajaan akan menawarkan secara *one-off* rangsangan digital bernilai RM30 kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan tahunan kurang daripada RM100 ribu untuk dibelanjakan pada bulan Januari dan Februari tahun depan.

Apa yang diperlukan hanya akaun eDompot atau eWallet dengan identiti yang disahkan melalui penyedia perkhidmatan yang terpilih. Pelaksanaan inisiatif ini adalah di bawah penyeliaan Khazanah Nasional yang telah memperincikan suatu pelan projek. Kerajaan telah memperuntukkan sehingga RM450 juta kepada Khazanah Nasional yang akan memberi manfaat kepada seramai 15 juta rakyat Malaysia.

Pada masa ini sistem dan perisian e-Tunai Rakyat telah pun dibangunkan. Sistem tersebut sedang giat diuji dan diperhaluskan bersama dengan perkhidmatan eWallet dan agensi kerajaan. Usaha ini adalah selaras dengan garis masa yang ditetapkan dalam pelan projek bagi melaksanakannya pada Januari 2020.

Khazanah Nasional akan mengumumkan perkhidmatan eWallet yang terlibat kelak. Sekiranya peruntukan yang telah pun diperuntukkan sebanyak RM450 juta dituntut sepenuhnya dan berjaya merangsang perbelanjaan, Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan peruntukan tambahan. Sambutan baik juga akan membolehkan inisiatif ini diulangkan dengan menyasarkan lebih ramai pengguna, pedagang dan pekhidmat eWallet.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada RM50.3 bilion yang disediakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bagi tempoh lima tahun yang akan datang seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2020. Ini untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan, di antaranya peralihan kepada ekonomi digital.

Daripada jumlah RM50.3 bilion ini, kerajaan telah memperuntukkan RM21.6 bilion untuk Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau *The National Fiberisation and Connectivity Plan* bagi menaik taraf dan meluluskan infrastruktur digital Malaysia. Manakala RM28.7 bilion pula sebagai insentif geran dan jaminan, diperuntukkan untuk pelbagai inisiatif dan insentif pendigitalan seperti e-Tunai Rakyat. Jaminan dan dana bantuan termasuk untuk usahawan, perniagaan kecil dan sederhana dan syarikat Malaysia.

Dengan menyediakan peruntukan RM450 juta untuk inisiatif eDompot ini, kerajaan berhasrat menggalakkan budaya digital dan beralih kepada masyarakat tanpa tunai. Menurut Bank Negara Malaysia, penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai dapat menjimatkan sekitar 1 peratus KDNK tahunan negara tanpa mengira kesan stimulus daripada perbelanjaan insentif ini.

Laporan Kajian Nelson pula mencatat bahawa penerimaan keseluruhan eWallet masih rendah pada hanya lapan peratus. Oleh itu inisiatif e-Tunai Rakyat merupakan satu peluang untuk memudahkan rakyat mengurus niaga sejurus meningkat pendapatan negara. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya dalam tiga bahagian. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya sokong inisiatif ini kerana ini dapat merencanakan penggunaan eDompot ke arah masyarakat *nil tunai* ataupun *cashless society*- satu langkah yang baik.

Pertamanya, saya minta boleh kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa program ini dapat dilaksanakan secara adil? Maksudnya dibuka kepada semua perkhidmatan eDompot? Saya tanya oleh sebab Khazanah mempunyai pemilikan dalam dua eDompot- iaitu *Boost* dan juga *Alipay*, dan sekiranya ia dihadkan kepada syarikat-syarikat ataupun eDompot yang dikendalikan oleh khazanah sudah pasti ini tindakan pasaran yang tidak adil ataupun *unfair market practice* dan menidakkan mereka yang ada akaun dalam eDompot yang lain.

Kedua, apakah pemantauan penggunaan yang berterusan- *adoption rate* yang akan dibuat, supaya kita tahu bukan hanya RM30 yang dibelanjakan akan tetapi akan terus digunakan perkhidmatan eDompot ini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua dengan izin masa, apakah perancangan untuk kawasan-kawasan luar bandar di mana mungkin penembusan *connectivity* dan sebagainya penggunaan *smart phone* tidak lah seperti mana yang di kawasan bandar, apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa tindakan ini, program ini dapat merencanakan penggunaan eDompot di kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya difahamkan bahawa Khazanah telah menetapkan empat kriteria bagi pekhidmat-pekhidmat eWallet. Pertama pekhidmat-pekhidmat yang mempunyai bilangan pengguna aktif yang terbesar.

■1020

Kriteria ini adalah untuk memastikan insentif dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai rakyat Malaysia, termasuk di kawasan luar bandar. Ini kerana tidak guna kalau kita hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja. Oleh sebab itu, dari segi liputan, ia mesti dapat sampai kepada mereka di kawasan luar bandar. Saya pun yakin bahawa apabila kita ada insentif RM30, ramai daripada luar bandar mereka pun berminat kerana mereka pun amat tahu dan amat fasih tentang kemudahan ini.

Kriteria kedua ialah pekhidmat-pekhidmat yang mempunyai rangkaian pedagang yang terbesar. Dengan ini, lebih ramai pedagang dapat memanfaatkan perbelanjaan insentif dan pengguna pula menikmati pilihan barangan dan perkhidmatan yang lebih luas. Ketiga, pekhidmat eWallet perlu lah mempunyai kepakaran teknikal, keupayaan kewangan dan sumber manusia yang dapat membangunkan sistem dan mengendalikan bilangan transaksi yang besar dalam tempoh yang singkat.

Keempat, pertimbangan hanya diberikan kepada pekhidmat eWallet yang telah melaburkan jumlah yang besar dalam perkhidmatan mereka di Malaysia. Di sini, tentu kita sedia

menerima input-input seperti Yang Berhormat, tentang kriteria tersebut yang boleh dihantarkan kepada Khazanah Nasional. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya soalan berkenaan dengan terdapat dua jenis eDompot. Pertama, ialah eDompot daripada institusi perbankan. Manakala yang kedua ialah eDompot daripada institusi bukan perbankan seperti *GrabPay*, *Touch 'n Go* dan *Boost*. Tidak sedikit para sarjana termasuk di JAKIM sendiri telah membincangkan isu mengenai kepatuhan syariah. eDompot bukan perbankan. Isu yang dibangkitkan adalah mengenai akad, penggunaan deposit, pemberian bonus dan cabutan bertuah. Adakah isu-isu seperti ini telah diambil kira dalam menggubal *guideline on electronics money* dan *interoperable credit transfer framework* (ICTF) atau ia memerlukan satu garis panduan khusus untuk eDompot patuh syariah? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa soalan tadi itu tiada kaitan dengan apa yang diusahakan oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan hendak melaksanakan eDompot untuk menggalakkan lebih banyak pelanggan atau pengguna menggunakan kemudahan sedemikian iaitu untuk membeli barangan. Di mana, kita memberikan RM30 secara percuma dan tentu ini adalah satu bonus kepada mereka. Berkaitan dengan *interoperability* yang berkaitan sama ada ia patuh syariah atau tidak, itu perkara lain. Yang Berhormat Pendang pun boleh sampaikan kepada pihak Bank Negara. Terima kasih.

3. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana berlaku ketidakpatuhan kakitangan awam terhadap kerajaan baharu dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Apakah benar berlaku keadaan "*deep state*" di kalangan penjawat awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Beluran di atas soalan ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Beluran, secara dasarnya tidak berlaku ketidakpatuhan pegawai awam terhadap kerajaan yang memerintah. Ini kerana, pegawai awam hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika, memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan seperti yang telah digariskan di dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. P.U.(A) 395/1993. Pegawai awam juga perlu sentiasa dilihat neutral dalam menjalankan tugas mereka mengikut *the rule of law* yang sedang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu, pemantauan sentiasa dilakukan bagi memastikan pegawai awam pada setiap masa memberi perkhidmatan terbaik kepada kerajaan yang memerintah. Setakat ini, sekiranya terbukti mana-mana pegawai awam cuba melakukan tindakan yang bercanggah dengan dasar kerajaan, tindakan boleh diambil melalui prosiding tatatertib.

Sekiranya terdapat sebarang bukti atau aduan, kes berkenaan boleh terus dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membolehkan siasatan dimulakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, persepsi orang ramai terhadap penjawat awam ketika ini dan tulisan-tulisan oleh media sosial dan *printed media* menunjukkan bahawa disebabkan oleh kenyataan anggota kerajaan dan tindakan kerajaan, istilah seperti 'sabotaj' digunakan, istilah seperti 'daulah pendendam' digunakan untuk merujuk kepada kakitangan awam, menunjukkan bahawa terdapat persepsi sedemikian di kalangan kakitangan awam.

Apatah lagi, apabila kerajaan mengambil tindakan baru-baru ini, menukarkan kakitangan-kakitangan berperingkat KSU ditukar melibatkan beberapa KSU. Ini juga menunjukkan bahawa persepsi di luar menunjukkan terdapat kerisauan kerajaan terhadap kepatuhan kakitangan awam terhadap dasar-dasar baharu kerajaan. Adakah Yang Berhormat Menteri melihat ini sebagai sesuatu yang perlu dibendung melalui tindakan dan juga kenyataan agar meyakinkan bahawa kakitangan awam sebenarnya seiring dengan dasar-dasar baharu kerajaan baharu ini?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, apabila berlakunya pertukaran kerajaan baharu, penjawat awam ini sentiasa— tidak ditukarkan dan mereka akan masih menjalankan tugas-tugas mereka. Ungkapan seperti '*government changes, civil servant remain*'. Ini adalah diguna pakai di seluruh pentadbiran kerajaan di dunia ini.

Walau bagaimanapun, memang terdapat persepsi-persepsi daripada orang awam terhadap penjawat awam. Persepsi ini, seperti yang kita sedia maklum, merupakan satu *intangible* iaitu tidak wujud dalam bentuk yang dapat dikesan. Jadi, kita tidak dapat nampak dengan jelas persepsi pemikiran seseorang. Akan tetapi, bagi pihak kerajaan, bagi mengakis persepsi-persepsi ini, kerajaan akan sentiasa memantau dari segala aspek termasuklah mengambil tindakan dan juga langkah yang sepatutnya terhadap mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat daripada statistik yang telah pun dibekalkan kepada saya. Sehingga bulan Jun tahun ini, kita dapat lihat bahawa banyak tindakan yang telah pun diambil terhadap penjawat awam di atas tata tertib seperti tatacara kewangan, tatacara perolehan iaitu kesalahan pertama dan juga tidak hadir bertugas, ke luar negara tanpa kebenaran, kenyataan awam media sosial dan berita palsu di mana tindakan telah pun diambil terhadap mereka dan juga rasuah, salah guna kuasa serta gangguan seksual juga telah pun diadakan terhadap penjawat awam.

Akan tetapi, buat setakat ini sehingga bulan Jun, kita tidak ada statistik yang mengatakan penjawat awam tidak setia kepada negara, kepada kerajaan dan kepada Raja. Jadi, dari segi statistik yang telah pun diberikan buat setakat ini, tindakan yang telah pun diambil mengenai kes yang telah pun disebutkan itu belum lagi termasuk dalam statistik ini. Akan tetapi, dalam kesalahan-kesalahan yang lain, kita boleh menganggap itu sebagai sikap ataupun *attitude* penjawat awam yang tidak baik terhadap kerajaan dan juga *attitude* sikap yang tidak baik dan juga *non-performance* dengan izin. Itu sahaja.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah persepsi ini adalah satu masalah yang besar. Sepertimana yang disebutkan tadi, berkait dengan KSU. Saya ingin bertanya, adakah keputusan kerajaan baru-baru ini, di saat akhir menangguhkan pembentangan IPCMC ada kaitannya tentang kebimbangan kerajaan tentang situasi 'deep state' ini? Terima kasih.

■1030

Datuk Liew Vui Keong: Itu adalah persepsi Yang Berhormat Kuala Terengganu. *[Ketawa]* Jadi, saya boleh katakan di sini, sehari sebelum hari Selasa ini iaitu pembentangan IPCMC diteruskan, saya telah pun berjumpa dengan pihak Ketua Whip daripada banyak parti politik. Mereka telah pun mengatakan bahawa mereka memerlukan masa untuk mempertimbangkan rang undang-undang ini. Seterusnya, oleh sebab terdapat sedikit sebanyak peraturan yang perlu dilengkapkan dan juga untuk penambahbaikan peraturan-peraturan bersama dengan rang undang-undang ini, jadi, kerajaan mengambil keputusan untuk menunda perbahasan ini pada bulan Mac— hanya tiga bulan dari sekarang.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Kuala Terengganu boleh bersabar dan kita kena pastikan bahawa institusi seperti PDRM ini merupakan satu institusi yang telah pun dikenal pasti, telah *diacknowledged* dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Artikel 140. Mereka merupakan satu institusi sahaja yang *acknowledged* di dalam Perlembagaan Persekutuan. Manakala, institusi seperti imigresen, kastam dan semua itu tidak dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan ini.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tahniah di atas penangguhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih. Sila.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kutipan semua jenis cukai langsung dan tidak langsung bagi setiap negeri dari tahun 2014 hingga kini dan nyatakan jumlah geran kerajaan kepada semua negeri yang tidak termasuk geran populasi dan jika wujud perbezaan, nyatakan justifikasinya.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan di atas soalan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan, pentadbiran kutipan hasil cukai bagi Kerajaan Persekutuan adalah melibatkan dua

jabatan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang mengutip cukai tidak langsung.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan Perkara 97 Kumpulan Wang Disatukan di Perenggan 1, segala hasil dan wang termasuk hasil cukai yang dikutip melalui LHDNM dan JKDM yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara. Jumlah kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dibayar kepada LHDNM atau JKDM di peringkat negeri tidak menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan.

Ini kerana negeri di mana lokasi cawangan agensi kutipan cukai yang menerima pembayaran cukai langsung atau tidak langsung adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah memberikan sumbangan kepada kerajaan negeri tidak termasuk geran populasi bagi tahun 2014 sehingga 2018 seperti berikut:

- (i) tahun 2014 sebanyak RM6.2 bilion;
- (ii) tahun 2015 sebanyak RM6.3 bilion;
- (iii) tahun 2016 sebanyak RM6.4 bilion;
- (iv) tahun 2017 sebanyak RM6.5 bilion; dan
- (v) tahun 2018 sebanyak RM6.9 bilion.

Menjadikan keseluruhannya sebanyak RM32.4 bilion. Secara amnya, klasifikasi pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan antaranya ialah pemberian ikut kepala (*capitation grant*), pemberian penyelenggaraan jalan negeri (*state road grant*), dengan izin, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi infrastruktur dan kesejahteraan hidup atau tahap dan pemberian di bawah Senarai Bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan Dalam Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman bagi jumlah kutipan hasil cukai pendapatan mengikut negeri, saya akan berikan kepada Yang Berhormat Batu Kawan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan bernas yang diberikan tadi. Saya berharap jawapan kementerian ini dapat menangkis tuduhan tidak berasas bahawa Pulau Pinang dianaktirikan di bawah kerajaan ini. Hakikatnya, Pulau Pinang dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Maka, selaras dengan usaha murni Kerajaan Pakatan Harapan untuk menghidupkan semula semangat konsep Federalisme mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, ingin saya bertanya, apakah usaha-usaha kerajaan untuk desentralisasi kuasa dengan kerajaan-kerajaan negeri contoh, dalam sektor pengangkutan, kebajikan dan langkah-

langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil oleh kerajaan untuk mencapai matlamat ini berbanding dengan kerajaan sebelum ini? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan di atas soalan tambahan tadi. Memang benar bahawa Pulau Pinang tidak dianaktirikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang cuba memberikan layanan yang saksama kepada semua negeri yang perlukan bantuan di Malaysia.

Kalau kita lihat jumlah peruntukan pembangunan yang telah pun diberikan kepada Pulau Pinang di kerajaan lama, adalah hanya sebanyak RM547 juta dalam tahun 2017 dan diperuntukkan di dalam Bajet 2018 adalah sebanyak RM608 juta. Ini telah dinaikkan di bawah Belanjawan 2019 kepada RM857 juta dan untuk Belanjawan 2020 telah dinaikkan kepada RM980 juta.

Tentu ada pihak yang tertentu yang ingin mempermainkan sentimen dan tidak mahu menerima hakikat bahawa peruntukan pembangunan telah dinaikkan kepada RM980 juta dalam Belanjawan 2020 berbanding dengan hanya RM547 juta dalam tahun 2017. Sungguhpun begitu, tentu pihak kerajaan sedar bahawa semua negeri akan meminta tambahan yang lebih, itu biasa. Pihak kerajaan akan cuba untuk memenuhi permintaan mereka. Tentang soalan berkaitan dengan pengagihan yang telah pun ditanya tadi, ini akan berteraskan keperluan semasa dan yang penting ialah mengikut Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah pun digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya kepada Menteri, janji semasa pilihan raya PRU Ke-14, sebelum pilihan raya dan semasa pilihan raya, Menteri telah mengatakan bahawa 50 peratus cukai yang dikutip dari Sarawak akan dikembalikan kepada Sarawak. Bagaimana sekarang ini, apakah status janji ini? Berapa juta yang telah dikembalikan? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Apabila perkara ini dibangkitkan dan sekiranya Yang Berhormat Kanowit ada baca dengan teliti janji yang telah dibuat dalam manifesto Pakatan Harapan di Sarawak ialah bahawa tawaran untuk memberikan balik 50 peratus daripada sumber hasil yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Sarawak adalah dengan permintaan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mengambil alih peruntukan dan perbelanjaan untuk sektor kesihatan serta pendidikan iaitu, hospital-hospital, klinik-klinik dan sekolah-sekolah. Itu adalah hakikat, tetapi apabila ini ditawarkan, ia tidak diterima oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

Akan tetapi, sekiranya hendak bincang dengan lebih lanjut, tentu pihak Kerajaan Persekutuan sedia untuk membincangkan perkara ini dan jangan ia menjadi satu polemik berdasarkan fitnah ataupun dakwaan yang tidak berasas. Sekian, terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulukan dengan serangkap pantun,

*'Datuk Roosme SU berwibawa,
Senyum simpulnya sangat menggoda,
Khidmat diberi sangat berjasa,
Minta Menteri jawab soalan kedua'.*

[Tepuk]

■1040

2. **Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah mekanisme penampungan (*buffer mechanism*) yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan usahawan bumiputera terutamanya yang masih terperangkap di B40 setelah geran bantuan percuma usahawan bumiputera dihapuskan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Dewan Rakyat srikandi-srikandi daripada Parlimen Masjid Tanah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, selamat datang.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Guru-guru dan para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Sekolah Menengah Kebangsaan Chenderiang, Sekolah Menengah Kebangsaan Cina Choong Hua, Bidor dan juga Sekolah Menengah Sains Tapah (SESTA).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, selamat datang semua. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk membangunkan keusahawanan secara holistik, kondusif dan inklusif merangkumi setiap peringkat usahawan dan lapisan masyarakat termasuk golongan usahawan bumiputera di bawah kategori kumpulan isi rumah berpendapatan rendah B40.

Walaupun tanpa pemberian geran bantuan percuma secara spesifik, MED masih menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan kepada usahawan-usahawan bumiputera B40 di antaranya seperti yang saya nyatakan di sini menyediakan program-program khusus dan latihan yang berstruktur untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan bumiputera B40 di mana usahawan-usahawan ini bukan sahaja dilatih dan diberi bimbingan semasa tempoh kursus sahaja, malahan dilanjutkan bagi dengan *coaching and mentoring* sehingga tempoh tertentu untuk membantu usahawan ini meningkatkan daya saing dan daya tahan.

Sebagai contoh Program INSKEN *Business Coaching* dalam bidang perniagaan runcit, *food truck*, pembuatan roti dan kek, spa penjagaan selepas bersalin, *homestay*, jahitan, *carwash*, kedai gunting rambut dan sebagainya. Ini melibatkan perbelanjaan. Itulah bentuk geran kalau kita sebut dihapuskan geran itu kita beri dari sudut memberi latihan dan sebagainya, latihan yang percuma.

Menyediakan kemudahan skim-skim pembiayaan yang bersesuaian untuk pinjaman mikro kredit dan pinjaman mudah. Sebagai contoh, Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN, Skim Pembiayaan TEKUN Niaga, Skim Pembiayaan Program TemaNita dan sebagainya di bawah TEKUN Nasional.

Ketiganya, walaupun tiada pemberian geran percuma sepenuhnya, MED melalui SME Corporation masih menyediakan program yang menawarkan bantuan dalam bentuk geran padanan (*matching grant*) sebanyak RM500,000 sebagai nilai maksimum. Untuk Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera, *Bumiputera Enterprise Enhancement Programme* (BEEP) dan Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS melalui *Business Accelerator Programme* (BAP) dengan izin.

Keempatnya, menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera B40 terutamanya dalam kalangan belia, wanita, ibu tunggal dan suri rumah menjalankan perniagaan secara atas talian (*online*) yang tidak memerlukan modal yang tinggi bagi menyediakan premis perniagaan komersial.

Kelima, memperkasakan gerakan koperasi dalam kalangan bumiputera B40 termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berasaskan komuniti sebagai salah satu pendekatan bagi merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah ini. Gerakan koperasi akan diperkukuhkan juga untuk menceburi bidang-bidang perniagaan yang baharu yang berpotensi memberi pulangan hasil yang lebih tinggi.

Semua yang saya sebutkan ini ada diterangkumkan di dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan. Apa yang saya ingin bangkit iaitu kursus-kursus yang telah disebut di dalam jawapan tadi. Saya kira adalah sambungan daripada yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, barangkali tidak ada yang baru yang saya lihat diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Cuma apa yang ingin saya sebut iaitu usahawan B40 ini di peringkat kawasan pendalaman. Sebagai contoh, apabila mereka mengeluarkan hasil, sejauh manakah tindakan kerajaan untuk mempromosikan hasil mereka terutamanya ke luar negara sebagai mana yang telah dibuat oleh beberapa negara di Asia kita ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat program-program latihan yang dijalankan adalah kita mengikuti program-program yang lepas oleh kerajaan dahulu. Hari ini kita Kerajaan Pakatan Harapan melakukan penambahan baik untuk program-program ini bukannya tidak baik. Kalau program-program dahulunya baik, kita tambah baik, kalau tidak ada kita adakan. Contoh, apa yang kita adakan hari ini dengan penggunaan teknologi terkini contohnya. Kalau disebutkan barang-barang daripada luar bandar yang perlu kita pasarkan.

Hari ini kita mewujudkan platform untuk usahawan-usahawan bandar dalam satu struktur yang kita panggil pusat pengumpulan dan kita letakkan barang ini di *online* dan kita juga

mengumpul data-data permintaan di pasaran dalam negara dan juga di luar negara. Jadi maksudnya tadi dengan adanya data kita lebih kepada mendidik masyarakat luar bandar untuk memahami contoh *big data*. Segala keputusan untuk merangsangkan ekonomi kita kena menggunakan data terkini.

Jadi contohnya kalau di negeri Kelantan, dia usahawan ada membuat budu. Kita tahu mana permintaan budu itu. Dengan adanya data terkumpul kerajaan akan mewujudkan pusat pengumpulan. Kalau perlu kita letakkan satu pusat untuk kita jenamakan semula untuk diterima oleh pasaran antarabangsa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dan juga ia bersamaan dengan ucapan yang disebutkan dalam Majlis Perasmian SME CEO Forum 2019. Satu platform yang dibangunkan oleh MED ketika ini ialah platform bersepadu menggunakan semua data dalam domain awam untuk mencapai akses yang proaktif.

Namun Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan kebimbangan inisiatif platform ini untuk membantu golongan usahawan kurang mendapat perhatian khususnya mereka yang terdiri daripada komuniti B40.

Jadi sebagai Ahli Parlimen yang menjaga *check and balance* terhadap tugas-tugas ini, saya bimbang apabila kurang mendapat sambutan daripada golongan B40 dalam platform yang begitu hebat kita takut akan berada dalam lopak yang sama, mengulangi peristiwa yang sama dan akhirnya kita akan gagal melahirkan usahawan-usahawan yang kita cita-citakan itu.

Jadi, soalan saya apakah strategi Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi masalah kurang minat dan kurang sambutan yang berlaku di kalangan B40 ini. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan usahawan bukanlah perkara yang mudah yang boleh dilakukan dalam masa satu hari ataupun 24 jam. Itu sebab kita mempunyai agensi-agensi untuk melatih. Antaranya adalah mengubah minda masyarakat orang kampung dengan ada pendekatan melatih dari sudut penggunaan *big data* itu sendiri mereka memahami pasaran.

Kalau dahulu usahawan luar bandar tidak mengetahui pasaran. Kita lihat orang kata hangat-hangat tahi ayam, maksudnya mereka tidak mahu berusaha dengan adanya pendekatan kepada *sustainability* (kelestarian) itu sendiri. Jadi dengan adanya data tadi yang mustahak ialah *the data* itu, data pasaran, kita ada *trade club* dan sebagainya bukan sahaja yang kita buat. Kita ada infrastruktur yang boleh tembusi atau boleh diguna pakai oleh masyarakat B40 di kampung-kampung.

Dengan adanya program kita contoh Program *Reach Out and Adopt*. Kita pergi ke kampung-kampung dengan adanya agensi yang ada untuk memberi mereka kesedaran untuk mereka menukar fikiran yang mana kerajaan akan memberi keyakinan untuk mereka terus berusaha untuk memastikan produk itu. Contoh hari ini kita sudah mewujudkan, kita bangunkan 3,000 pusat peruncitan, di mana kita ada inventori barang-barangan dari luar bandar. Jadi itu kita akan ambil dengan adanya contoh TEKUN Logistik, TEKUN *Delivery*, maksudnya tadi ekosistem

kita dalam fasa pelaksanaan dan ini akan menjamin, memberi keyakinan kepada usahawan-usahawan dari luar bandar. Terima kasih.

■1050

3. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian pernah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri sebelum menyediakan garis panduan dan syor-syor penguatkuasaan berkaitan cadangan mewujudkan tapak tetap pengurusan sisa plastik di setiap negeri. Jika ya, apakah intipatinya. Jika tidak, apakah tindakan lanjut yang bakal diambil.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah,* Yang Berhormat Tanjong terima kasih di atas soalan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanjong ketika ini memang KPKT memang belum ada lagi satu taklimat formal ataupun non-formal dengan Exco-Exco kerajaan negeri atau di peringkat PBT tetapi selepas pelancaran Dasar Kebersihan Negara yang telah kita adakan pada bulan yang lepas. *Insya-Allah* KPKT di bawah melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) akan turun ke negeri-negeri untuk perbincangan dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah digariskan dalam Dasar Kebersihan Negara yang mana ia akan meningkatkan lagi pengurusan dan juga pengendalian sisa-sisa pepejal atau sisa-sisa sampah di negara ini.

Jadi untuk garis panduan ini, ketika ini KPKT telah meningkatkan lagi kriteria-kriteria garis panduan untuk memastikan bahawa sisa plastik yang import itu adalah sisa plastik yang mengikut garis panduan yang telah ada dalam Kod 3915. Jadi garis panduan ini juga ketika ini KPKT juga hendak memastikan bahawa semua sisa plastik yang diimport itu mendapat *endorsement* ataupun kebenaran daripada kerajaan sumber untuk memastikan bahawa tidak ada *abuse*, tidak ada salah guna oleh pengeksport-engeksport sisa plastik ini ke dalam negara kita.

Selain daripada itu, dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah kita adakan melalui Mesyuarat MEXCOPT iaitu Mesyuarat Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan juga kita ada memberikan maklumat-maklumat dan juga perbincangan di peringkat Exco-Exco kerajaan negeri dan juga Menteri. Melalui mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan juga ada perbincangan yang telah kita laksanakan yang kita laksanakan secara berskala, tidak secara bersepadu.

Jadi *Insya-Allah*, pelancaran Dasar Kebersihan Negara ini, KPKT sekarang dalam peringkat merancang, telah menggariskan perbincangan dalam merangka garis panduan yang selanjutnya yang akan dibawa ke kerajaan negeri untuk perbincangan dan mendapat input-input yang lebih dari peringkat negeri agar dapat memantapkan lagi urusan sisa plastik ini seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan, dari apa yang kita lihat dalam satu, dua tahun kebelakangan ini memang nampaknya negara-negara sumber telah mengeksportkan sisa-sisa plastik yang tercemar dan beberapa negeri di Malaysia sudah membuat bantahan tentang pengimportan sisa-sisa plastik yang tercemar ini.

Jadi saya ingin tahu apakah pendirian Kerajaan Persekutuan? Apakah kita membenarkan negara-negara maju dan sumber mengeksport sisa-sisa plastik ke negara kita? Memandangkan ada kelemahan dari segi memastikan sisa-sisa dihantar ke sini tidak tercemar. Adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengharamkan pengimportan sisa-sisa plastik ke negara Malaysia?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong. Ketika ini KPKT di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, sudah saya sebut dalam Dasar Kebersihan Negara kita akan meningkatkan lagi mutu pengawalan pengimportan sisa plastik 3915.

Jadi KPKT bertanggungjawab atas kod 3915 yang ketika ini hanya 64 syarikat sahaja yang dibenarkan untuk mengimport sisa plastik ini. Mereka tertakluk kepada garis panduan yang sangat ketat. Walaupun ketika ini KPKT telah *freeze* (beku) sampai hujung tahun ini tidak ada syarikat-syarikat import yang telah kita benarkan sementara kita memperkemas lagi pengurusan import sisa plastik ini.

Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanjong juga semua Ahli Yang Berhormat bahawa plastik-plastik yang dibawa yang kotor itu bukan di bawah kod 3915. Itu memang tidak dibenarkan. Jadi penguatkuasaan di peringkat kastam, penguatkuasaan di peringkat *port*— juga telah kita berbincang dengan pihak kastam dan sebagai untuk meningkatkan lagi pengawalan dari segi kemasukan plastik-plastik yang tidak dibenarkan.

Di bawah 3915 KPKT di bawah di kawal selia oleh SWCorp agensi di bawah JPSPN menjalankan peranan mereka sangat ketat. Mereka sendiri yang turun padang ke *ports* untuk memeriksa kontena-kontena yang membawa 3916 untuk pastikan bahawa ia adalah import plastik yang dibenarkan dan bukan yang tidak dibenarkan. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sisa plastik adalah masalah global dan jelas menunjukkan bahawa sistem kitar semula sekarang ini tidak mampu dengan segera mengatasi masalah pencemaran plastik yang terlampau. Setiap tahun Malaysia telah membelanjakan RM2.2 bilion bagi menguruskan sampah yang terhasil dalam negara.

Jadi soalan saya, apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian, oleh pihak berkuasa bagi menjalankan operasi penguatkuasaan setiap kilang-kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram? Berapakah jumlah kilang haram yang menjalankan operasi kitar semula plastik yang telah diambil tindakan?

Soalan kedua, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menggantikan penggunaan beg-beg plastik yang sedang digunakan kepada suatu yang boleh iaitu senang dilupuskan iaitu *biodegradable*? Manakala luas, *lifespan* tapak-tapak pelupusan sampah ini dapat digunakan dengan lebih banyak lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk itu Yang Berhormat Jempol kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jempol.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Jempol. Untuk kilang-kilang haram memang kita sudah ada operasi bersama dengan kerajaan tempatan dan saya tidak ada angka tapi banyak yang telah kita tutup dan mengambil tindakan terutamanya di sekitar Selangor, di Kedah dan Selangor dan Kedah yang paling banyak sekali kilang-kilang yang membawa plastik haram ini yang masuk ke kawasan negeri ini. Jadi ini di bawah tindakan kerajaan tempatan bukan di bawa sisa pepejal.

Keduanya, tentang beg plastik itu memang bersama dengan MESTECC. MESTECC telah membuat satu hala tuju untuk pengurangan penggunaan plastik, *single-use plastic*, hala tuju sampai 2030. Jadi ada buku yang telah dikeluarkan oleh MESTECC yang disokong oleh KPKT. Memang kita ke arah *biodegradable plastic* dan juga *single-use plastic* dan sebagai.

Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini, di bawah Dasar Kebersihan Negara, *insya-Allah*. Import-import plastik ini kita akan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti persekitaran semula yang mana ia akan menjana ekonomi dan *the full ecosystem* pengurusan plastik ini akan dilaksanakan agar ia mendapat menghasilkan pendapatan kepada negara.

Jadi ekosistem itu bersekali dengan *circulate economy*. Jadi peningkatan persekitaran semula plastik-plastik ini akan *reduce* atau mengurangkan sisa-sisa sampah yang ada dalam negara kita.

Jadi ini amat penting kerana kita melihatkan bahawa potensi industri ini adalah sangat baik untuk menjana ekonomi untuk negara. Akan tetapi walau bagaimanapun, selagi kita manusia menggunakan pakai baju dan sebagai, plastik-plastik yang kita proses itu menjadikan *pallet and resin*. Ia akan *dimanufactured* atau diproses untuk buat baju, kasut dan sebagainya.

Jadi sekali manusia tidak *reduce* atau mengurangkan penggunaan plastik ini, bahan-bahan sumber dari plastik ini. Jadi tidak mungkin kita akan menurunkannya dengan secara mendadak. Akan tetapi walau bagaimanapun pengawalannya adalah penting dari segi memastikan bahawa kita kurangkan menggunakan plastik. Tingkatkan *recycling* dan juga menjanakan ekonomi daripada hasil daripada plastik. Terima kasih.

4. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan dapatan hasil lawatan kerja oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Pulau Perhentian pada Julai 2019, khasnya berkaitan perancangan Kementerian untuk merancakkan lagi industri pelancongan di Parlimen Besut sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih, Yang Berhormat Besut. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan jawapan saya, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Nassier Wahab iaitu penyanyi era 80-an meninggal dunia pada 12.45 pagi tadi. Marilah kita mendoakan supaya arwah ditetapkan bersama orang-orang yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, satu lawatan kerja ke Pulau Perhentian telah dilakukan oleh saya sendiri Timbalan Menteri pada 13 Julai 2019 di bawah

anjaran Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Terengganu dan dibantu oleh *Tourism Malaysia*.

■1100

Antara dapatan hasil daripada lawatan kerja tersebut adalah seperti berikut:

- (i) saya telah pun mengadakan satu sesi libat urus bersama lebih daripada 70 orang pengusaha industri pelancongan termasuklah daripada wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan yang telah diadakan yang mana di antara isu-isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan sumber elektrik, infrastruktur dan produk pelancongan;
- (ii) turut diadakan ketika sesi tersebut ialah perkongsian maklumat berkenaan pelbagai insentif pelancongan, kemudahan pinjaman serta kempen yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya kepada orang ramai; dan
- (iii) sesi lawatan untuk meninjau prasarana pelancongan itu iaitu *boardwalk* Perhentian yang telah pun disediakan oleh pihak kementerian melalui RP1 RMKe-11 dan menilai tahap penyelenggaraan yang perlu dilakukan bagi menjamin kemudahan dan keselesaan para pelancong dan penduduk tempatan di Pulau Perhentian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, kementerian telah pun mengenal pasti kluster Kampung Raja, Besut, Pulau Perhentian, Jerneh sebagai salah satu daripada tujuh kluster destinasi ekopelancongan di Terengganu. Kewujudan Pulau Perhentian sebagai tarikan pelancongan utama dan produk-produk pelancongan yang lain adalah seperti Pantai Air Tawar, Pantai Bukit Keluang, Desa Ukiran Kayu Istana Tengku Long, pusat rekreasi Lata Tembakah, pusat rekreasi Lata Belatan, Hutan Simpan Gunung Tebu dan La Hot Spring menjadikan kluster ini sebagai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu di negeri Terengganu. Antara usaha yang terkini yang sedang dilaksanakan bagi merencanakan lagi industri pelancongan di Parlimen Besut dan Terengganu secara umumnya adalah seperti berikut:

- (i) melalui *Scoot Tigerair Private Limited* yang merupakan syarikat tambang murah milik penuh *Singapore Airlines* telah pun memulakan penerbangan antarabangsa daripada Singapura ke Kota Bharu bermula 2 Julai 2019. Pesawat Scoot dengan kapasiti 186 tempat duduk menawarkan penerbangan terus dengan kekerapan tiga kali seminggu dan ia menjadikan satu-satunya syarikat penerbangan antarabangsa yang beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan dan pengendali perkhidmatan penerbangan antarabangsa bagi laluan Singapura dan Kota Bharu; dan

- (ii) daripada 2 hingga 5 Julai 2019, kita telah pun mengadakan kolaborasi bersama Tourism Malaysia dengan Scoot, mengadakan program *Mega Familiarization Trip* ke Kelantan dan Terengganu dengan membawa 11 agensi pelancongan di Kota Bharu, Kelantan dan Kuala Besut serta Pulau Perhentian yang terletak di utara Terengganu. Satu sesi perjumpaan *business to business* dengan izin, turut diadakan di antara agensi pelancongan dari Singapura ini dengan agensi-agensi pelancongan dari Kelantan dan Terengganu ketika program ini diadakan.

Dengan adanya usaha-usaha bagi membawa penerbangan domestik dan antarabangsa ini, dijangka jumlah kedatangan pelancong ke negeri-negeri Pantai Timur akan terus meningkat sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 terutamanya ke Pulau Perhentian dan Pulau Redang yang terletak di dalam kawasan Parlimen tersebut.

Sebelum saya akhiri, saya baca pantun sedikit.

*Beli batik di Darul Iman,
Batik dibeli untuk yang tersayang,
Pulau Perhentian pulau peranginan,
Sekali datang selamanya terbayang.*

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Terima kasih Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di atas usaha-usaha untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di Besut. Sememangnya seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, Pulau Perhentian merupakan pulau yang ke-13 tercantik di dunia, diiktiraf oleh CNN Travel. Pulau itu cantik kerana alam sekitarnya terjaga dan juga memang setiap pulau itu ada *carrying capacity* masing-masing, had pembangunan masing-masing.

Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan agar bukan hanya Pulau Perhentian, agar kawasan-kawasan pedalaman sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dapat dibangunkan. Seperti yang tidak dikatakan lagi, Desa Ukiran Kayu yang mengukir ukiran kayu tradisional, Empangan Paya Beda dan lain-lain. Kebelakangan ini ada satu program baharu di Besut iaitu Besut Cruise. Ia juga boleh diambil kira oleh kementerian untuk mempelbagaikan lagi opsyen pembangunan di Besut. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih Yang Berhormat Besut. Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya sebut tadi bahawa Pulau Perhentian menjadikan produk utama dalam kluster yang saya sebut tadi. Jadi di mana kita juga mempromosikan kawasan-kawasan yang seperti Kampung Raja, di Besut sendiri, di Kuala Besut sendiri, di Jerteh dan sebagainya. So, ukiran kayu tadi memang adalah salah satu produk pelancongan yang kita promosikan. Di situ juga saya rasa Yang Berhormat Besut tentu maklum tentang Allahyarham Adiguru Wan Mustafa Wan Su yang merupakan tokoh ukiran kayu yang diangkat oleh kita. Bukan sahaja dari segi ukuran kayu dan kita juga popular dengan pertandingan gasing dan pembuatan

makanan hasil laut dan disebut oleh Yang Berhormat Besut itu, *river cruise* iaitu satu produk yang terbaru yang telah diadakan.

Kita sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi-agensi yang terlibat untuk membangunkan lagi produk pelancongan di negeri Terengganu. Saya juga dimaklumkan bahawa AirAsia sekarang ini menghebatkan lagi *connectivity* daripada KLIA ke Kuala Terengganu dan juga ke Kota Bharu untuk *cater*, untuk kita mempromosikan lagi produk-produk pelancongan di negeri pantai timur. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah destinasi baharu dan produk pelancongan baharu yang telah diwujudkan di seluruh Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2020? Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang. Soalan ini khusus untuk Pulau Perhentian. Namun begitu, saya boleh jawab. Secara umumnya, memang semasa Tahun Melawat Malaysia, kita memfokuskan kepada pelancongan budaya (*cultural tourism*) dan ekopelancongan (*ecotourism*). Kedua-dua ini merupakan fokus utama kerana kita ingin membawa pelancong-pelancong melihat ke tempat-tempat yang belum dilawati oleh pelancong-pelancong asing terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman ataupun dipanggil *rural-based* ataupun *community-based tourism*.

Ini adalah merupakan fokus-fokus utama kita. Kalau saya hendak senaraikan beberapa destinasi utama, beberapa tempat yang menarik untuk dilawati sempena Tahun Melawat Malaysia, saya rasa panjang. Yang Berhormat sendiri telah pun menghadiri taklimat VM2020 dan bagaimana kita telah pun menyenaraikan beberapa *event* yang besar yang akan berlaku, yang akan berlangsung pada tahun 2020. Saya rasa banyak lagi rancangan yang kita buat untuk merencanakan lagi pelancongan kita untuk Visit Malaysia 2020. Sekian, terima kasih.

5. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta Menteri Kesihatan menyatakan berkenaan proses dan prosedur sistem kontrak tetap yang ditawarkan kepada "*Medical Officer*" (MO), "*Pharmacist*", "*Dentist*" dan apakah kelayakan yang diambil kira untuk tawaran kontrak tetap serta langkah-langkah yang dilakukan supaya proses ini adil dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching yang bertanya akan proses dan prosedur untuk sistem kontrak, bukan sistem kontrak tetap ya. Kontrak dan tetap itu dua perkara yang berbeza. Sistem kontrak yang ditawarkan kepada *medical officer*, *pharmacist* dan *dentist*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang dilantik secara kontrak untuk tujuan menjalani latihan siswazah ataupun khidmat wajib di Kementerian Kesihatan boleh dipertimbangkan untuk lantikan tetap dengan tarikh dibelakangkan (*backdated*) dengan izin, tertakluk kepada memenuhi syarat

dan kekosongan jawatan. Ini adalah di mana diketahui rata-ratanya hanya 45 peratus sahaja pada setiap *cohort*, pada setiap *batch* yang mampu diberikan lantikan tetap, yang lainnya *they are all on contract*.

Jadi kerajaan akan melantik pastinya bakat yang terbaik, yang memenuhi syarat skim perkhidmatan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap. Pastinya *it is always be subjected* dengan izin, kepada kekosongan. Proses penilaian bagi tujuan pelantikan tetap dibuat di sepanjang dua tahun kontrak ataupun tiga tahun maksimum.

Ini kerana ada yang memakan masa tiga tahun *for whatever reason, maternity*, kesihatan dan sebagainya, tetapi mereka boleh dinilai kembali oleh pegawai penilai di setiap penempatan khususnya oleh pakar (*the specialist*). Semua permohonan lantikan tetap disaring dan seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Lantikan Tetap di peringkat ibu pejabat KKM mengikut profesion masing-masing bagi memastikan proses penilaian dan pemilihan dilaksanakan secara adil dan juga telus.

Cadangan pelantikan tetap seterusnya akan diangkat kepada pengurusan tertinggi KKM sama ada KPK atau pun Ketua Setiausaha (KSU) untuk disahkan sebelum diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi dipertimbangkan untuk pelantikan tetap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang terperinci tadi. Sebenarnya saya bertanya soalan ini disebabkan isu kontroversi lantikan tetap dan kontrak doktor, *pharmacist* dan juga *dentist* sebab ada satu *survey* yang telah dilaporkan oleh – yang telah mengatakan hampir 58 peratus daripada doktor berpendapat bahawa penilaian SKT yang dijalankan sekarang tidak telus, *open to abuse and open to favouritism* dengan izin.

Ini kerana saya mendapat *feedback* dari doktor-doktor yang ada *superior* mereka menggunakan markah SKT ini sebagai satu *threat* jika kamu tidak tolong saya buat ini, saya akan turunkan markah SKT. So, saya tidak menyoal profesionalisme *superior*, penilai kita ada tetapi sistem ini mungkin terbuka untuk *abuse*. Jadi, apakah kerajaan untuk mengurangkan kes-kes seperti ini?.

Ini soalan pertama. Soalan kedua, tahniah kepada kementerian kerana mendapat jawatan tambahan sebanyak 10,000. Saya hendak tanya mungkin secara bertulis di manakah jawatan ini akan diisi dan jika boleh *distribution* dilakukan lebih saksama dan adil kepada semua tempat yang memerlukan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching yang saya yakin sangat peka dengan persoalan ini dengan perkhidmatan kesihatan ini. Saya memerhatikan perkara inilah yang antara perkara pertama yang saya perhatikan sebaik saya mengemudi kementerian ini untuk memastikan bahawa *assessment* atau penilaian yang dibuat sebelum pelantikan tetap ataupun kontrak khususnya dalam aspek-aspek yang dikatakan sebagai semestinya *it must be very criteria-based, must be merit-based*,

memenuhi pelbagai aspek sama ada perubatan mahupun pergigian atau farmasi. Mereka punya aspek prestasi dan *performance* dan kompetensi semasa latihan siswazah lagi *they got to fulfill all that*, markah LNPT mereka.

Juga saya perhatikan perkara ini dan saya memerhatikan dari sudut, sama ada bermula dengan prosesnya itu sendiri di mana kita ada jawatankuasa di sebalik telah diberikan penilaian oleh pegawai penilaian di setiap penempatan mereka. Mereka ada satu jawatankuasa pemilihan lantikan tetap dan kemudiannya diangkat kepada pengarah atau Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dan juga KSU yang bergandingan untuk menentukan sebelum mereka ini diangkat kepada SPA.

Sementara saya memerhatikan ada juga ruang *for some discretionary power by way of* penilaian oleh *the specialist* atau pakar, saya mahukan dan saya terus memeriksa akan sejauh mana *it is truly objective, merit-based* dan telus. Jadi, saya nampak ada ruang untuk *some discretionary power there*, sebab penilaian itu adalah oleh pakar dan *it's not* satu yang betul-betul - ia tergantung kepada berapa markah penilaian dan sebagainya.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin sahaja kalau yang penilai itu telah pun tidak dapat mengekalkan *professionalism*nya dengan baik dan telus, bertanggungjawab dan adil. Itu perkara saya ambil faham, Tuan Yang di-Pertua.

Adapun dari sudut 10,675 perjawatan yang baru kita terima untuk KKM dalam semua jawatan, perkara itu Yang Berhormat Bandar Kuching, kami mahu pastikan bukan sahaja kita membina fasiliti-fasiliti kesihatan terutamanya yang baru tetapi yang lebih penting adalah untuk mendapatkan perjawatan yang mencukupi supaya apa pun fasiliti kesihatan, sama ada *women and child hospital* dan sebagainya, ia mesti ditangani dengan perjawatan yang cukup. Terima kasih.

Kita akan memastikan agihan dan *distribution of all these at all level and the continue of care* daripada klinik-klinik sampailah ke *our hospital-based, security care, secondary, tertiary* dan *referral hospital* kita, kita mahukan perjawatan ini diberikan dengan adil dan mencukupi. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana telah menarik balik Rang Undang-undang Akta Racun tadi yang memberikan peluang kepada *stakeholders* dan MMA, MMC dan NGO perubatan untuk berbincang dengan pihak kementerian. Terima kasih banyak.

Dalam satu kenyataan pada 2 Disember, JPA meluluskan 10,675 perjawatan yang dimohon oleh KKM. Dikatakan perjawatan ini akan diperuntukkan untuk pegawai perubatan, pergigian, *pharmacist*, jururawat dan juga penolong pembantu perubatan. Jadi, saya kira ini adalah berita baik untuk *houseman* yang diberikan kontrak selama ini. Saya kira ini berita baik. Terima kasih banyak.

Saya ingin bertanya, adakah pihak KKM akan memberikan juga perjawatan-perjawatan ini untuk memperkasakan promosi kesihatan atau pendidikan kesihatan yakni di Bahagian

Pendidikan Kesihatan KKM. Kita baru sahaja meluluskan rang undang-undang semalam. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, juga seorang Ahli Yang Berhormat yang sangat peka dengan persoalan perkhidmatan kesihatan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Ya, pastinya pengumuman tentang pemberian 10,675 perjawatan untuk KKM yang diberikan oleh JPA, yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Tun, ia adalah suatu yang sangat dinanti-nantikan dan sangat memberikan galakan kepada kami di KKM. Namun, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai, persoalan jawatan khususnya untuk HO, *houseman ship* itu, ia kekal untuk buat sementara ini di mana terpaksa kita teruskan dengan pelantikan kontrak ini.

Justeru kerana yang dimaksudkan tadi itu adalah pegawai perubatan, *pharmacist, dentist*, ... segalanya tetapi tidak termasuk jawatan untuk HO di angkat semua menjadi pelantikan tetap. Walaupun saya mengharapkan dalam masa ke depan andai kalau ekonomi *becomes better* insya-Allah itu satu yang boleh diakses kemudian, dinilai kemudian.

Perkara yang penting bagi kami adalah perjawatan yang diberikan itu akan memberikan kami untuk menangani apa yang disebut oleh Laporan Ketua Audit Negara sebagai *understaff, over work, under paid dan under funded* dengan izin. Jadi kesemua ini memberikan satu suntikan yang sangat besar bagi kami di KKM.

Saya akan dengan penuh tanggungjawab akan memastikan bahawa fasiliti-fasiliti kita yang kita sedia maklum hospital kita dan semua yang kadangkala berjalan dengan satu nisbah bukan sahaja doktor dan pakar tetapi *nurses* pun kita tidak dapat memenuhi *benchmark* sebenar-benarnya kalau ICU itu *one to one nurse per bed*.

Kita mungkin ada lapan. Maaf satu *ratio* itu tidak dapat kita jadikan satu. Jadi *we are working at eight times, ten times of workload* kepada *nurses*. Jadi, itulah antara perkara yang saya sebutkan yang perlu saya tambah sedikit daripada soalan.

6. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sama ada proses pemilihan kontraktor Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dibuat secara tender terbuka serta apakah kriteria pemilihan kontraktor sehingga OPCOM Holdings Berhad berjaya dalam bidaan projek NFCP dan berapakah jumlah nilai kontrak tersebut ; dan
- (b) apakah keputusan ini dibuat mengikut *good governance* dan tiada unsur-unsur nepotisme.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab soalan itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pengerusi-pengerusi MPKK dan AJK Ketua-ketua KKI, Ahli-ahli Majlis Daerah Hulu

Selangor dan juga Pegawai-pegawai Pusat Perkhidmatan Rakyat, Parlimen Hulu Selangor. [Tepuk] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara ataupun NFCP akan melibatkan pelaksanaan pelbagai projek-projek infrastruktur yang akan dibangunkan di seluruh negara seperti pembinaan menara-menara, penyediaan rangkaian-rangkaian gentian optik dan pelaksanaan pusat pendaratan kabel pada dasar laut.

Projek-projek infrastruktur ini Tuan Yang di-Pertua akan dilaksanakan melalui pembiayaan secara komersial dan sebahagian lagi akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ataupun PPS atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *USP Fund, Universal Service Provision Fund* yang dikumpul dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ataupun dalam singkatan SKMM dan ianya berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat) 2002 yang dikenali sebagai Peraturan-peraturan PPS.

Pelantikan pihak-pihak yang akan melaksanakan projek-projek pemberian perkhidmatan sejangat ini adalah tertakluk Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan-peraturan PPS tersebut dan terhad kepada pemegang-pemegang lesen Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sahaja. Peraturan-peraturan PPS memperuntukkan kaedah penggunaan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat iaitu melalui pelawaan terbuka kepada pemegang-pemegang lesen Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk mengambil bahagian dalam inisiatif pemberian perkhidmatan sejangat.

Pemegang-pemegang lesen Tuan Yang di-Pertua akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan bagi dilantik sebagai pelaksana inisiatif tersebut berdasarkan kepada kriteria-kriteria serta spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak SKMM tertakluk kepada keperluan-keperluan inisiatif-inisiatif yang berkaitan.

Pihak SKMM akan memutuskan pihak yang akan melaksanakan inisiatif pemberian perkhidmatan sejangat tersebut setelah menilai cadangan-cadangan yang diterima. Proses ini adalah serupa dengan proses tender terbuka Tuan Yang di-Pertua dan adalah proses yang jelas dan telus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, OPCOM Holdings Berhad, bukan pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan oleh itu SKMM tidak boleh melantik mereka bagi mana-mana inisiatif yang akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat.

Jadi dakwaan Yang Berhormat bahawa OPCOM Holdings Berhad adalah kontraktor yang berjaya dalam bidaan projek NFCP melalui SKMM adalah dakwaan yang tidak benar dan tidak berasas. Soal berkenaan berapakah jumlah nilai kontrak yang diperolehi oleh mereka melalui SKMM tidak timbul sama sekali kerana OPCOM Holdings bukanlah pemegang lesen di bawah akta tersebut dan SKMM tidak boleh melantik mereka bagi mana-mana inisiatif yang akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan tadi. Sebenarnya berdasarkan kepada laporan *The Edge Markets* yang melaporkan pada 4 hari bulan peningkatan 16 peratus pada 4 September tahun ini, syer market untuk OPCOM dan ini adalah satu perkara yang- satu fenomena selepas enam hari diumumkan NFCP. Jadi saya hendak bertanya kalau Yang Berhormat kata ianya tidak ada kena mengena dengan OPCOM, apakah kementerian akan menerangkan apa persepsi yang salah, yang wujud dalam ini kerana ini dilaporkan oleh satu media, *financial week* dan saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dibetulkan.

Kedua Yang Berhormat, boleh tidak Yang Berhormat mengesahkan penglibatan syarikat infrastruktur telekomunikasi seperti *Green Packet, Nets Holding, OCK Groups Berhad* ataupun *REDtone International* selain daripada OPCOM Holdings yang kata bukan dan mereka ini adakah mereka jadi *beneficiary* dalam projek NFCP seperti mana tersebar dalam platform sosial media. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat soalan Yang Berhormat berkisar pada OPCOM Holdings, soalan nombor enam. Jadi hendak tahu berkenaan dengan syarikat-syarikat lain seperti mana disenaraikan tadi, beritahu kepada saya, saya akan berikan setelah saya buat semakan. Saya tidak ada masalah. Tapi Yang Berhormat masalah dia Yang Berhormat, bila kita baca surat khabar *the Edge*, itu berkaitan dengan gandaan saham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Spekulasi.

Tuan Gobind Singh Deo: Ianya berbeza dengan soalan yang dimajukan ya. Soalan yang dimajukan adalah dakwaan bahawa OPCOM Holdings ini menerima projek-projek melalui SKMM dan di situ disebut nepotisme dan sebagainya. Itu tidak benar dan saya telah pun selaku Yang Berhormat Menteri berkali-kali menyatakan walaupun saya katakan masih diungkit lagi kerana sebab-sebab politik.

Tetapi kita jelas, kita terus, kita telus, kita terang. Kita menyatakan apa yang ada menurut fakta dan kalau OPCOM ini tidak menjadi seorang pemegang lesen melalui akta itu, maka tidak timbul sama sekali dakwaan tersebut. Isu berkenaan dengan kenapa berlaku saham dan sebagainya, itu berbeza daripada soalan yang diajukan kerana *as you can see* soalan itu menjurus kepada dua perkara. Adakah mereka mendapat projek melalui SKMM berkenaan dengan inisiatif NFCP dan soal nepotisme.

Saya telah jawab bahawa kedua-dua itu dakwaan yang tidak berasas sama sekali Yang Berhormat. Isu yang kedua itu *as I said* berikan kepada saya senarai yang kita hendak tahu, saya akan berikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah terkini penerima skim mySalam khususnya di negeri Sabah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kelonggaran bagi individu bujang B40 untuk menyertai skim mySalam.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Beaufort. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan rekod sehingga 30 November 2019, jumlah tuntutan yang diluluskan di bawah skim mySalam di Sabah adalah sebanyak 626 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM911,500.

Daripada 626 tuntutan yang telah dibayar, 531 adalah untuk tuntutan manfaat hospital dan 95 adalah tuntutan penyakit kritikal. Skim Perlindungan Kesihatan Nasional, mySalam yang telah diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup berumur 18 tahun hingga 55 tahun serta pasangan mereka.

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, perlindungan mySalam mulai 1 Januari 2020 akan dipanjangkan kepada perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit sedia ada. Individu yang berumur sehingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu dan individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100,000.

Mereka akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4,000 dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila diagnosis dan dimasukkan ke hospital kerajaan. Ini akan memberi manfaat kepada lima juta individu. Individu bujang berumur 40 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan pun layak dan akhirnya individu bujang OKU.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan mySalam yang sedang dalam proses untuk bekerjasama dengan pihak *Urban Transformation Center* (UTC) di seluruh Malaysia bagi mengembangkan dan mempertingkatkan kesedaran tentang manfaat mySalam serta dalam proses menyediakan kiosk perkhidmatan di hospital utama di seluruh negara secara berperingkat dan dijangkakan setiap negeri akan mempunyai kiosk ini pada penghujung tahun 2019.

Di Sabah, pasukan mySalam telah menubuhkan dan mengoperasikan tiga buah kiosk perkhidmatan di Sabah setakat ini iaitu di Hospital Queen Elizabeth I, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas dan Hospital Duchess Of Kent, Sandakan. Dua buah kiosk akan dibuka dalam tempoh terdekat iaitu di Hospital Tawau dan Lahad Datu tertakluk kepada kelulusan pengurusan hospital.

Pasukan mySalam juga telah bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain secara aktif bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran tentang skim ini. keberkesanan program promosi dan kesedaran ini dijangkakan akan terus naik dengan segala aktiviti-aktiviti lanjutan yang telah

dirancang oleh pasukan mySalam untuk bulan-bulan seterusnya. Penerima yang mempunyai sebarang semakan pendaftaran dan pertanyaan berkenaan skim mySalam boleh melayari laman web mySalam di www.mysalam.com.my dan membuat panggilan ke pasukan mySalam di talian yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang cukup *detail* tadi dan saya ucapkan terima kasih kerana orang bujang, individu bujang pun sekarang ini akan diberikan perlindungan juga. Berbanyak-banyak terima kasih daripada rakyat.

■1130

Saya ingin bertanya daripada dana sejumlah RM2 bilion yang disumbangkan oleh Great Eastern, berapakah yang telah dibelanjakan ataupun terpakai setakat ini? Saya juga ingin bertanya sesuai dengan Wawasan Kemakmuran Bersama, adakah kerajaan bercadang untuk melantik syarikat-syarikat insurans tempatan untuk turut sama melaksanakan Program mySalam ini melalui dana sejumlah RM2 bilion permulaan ini. Terima kasih banyak-banyak.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort. Saya ingin menyatakan bahawa jumlah yang telah diberikan ini adalah untuk negeri Sabah tetapi saya tidak ada angka-angka untuk seluruh Malaysia dan saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Berkaitan dengan sumbangan yang diberikan oleh Great Eastern, ini adalah sebagai sumbangan agar bahawa Great Eastern tidak perlu memenuhi pengurangan ekuiti mereka dan tentu pihak kerajaan rasa ini adalah cara yang lebih baik dan memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia lebih daripada memberikan manfaat kepada segelintir kecil yang dapat memegang ekuiti sebanyak 30 peratus.

Sekiranya kita dapat sumbangan ini, maka ia dapat diagihkan dan diterima faedahnya oleh kumpulan atau satu kumpulan yang jauh lebih besar. Di mana dijangka akan merangkumi tambahan yang diberikan adalah tambahan sebanyak RM6.5 juta di bawah bajet atau Belanjawan 2020. Djangka ini akan melonjak kepada lebih sejumlah 10 juta orang apabila skim baharu ini diperkenalkan pada tahun depan. Di mana liputan ini bukan sahaja kepada B40 tetapi kepada M40 yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM100 ribu dan tadi pun sudah sebut bahawa individu bujang berumur 40 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan pun layak menerimanya sekiranya tidak bernasib baik menghadapi penyakit kritikal.

Di sini sekiranya ada mana-mana syarikat insurans yang bersedia untuk memberikan sumbangan yang sedemikian maka ia tentu akan dialu-alukan mengikut kaedah yang ditetapkan tadi berkaitan dengan Great Eastern. Di mana dana ini dapatlah diberikan terus kepada mereka yang menghadapi penyakit kritikal seperti yang tersebut. Seperti yang saya pernah sebut sebelum ini, ini bukanlah satu jumlah yang boleh menyelesaikan masalah kewangan tapi sekurang-kurangnya satu bantuan di mana pihak kerajaan mahu menunjukkan bahawa kita tidak lupa ke atas mereka yang menghadapi penyakit kritikal dan juga kesengsaraan yang dihadapi oleh pesakit

dan juga ahli keluarganya iaitu Kerajaan Persekutuan tidak lupa sama mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bagan sebab seperti mana yang kita maklum Program mySalam ini ia diberi kepada siapa yang layak mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH). Akan tetapi cara penyampaian maklumat mengenai siapa yang layak itu, saya berharap agar ia boleh diperhalusi kerana walaupun ia dimaklumkan melalui SMS tidak semua rakyat di kampung-kampung ini mempunyai telefon *mobile phone*. Jadi, mereka ini kadang-kadang tidak dimaklumkan.

Jadi, saya juga ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf *website* mySalam ini di mana satu pangkalan data yang boleh diletakkan supaya mereka ini boleh buat *query* dengan IC, supaya apabila siapa-siapa yang datang kepada pusat khidmat kita, kita boleh bantu *check* sama ada mereka ini layak ataupun tidak. Hal ini di *website* mySalam tidak ada pangkalan data yang boleh memberi maklumat dan walaupun ia dihantar kepada SMS tidak semua yang dapat sebab maklumat kemas kini telefon *number* itu tidak *updated*.

Jadi, saya berharap agar Yang Berhormat Bagan dapat melihat perkara ini supaya kita juga dapat memperhalus khidmat kita kepada masyarakat. Seterusnya, saya juga menerima beberapa aduan mengenai proses pembayaran daripada mySalam ini. Kadang-kadang ia memakan proses yang terlalu lama dan terlalu banyak *red tapes*. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat memperhalus golongan-golongan yang mempunyai masalah ini yang perlukan bantuan. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat daripada Puncak Borneo. Memang masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat diberikan perhatian dan keprihatinan yang sewajarnya. Tentulah untuk masa ini sekiranya ada masalah atau hendak ada pertanyaan mereka boleh hantar e-mel menerusi laman web mySalam yang saya pun telah sebutkan tadi.

Sekiranya, masih ada masalah tentu kita akan halusi cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tetapi buat masa ini mengikut maklumat yang saya terima memang apa-apa pertanyaan melalui e-mel telah pun dijawab. Akan tetapi, sekiranya Yang Berhormat ada cadangan ataupun ada contoh-contoh di mana pemohon-pemohon menghadapi masalah saya harap Yang Berhormat boleh kongsi dengan pihak kami dan kita akan berikan perhatian dan juga penyelesaian yang sepatutnya.

Berkaitan dengan cadangan bahawa program mySalam ini adalah perlu kita memastikan bahawa dari segi syarat-syarat ia dipatuhi supaya tidak ada masalah dari segi mereka yang tidak layak diberikan faedah sedemikian. Akan tetapi walau macam mana pun pihak kementerian selalu menegaskan kepada pihak yang mengendalikan program mySalam ini supaya kita harus simpati dengan pihak pesakit-pesakit dan kita harus cuba sedaya-upaya supaya dapat membolehkan mereka membuat tuntutan dengan berjaya. Tentulah dari segi kerenah birokrasi yang telah disebutkan, pihak kementerian telah meminta mereka cuba mengurangkannya.

Akan tetapi, sekiranya ada apa-apa masalah sekali lagi saya minta Yang Berhormat untuk tujukan ataupun ketengahkan kepada pihak kami dan kita akan memberikan perhatian seperti yang saya sebut tadi penyelesaian yang sepatutnya. Dalam aspek ini, kita akan cuba menghalusi dan menaik taraf perkhidmatan supaya pihak pesakit dapat tuntutan seawal-awalnya. Sekian terima kasih.

8. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah pelan tindakan kementerian dalam memastikan sektor industri halal Malaysia menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah menyumbang sebanyak RM38.3 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2018. Daripada peratusan tersebut, industri halal hanya menyumbang sebanyak 7.8 peratus.

Kerajaan menyasarkan sumbangan industri halal kepada KDNK negara untuk meningkat kepada lebih kurang sembilan peratus menjelang tahun 2020. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan melaksanakan strategi jangka pendek dan jangka panjang di bawah Teras Strategik Kelima Dasar Usahawan Nasional atau Dasar Keusahawanan Negara 2030 iaitu memantapkan keupayaan dan prestasi perusahaan mikro kecil dan sederhana.

Strategi tersebut bersesuaian dengan peranan baharu MED yang telah dipertanggungjawabkan mengetuai Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal yang baru ditubuhkan di bawah Majlis Pembangunan Industri Halal. Strategi yang telah dirancang oleh MED di bawah Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal ini adalah seperti berikut;

Pertama, membudaya halal sebagai satu jenama yang di hubung kait dengan kualiti dan keyakinan. Ini menggalakkan lebih banyak PKS mendapat pensijilan halal bagi mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap produk dan secara langsung dapat meningkatkan prestasi jualan.

Kedua, menyediakan sokongan pembiayaan kewangan sebagai *enabler industry* bagi meningkatkan keupayaan dalam perniagaan PKS. Dalam hal ini MED telah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) yang menyediakan dana pinjaman sebanyak RM20 bilion untuk syarikat PKS yang layak.

Ketiga, memantapkan kapasiti keusahawanan dalam rangkaian bekalan halal bagi memastikan setiap proses dalam rangkaian tersebut mempunyai keupayaan untuk lengkap melengkapi antara satu sama lain.

■1140

Antara langkah yang sedang diusahakan MED ialah menghasilkan industri pembuatan gelatin halal pada skala besar di Malaysia dengan penglibatan sektor swasta. Ia bakal menjadi

game changer kepada landskap industri halal di Malaysia khususnya dalam sektor makanan dan minuman, penjagaan kesihatan dan farmaseutikal;

Keempat, menggalakkan penggunaan teknologi dalam inovasi dan pembangunan produk bagi meningkatkan keupayaan industri halal tempatan. Pelaksanaan inisiatif ini melalui kolaborasi dengan pihak swasta dan institusi penyelidikan seperti SIRIM dan universiti awam mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang dapat bersaing secara kompetitif dengan negara pengeluar lain.

Kelima, memantapkan keupayaan PKS menerusi sinergi *inter* agensi melalui perkongsian kepakaran dan data dan sokongan infrastruktur untuk pembangunan industri halal dengan mengoptimumkan sumber sedia ada ini dan ini akan dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal dengan menyelaraskan sumber dan peranan agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan industri halal seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), MATRADE untuk eksport produk dan Majlis Reka Bentuk Malaysia, pembangunan untuk pembangunan produk.

Keenam, meluaskan akses kepada pasaran secara terbuka dan secara lebih luas berfokus melalui kolaborasi sektor awam dan swasta dan pada masa ini fokus utama kerajaan adalah menembusi pasaran halal di Jepun sempena penganjuran Sukan Olimpik dan Paralimpik 2020 dan ia bakal menjadi pintu masuk bagi produk-produk halal Malaysia ke Jepun menerusi kedatangan anggaran 8 juta orang pelancong Muslim sepanjang penganjuran acara sukan berlangsung pada tahun depan.

Kita anggarkan seperti mana yang saya telah maklum kepada Dewan, kita anggarkan pasaran tersebut berjumlah sebanyak RM1.2 bilion. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang padat tadi. Selain daripada usaha yang dilaksanakan bersama dengan negara Jepun saya hendak tanya apakah usaha lain yang dilaksanakan yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian untuk luaskan lagi jaringan kerjasama dengan negara-negara lain selain daripada Jepun Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi supaya industri halal di Malaysia ini dapat menembusi pasaran global. Itu pertama.

Keduanya, bagaimanakah agaknya Yang Berhormat Menteri melihat gerakan *Buy Muslim First* ini (BMF) yang mampu melonjakkan produk buatan halal ini dan dia akan berupaya untuk membuka lebih banyak lagi ruang pasaran yang lebih besar kepada pengusaha-pengusaha tanpa mengira siapa mereka. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan tadi adalah satu contoh inisiatif kita yang akan dilaksanakan menggunakan Sukan Olimpik sebagai pelantar ataupun landasan untuk kita melonjak lebih jauh mempamerkan kebolehan kita dalam industri halal dan produk-produk yang telah pun dikeluarkan. Kita jangkakan hari ini sebanyak 112 yang telah berdaftar dengan kementerian untuk mempamerkan dan menjual produk selama dua bulan di Tokyo Olimpik.

Inisiatif lain telah dilaksanakan dan sedang terus dilaksanakan umpamanya membawa produk-produk halal ke negeri China, membawa produk-produk halal ke *Eastern Europe* negara Eropah Timur dan juga bekerjasama dengan contohnya di negeri-negeri Timur Tengah. Baru-baru ini kita telah membawa usahawan-usahawan untuk memasarkan produk-produk halalnya di Myanmar. Banyak lagi inisiatif-inisiatif yang boleh kita perincikan, jika perlu kita memberi satu jawapan bertulis. Ini tanggungjawab kita untuk memastikan usahawan ini mengenali pasaran yang mahu di terokai dan kita sedia membantu, sedia memudah cara.

Nombor duanya mengenai *Buy Muslim First*. Itu bukan dasar kerajaan kita hari ini, ada NGO-NGO yang mahu berkempen untuk masyarakat-masyarakat membeli barangan buatan orang Muslim, orang Islam kita tidak menghalang. Serupa juga dengan orang-orang yang agama lain yang mahu berkempen secara bukannya kerajaan. Kita memantau dan kita pastikan ia tidak menjejaskan hubungan antara rakyat yang berbilang kaum dan agama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri menerusi peruntukan sebanyak RM10 juta untuk Kementerian dalam aspek pembangunan produk halal. Bagaimana Kementerian dapat memampatkan peruntukan tersebut untuk menambah baik rangkaian penawaran atau *supply chain* para pengusaha PKS. Kedua, apakah jaminan Kementerian peruntukan RM10 juta ini mampu membantu para pengusaha atau usahawan PKS dalam memastikan aspek penyimpanan atau *warehousing* serta pembungkusan (*packaging*) produk-produk halal mereka benar-benar mematuhi standard atau piawaian halal yang sebenar. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan selalu kita sebutkan memudahkan cara dan mengawal selia dari sudut undang-undang untuk memastikan pembangunan industri halal berhala tuju. Kalau disebutkan tadi butiran belanjawan sebanyak RM10 juta spesifik untuk Kementerian Pembangunan Usahawan itu adalah satu fakta yang tepat. Akan tetapinya untuk pembangunan industri halal secara keseluruhannya, Kementerian Kewangan telah mengadakan butiran belanjawan kalau di kumpulkan dari semua Kementerian yang melibatkan pembangunan industri halal adalah sebanyak RM115 juta.

Baru-baru ini saya berterima kasih kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah meminda sedikit sebanyak dengan hala tuju yang kita bawa, dengan program pembangunan yang kita telah lakarkan, rancangkan ada sedikit dana yang lebih untuk kita gunakan dengan program pembangunan itu sendiri. Bukan kita hendak mewujudkan contoh membelanjakan duit itu untuk membangunkan dengan membabitkan belanja itu.

Contoh pusat pungutan, kita menggalakkan usahawan itu sendiri, industri itu sendiri kita membantu dari sudut program-program dari segi memudahkan cara, membuka pasaran, mengadakan latihan, memberi khidmat nasihat. Itulah belanja yang kita gunakan. Tidak begitu

9. **Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) pelan holistik kementerian untuk mengurangkan jumlah penghidap obesiti; dan
- (b) keberkesanan pengenalan cukai gula terhadap golongan sasaran sejak 1 Julai 2019 dalam mengubah tabiat pemakanan serta penyerapan hasil cukai ke dalam biaya program makanan percuma di sekolah.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Kerajaan pastinya sangat peka dan prihatin terhadap masalah obesiti yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Sementelahan kita telah pun dinobatkan menjadi kepada kedudukan paling atas dari segi kegemukan seluruh negara Asia dan dari segi *child obesity* juga kita adalah yang kedua tingginya dari negara ASEAN pada umur 5 hingga 19 tahun. Pastinya ini sangat membimbangkan.

Sehubungan itu, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah dibentuk bagi menangani masalah ini. Antara lainnya adalah Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia yang ketiga ataupun *The National Plan of Action for Nutrition Malaysia 2016-2025*, Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NCDs). Obesiti adalah di antara *risk factor for NCDs*; *diabetes*, *hypertension*, *hypolipidemia* dan sebagainya. Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan yang sangat penting (*The National Strategic Plan for Active Living*) yang sangat penting untuk menangani masalah kegemukan dan obesiti. Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus mengambil langkah-langkah ini dan melaksanakan pelan-pelan ini.

Satu jawatankuasa khas juga telah ditubuhkan yang mana jawatankuasa menangani masalah obesiti sejak awal dahulu ya, *from 2014* lagi tetapi kalau kita perhatikan dalam jawatankuasa ini kita dapati ada 48 polisi telah digariskan dan akan dilaksanakan secara berfasa khususnya untuk tahun-tahun ke depan ini sehingga tahun 2025. Sebagai contoh adalah antara lainnya *one of the earliest initiative* yang telah pun kita laksanakan adalah cukai eksais ke atas minuman manis *sugary SSB*, *sugary tax*, (*sugary sweeten beverages*), cukai 40 sen bagi 100ml.

■1150

Jadi, itu adalah yang dapat kita laksanakan bagi *beverages above* lima gram per liter, gula. Tuan Yang di-Pertua., atas soalan kesan pelaksanaan pengenaan ataupun penguatkuasaan cukai eksais ke atas minuman manis bergula belum dapat kita adakan apa-apa tinjauan (*assessment*) kerana ia belum – ia baru saja beberapa bulan yang kita laksanakan.

Akan tetapi, mengambil daripada juridiksi ataupun negara-negara lain yang kita dapati mereka berjaya. Contohnya, kalau *Mexico*, *they managed to reduce 10 percent after two years* dan begitu juga negara-negara seperti India, Brunei, *Philippine* yang dapat mengurangkan 8.7 peratus *consumption of sugary drink* ataupun minuman bergula ini dalam dua tahun. Begitu juga, yang lain termasuk Brunei, Thailand dan sebagainya.

Saya sangat mengharapkan dalam jangka waktu setahun atau dua tahun ini, kita akan dapat membuat *assessment* terhadap sejauh mana keberkesanan langkah-langkah ini. Akan

tetapi, yang lebih mustahak adalah untuk memahami dan rakyat kena faham bagaimana obesiti dan kegemukan itu punya hubungan langsung dengan NCD, *diabetes*, *hypertension* dan juga masalah-masalah pembunuh utama (*the main killer*) iaitu *the cardiovascular diseases of the heart diseases* dan CVA yakni strok. Kalau rakyat faham ini, *we would be working hard to reduce*, dengan izin, menangani kegemukan dan menangani obesiti. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu yang menunjukkan komitmen, ya di dalam hal ini. Menjelang tahun 2025, seramai tujuh juta rakyat Malaysia termasuklah warga Kuala Kedah yang di belakang dijangka akan terjejas dengan *diabetes*. Maka, memandangkan banyak jawatankuasa akan bertugas, memandang dan menyelidik hal ini dengan lebih lanjut, persoalan saya adakah akan diambil kira *impact* cukai eksais kepada golongan B40 berbanding dengan Top 20?

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri juga akan mengambil kira pengenalan subsidi kepada barangan berkhasiat contohnya buah-buahan dan sayur-sayuran? Ini kerana, menerusi kajian *Tufts University* 2017, mereka melihat program intervensi di *USA*, *New Zealand*, *Perancis* dan *Belanda*, setiap 10 peratus penurunan harga buah dan sayur meningkatkan pembeliannya sebanyak 14 peratus.

Jadi, saya amat mendukung usaha Yang Berhormat Menteri kalau boleh kedua-dua cadangan ini diambil kira ataupun dapat dibincangkan dengan lebih lanjut. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya memerhatikan satu cadangan itu dengan maksud kalaulah golongan B40 itu dikecualikan, secara langsung saya respons itu dengan satu pandangan yang agak berbelah-bagi kerana utama yang perlu kita dapatkan impak *excise duty*, 0.40 sen satu liter ini adalah untuk kita dapat benar-benar mereka mengurangkan, ya. Mengurangkan pengambilan *sugary drink* itu.

Dengan kata lain, ia tidak sebenarnya dihadkan kepada – *It is across the board. This is because* kita hendak impak itu dimanfaatkan juga oleh golongan B40 dan B40 ini juga adalah golongan yang terdedah kepada NCD tadi yang perlu kita lindungi mereka dengan *sugary tax* ini. Jadi, saya yakin dalam cadangan yang lain itu, boleh saya perhatikan sebagai satu cadangan yang baik. Akan tetapi, *over the* penguatkuasaan as B40, 0.40 sen itu memang *across the board* supaya benar-benar semua rakyat akan dapat kita kurangkan pengambilan gula.

Kita juga perhatikan syarikat-syarikat yang hari ini kalau boleh saya sebutkan telah pun menunjukkan respons dengan mana reformulasi kandungan gula dalam produk minuman kita. Kita sudah ada terkini, 17 syarikat pengeluaran minuman telah membuat reformulasi minuman mereka ataupun bancuhan ataupun produk-produk mereka sebanyak 83 jenis produk minuman manis.

Jadi, itu sudah menunjukkan tanda awal kejayaan inisiatif ini dan...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: *Moving forward* dengan kejayaan ini nanti, saya harap kita akan dapat menyaksikan kesan yang lebih baik, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta, Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Antara Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Jelebu.

Seorang Ahli: Baju putihlah, baju putih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi Yang Berhormat Tenggara.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak adil.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa, saya soalan nombor tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tenggara, sila.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Menteri, kita jangka, kalau tidak ada ambil tindakan terhadap obesiti ini hingga tahun 2025, seramai 1.65 juta kanak-kanak Malaysia mungkin akan ada obesiti. Ini kalau data ini betul. Jadi, untuk itu Yang Berhormat Menteri, semalam kita pun sudah kaitkan pembubaran Lembaga Promosi Kesihatan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah program mengekang obesiti ini terdapat dalam pelan apa-apa dalam bahagian promosi kah, bahagian pendidikan dan adakah bermula di peringkat awal persekolahan anak-anak diberikan penumpuan untuk mengelakkan obesiti? Sekiranya obesiti ini berjaya dikekang, kita mungkin negara yang mengurangkan kadar obesiti yang tertinggi sekarang, peringkat ini di Asia.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Memang perkara ini menjadi keprihatinan dan perhatian kami dan program-program ini telah pun kita susun. *Addressing obesity* di kalangan *children* dan juga *school going student* ini juga adalah satu yang kita – Kita ada dua masalah. Satu ialah *malnutrition* dan satu lagi adalah – ia ada dua, dua *polar*, dua kutub, ya. *Overweight* dan *obesity* dan juga *malnutrition* dengan maksud *standard growth* dan sebagainya.

Jadi, kedua-dua itu kita garap sekali dalam program-program kami yang juga bukan hanya merupakan program MOH tetapi kita telah pun daripada hasil daripada cukai SSB ini, kita juga telah memulakan program – AKPM juga telah memulakan program *healthy breakfast program* di sekolah-sekolah itu adalah antara tindakan awal yang telah ataupun respons yang segera yang dilakukan. Jadi, dalam perangnya itu, memang kita ambil perhitungan persoalan obesiti kanak-kanak ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, minta tambah satu Tuan Yang di-Pertua. Satu saja, saya minta pertimbangan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah puasa, puasa itu boleh mengurangkan berat badan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tiada pertimbangan ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu soal obesiti ini penting. Pergilah bersenam dan bersukan. Sila, Yang Berhormat Rantau Panjang.

10. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menaik taraf pekan Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan yang terletak di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand?

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Rambut baharu ya, Yang Berhormat Menteri?

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Ya, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Orang kalau sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Gaya, gaya rambut. Bukan rambut baharu. Gaya baharu.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Tuan Yang di-Pertua, orang ini kalau sudah setengah umur ini, hendak jadi muda, rambut pun bagi cat hitamlah juga. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini pun satu produk pelancongan. Ini boleh membuat promosi pelancongan, ya. *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini pun satu penyakit ini, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Supaya nampak sihat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Pihak berkuasa tempatan dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaik taraf atau membangunkan lokasi-lokasi tumpuan pelancong di seluruh negeri Kelantan termasuklah pekan Rantau Panjang yang menjadi salah satu pintu masuk utama sempadan Malaysia-Thailand.

Sekiranya berpotensi bagi memastikan produk pelancongan serta aktiviti kebudayaan di negeri tersebut dapat dibangunkan dengan memberikan faedah kepada masyarakat tempatan khususnya dan ekonomi negara secara keseluruhannya. Sehubungan itu, MOTAC telah memperuntukkan sebanyak RM18.32 juta bagi membiayai 18 buah projek berkaitan produk pelancongan dan kawal kebudayaan di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia ke-10.

■1200

Ini termasuk dua buah projek di Rantau Panjang, Kelantan dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.1 juta. Projek yang terlibat adalah projek peningkatan kemudahan pelancongan

di pintu masuk Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan RM1 juta dan projek menaik taraf kemudahan pelancongan di pintu masuk antarabangsa Rantau Panjang, Kelantan iaitu menaik taraf kemudahan pelancongan di stesen teksi RM100,000.

Sejumlah RM1.65 juta turut diperuntukkan kementerian bagi membiayai tiga buah projek di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun, tiada sebarang projek pelancongan mahupun kebudayaan yang dilaksanakan di Rantau Panjang di bawah Rancangan Malaysia Ke11 ketika ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat statistik tahun 2018, kehadiran pelancong daripada Thailand ke negara kita dari pintu masuk Rantau Panjang tidak sampai RM2 juta. Kalau kita bandingkan dengan jumlah pelancong daripada Singapura yang masuk ke Malaysia, mencecah RM10 juta.

Jadi saya ingin tahu, apakah inisiatif khas untuk menarik pelancong-pelancong terutama daripada negara Thailand untuk masuk ke Malaysia dalam Tahun Melawat Malaysia 2020 dan juga ke negeri Kelantan? Apakah item-item yang akan dibuat dengan segera? Oleh sebab di antara masalah besar sekarang di pintu masuk itu, pagar pun rosak termasuk jalan raya dan kemudahan rekreasi yang tidak ada dan yang sangat rendah. Begitu juga kemudahan naik taraf jalan dan sebagainya.

Jadi, saya harapkan supaya diberi keutamaan untuk merangsang ekonomi dan juga menambahkan pendapatan penduduk tempatan. Jadi saya ingin tahu, apakah inisiatif yang bakal dibuat untuk Rancangan Malaysia Ke-12 sebab Rancangan Malaysia akan berakhir, Rancangan Malaysia Ke-12 kita mengharap sangat Kementerian Pelancongan memberi keutamaan untuk rantau panjang dan seluruh negeri Kelantan. Minta penjelasan.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentu sekali kalau kita lihat jumlah pelancong daripada Singapura masuk ke Malaysia memang banyak. Akan tetapi kalau kita ambil kira pelancong masuk ke sesuatu negeri dibanding dengan masuk ke satu negara, memang jauh bezanya. Di situ kita lihat kalau RM10 juta pelancong masuk ke negara kita daripada Singapura dan mungkin di Rantau Panjang, mungkin 2 juta itu kita tahu perbezaannya. *Its only small – Not to say small, but it's a district entry point whatever it is* dengan izin, dan juga dibandingkan dengan kemasukan ke suatu negara.

Untuk memperbaiki keadaan jalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, jalan Yang Berhormat iaitu terkeluar daripada kawasan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Ada baiknya Yang Berhormat saya nasihatkan memohon kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya negeri, kemudian dihantar ke Persekutuan. Yang Berhormat JKR ada duduk di tepi saya sana. *[Ketawa]* Mungkin Yang Berhormat dapat melihat...

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat JKR pun dengar.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Selain daripada itu, saya cadangan-cadangan walaupun Ahli Yang Berhormat wakil rakyat Parlimen bahagian itu, tetapi saya belum pernah

melihat permintaan daripada Yang Berhormat apa yang kementerian saya boleh buat di kawasan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya minta Ahli Yang Berhormat kalau ada yang sedikit banyak, tidak banyaklah. Kalau ada sedikit, boleh saya tolong, saya pun hendak lihat juga kalau ada permintaan. Saya akan cuba bantu...

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kita banyak dah minta sebelum ini. Yang Berhormat baru jadi Menteri, saya dah beberapa penggal di sini. Berapa kali minta dah.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ya Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jangan kata saya tidak buat dan minta apa-apa.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Itu Menteri Barisan Nasional, tidak sama.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Itu kerajaan yang lalu Yang Berhormat, Menteri yang lama. *[Tepuk]* Ini kerajaan yang baharu, Menteri yang baharu Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menterinya juga boleh berkhidmat dengan lebih baik lagi. Rambut pun baharu.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri rambut hitam.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Akan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menteri yang tidak rasuah juga.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Yang Berhormat bersyukur, Menteri yang baharu ini hendak lihat permohonan daripada Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya akan hantar segera dan saya minta diluluskan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri beritahu dia, rambut pun baharu. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan masanya sudah tamat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.06 tgh.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di No. 2, usul Menteri Kewangan di No. 3, No. 4 dan No. 5 dan usul Menteri Sumber Manusia di No. 6 seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

PETUA-PETUA TUAN YANG DI-PERTUA**Penyataan ‘Pengemis Yang Tamak’**

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Isnin 14 Oktober tahun ini, Yang Berhormat Batang Sadong didapati telah menyatakan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menghina rakyat Sarawak dengan menggelar rakyat Sarawak sebagai ‘*pengemis yang tamak*’ (*greedy beggars*) seperti dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat muka surat 117 bertarikh 14 Oktober.

Seterusnya pada hari Selasa 15 Oktober, Yang Berhormat Bagan dan juga Menteri Kewangan telah bangun menyatakan berlaku pelanggaran Peraturan Mesyuarat 36(6), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Batang Sadong semasa perbahasan Yang Berhormat pada hari Isnin, 14 Oktober 2019 sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Dalam menyatakan Peraturan Mesyuarat 36(6) itu, Yang Berhormat Bagan telah menafikan bahawa beliau mengecam rakyat Sarawak sebagai ‘*pengemis yang tamak*’ (*greedy beggars*) seperti dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat muka surat 44 bertarikh 15 Oktober tahun ini. Susulan daripada itu, pada hari Isnin 23 Oktober 2019, saya telah menghantar surat kepada Yang Berhormat Batang Sadong untuk memberikan penjelasan terhadap perkara ini dan

menyertakan bukti atau dokumen yang menyokong penjelasan tersebut. Pada Rabu 4 Disember, Yang Berhormat Batang Sadong telah pun mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya sebagai penjelasan berkaitan isu ini seperti mana yang dipohon.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, setelah meneliti penjelasan serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan kepada saya oleh Yang Berhormat Batang Sadong, saya mendapati bahawa isu di hadapan Majlis Mesyuarat adalah sama ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batang Sadong adalah kenyataan yang dianggap sangkaan jahat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6) sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Bagan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(6) merupakan suatu peraturan yang digubal bagi melindungi Dewan yang mulia ini daripada mana-mana ahli mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

■1210

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam saya membuat keputusan – ini keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya dipandu oleh penjelasan serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan kepada saya. Setelah meneliti semua penjelasan dan dokumen yang ada di hadapan saya, khususnya perenggan 10 dalam surat penjelasan Yang Berhormat Batang Sadong bertarikh 4 Disember, saya mendapati bahawa kenyataan Yang Berhormat Batang Sadong yang mendakwa Yang Berhormat Bagan telah menghina rakyat Sarawak dengan menggelar rakyat Sarawak sebagai pengemis yang tamak (*greedy beggars*) itu adalah merupakan satu anggapan yang boleh disifatkan sebagai sangkaan jahat. Oleh itu, terjatuh di bawah P.M. 36(6). Saya juga mendapati bahawa pernyataan yang kononnya dibuat oleh Yang Berhormat Bagan tidak dilaporkan di mana-mana surat khabar di Sarawak dan bukti ia dilaporkan tidak juga diberikan oleh Yang Berhormat Batang Sadong. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Batang Sadong diminta untuk menarik balik tuduhan terhadap Yang Berhormat Bagan yang dikatakan telah menghina rakyat Sarawak dengan menggelar rakyat Sarawak sebagai pengemis yang tamak (*greedy beggars*). Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Menteri tidak ada di dalam Dewan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada dalam Dewan, baru keluar tadi.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ya, tetapi ini urusan saya dengan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, ini urusan Dewan bukan urusan peribadi di antara Yang Berhormat dengan Menteri. Ini urusan Dewan, ya. Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan tarik balik. Itu sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebelum saya nak tarik balik kah, atau tidak tarik balik. Saya hendak nyatakan, apa yang saya

maksudkan dengan kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Bagan mengenai Sarawak. Pertamanya, misalnya Yang Berhormat Bagan telah bercakap pada 22 Jun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tak payah ulang. Ahli Yang Berhormat, tidak perlu ulang-ulang kerana...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tidak boleh kita mempertahankan diri kah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: No, bukan. Yang Berhormat telah memberikan penjelasan dan telah pun didapati...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menarik balik

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mengatakan kata-kata tersebut.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ini adalah dikumpulkan sekali apa yang telah dinyatakan – semua telah saya nyatakan dalam ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Berlaku adil lah kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Memang adil kepada Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat diberikan peluang untuk memberikan penjelasan menerusi surat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menarik balik kenyataan kalau Yang Berhormat Menteri iaitu Yang Berhormat Bagan memohon maaf kepada rakyat Sarawak dengan apa yang telah dinyatakan. *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat Batang Sadong, itu tidak menepati Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat jelas di mana ini adalah keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Yang Berhormat telah diberikan peluang yang mencukupi, ruang dan peluang untuk memberikan penjelasan. Dalam penjelasan tersebut, Yang Berhormat gagal untuk membekalkan bukti bahawa kenyataan yang didakwa itu dibuat oleh Menteri Kewangan. Ini memang adalah penjelasan Yang Berhormat sendiri yang tidak ada sebarang bukti. Oleh sebab itu saya berikan peluang untuk Yang Berhormat menarik balik sahaja, *as an Honourable Members of this House*, saya rasa ini merupakan perkara yang betul untuk dilakukan.

Jika ia tidak boleh sumbat kata-kata Yang Berhormat ke dalam mulut orang lain, jika ia tidak ditutup. Oleh sebab itu hendak mohon seseorang itu memohon maaf atas kata-kata yang tidak pernah dikatakan oleh beliau, saya rasa itu kurang sesuai dan tidak adil. Setuju? Itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua hanya minta untuk tarik balik. Itu sahaja. *As an Honourable Member of the House, I think that is the most appropriate thing for you to do.* Terima kasih. Penjelasan sudah cukup, saya tak nak bazir masa. Ada lagi banyak urusan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau inilah *reform* di Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan buat dakwaan, Yang Berhormat jangan buat dakwaan yang tidak berasas.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terpaksa disuruh menarik balik, bagi pihak rakyat Sarawak, demi orang Sarawak, anak jati Sarawak....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan- Jangan salahkan – ini tidak berkaitan dengan rakyat Sarawak. Ini adalah tingkah laku peribadi Yang Berhormat sendiri. Jangan kaitkan kepada rakyat Sarawak. Tarik balik sahaja. Itu sahaja yang diminta. Sila.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya wakil Parlimen daripada Sarawak, sebab itu saya bercakap demi orang Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, tetapi tidak boleh dakwa dan buat fitnah. Rakyat Sarawak tidak memberikan mandat kepada Yang Berhormat untuk membuat fitnah. Itu sahaja. Kita sebagai Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab kita nyatakan fakta berdasarkan kepada fakta dan juga angka. Jika tak ada, kata tak ada. Tak akan hitam boleh jadi putih, putih boleh menjadi hitam. Itu sahaja. Sila. Dia sudah jawab, Yang Berhormat Batang Sadong memang sudah jawab dalam surat. Oleh sebab itu saya hanya minta tarik balik. Itu sahaja dan saya hendak pergi ke urusan yang lain. Sila.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Akan tetapi Menteri buat fitnah, tak apa kah Tuan Yang di-Pertua? [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, janganlah lagi berkeras kepala. Sikap ini sebenarnya tidak menunjukkan peribadi sebagai seorang mantan Menteri. Sebagai mantan Menteri, saya rasa – *I think this is the only right thing to do*, dengan izin. Hanya tarik balik sahaja. Itu sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau itu yang memuaskan hati Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik dengan syarat ia...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tak payah ada syarat, itu sahaja. Ya, tak ada syarat. Ini bukan pasar malam, boleh tawar-menawar ya. Ini adalah Dewan yang mulia, institusi negara.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh paksa untuk tarik balik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau saya tak tarik balik, saya nak dirujuk kepada jawatankuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Speaker - dulu*[*Tidak jelas*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana boleh paksa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat pun tak mahu...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya dah bagi bukti-bukti lain secara terkumpul yang menyebabkan Sarawak marah kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, yang lain di Sarawak itu tak dapat berada di dalam Dewan untuk ...*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti. Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam ini surat Yang Berhormat sendiri ya, ditandatangani oleh Yang Berhormat sendiri. Penjelasannya cukup jelas. Tadi, Tuan Yang di-Pertua telah memberikan *ruling*. Saya rasa *it is only gentleman enough*. Tarik balik. Itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pun tidak minta mohon maaf. Cuma tarik balik sahaja, kata-kata yang tidak wujud. Itu sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau itulah dijadikan petua di Dewan Parlimen ini, saya akur di atas sebab saya terpaksa tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Setiausaha Dewan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order. Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Batang Sadong sudah tarik balik. Saya ucapkan terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan Yang Berhormat Batang Sadong. Ini *point of order* lain. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Setiausaha Dewan, teruskan. Yang Berhormat Arau jangan bazir masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.* Membazir masa *point of order*. Ini benda lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baca. Mana satu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak berkaitan ini. Keputusan muktamad telah pun dibuat, P.M. 36(6). Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini benda lain. Ini benda lain. Tadi semasa jawapan Menteri Pelancongan, Yang Berhormat Jelutong berkata- *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini tidak berkaitan dengan perkara di depan mata kita. Jangan bangkitkan yang bukan-bukan. Sila. Boleh bawa usul, tetapi jangan bangkitkan, bazir masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Parlimen dah habis hari ini.

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)

**LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA HAK ASASI
MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) 2018**

12.18 tgh.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membahaskan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2018”.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas. Ini kali pertama Laporan SUHAKAM dibentang dan kemudian dibahas. Hari ini dalam sejarah. Ya, sila Yang Berhormat. Kemukakan, lepas itu baru...

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya kemukakan dulu. Tuan Yang di-Pertua,

“**Bahawa** Dewan ini,

Menyedari akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2018 (Kertas Statut ST.31 Tahun 2019) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 11 April 2019.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1220

Memperakui bahawa aspirasi dan juga komitmen kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status ‘A’ di bawah prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*). Selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

Menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperoleh maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk diberi penjelasan dan juga pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan kerajaan bagi memastikan agenda kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya. Selain keperluan kerajaan untuk kerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam mengukuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran menangani hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik di kalangan rakyat;

Memahami keperluan kerajaan, di dalam laporan tersebut untuk menandatangani dan menyertai atau meratifikasikan triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia. Bagi memperkasakan lagi hala tuju untuk asas manusia di negara ini;

Bahawa dalam SUHAKAM melaksana mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan juga cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.”

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini amat bermakna kerana Parlimen Malaysia telah pun merayakan ulang tahun ke-60 dan Parlimen telah pun dihadihkan dengan Laporan Tahunan SUHAKAM. Ini kerana buat julung kalinya, Dewan yang mulia ini akan mengadakan perbahasan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Ia juga perbahasan yang bersejarah memandangkan pada tahun ini SUHAKAM telah mencapai usia ke-20 tahun sejak penubuhannya pada 9 September 1999. Dengan itu, saya hadiahkan pantunlah kepada SUHAKAM. *[Disampuk]* Ada juga pantun.

*Dari Beijing singgah ke Sri Aman,
Singgah membeli beras segantang,
Setelah 60 tahun usia Parlimen,
Laporan SUHAKAM kini dibentang.*

*Sifat harimau garang menerkam,
Gagah lagi sang beruang,
Selamat ulang tahun SUHAKAM,
20 tahun umur kekal berjuang.*

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan laporan di Parlimen akan membuka laluan kepada isu-isu hak asasi manusia diberi perhatian yang sewajarnya di kalangan Ahli Dewan Rakyat dan juga rakyat keseluruhannya. Hak asasi manusia turut merupakan komponen penting dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dari perkara lima hingga perkara 13. Perbahasan ini juga merupakan hadiah ulang tahun yang terbaik bagi SUHAKAM. Seperti mana yang saya katakan tadi menyambut ulang tahun ke-20. Oleh itu, adalah merupakan tanggungjawab Ahli Parlimen sebagai wakil rakyat dari seluruh pelosok negara untuk mengambil berat tentang sebarang isu hak asasi manusia.

Adalah menjadi harapan rakyat, komuniti dan juga kerajaan bahawa proses perbahasan ini akan memberikan ruang untuk diskusi serta pengamatan mendalam tentang permasalahan yang wujud untuk memperkukuhkan lagi perlindungan dan juga promosi hak asasi manusia dan mengenal pasti langkah-langkah serta strategi yang perlu diambil untuk mengurangkan pencabulan hak asasi manusia.

SUHAKAM telah menjalani *inquiry* nasional mengenai hak tanah Orang Asli di Malaysia pada tahun 2010 dan laporannya telah diterbitkan pada tahun 2013. SUHAKAM akan terus

bekerjasama dengan Menteri dan juga kementerian bagi pihak berkuasa berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian yang positif bagi semua pihak yang terlibat.

Bagi program hak asasi manusia, SUHAKAM dengan kerjasama agensi-agensi terlibat kerajaan telah mengadakan pelbagai program seperti Hak Asasi Manusia dan Belia, Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia dan Model Hak Asasi Manusia Untuk Pelajar-pelajar Sekolah. Selain itu kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pihak berkuasa agama, agensi kerajaan, kumpulan masyarakat madani (CSO) dan juga Ahli-ahli Parlimen bagi mengkaji isu halangan berkaitan implikasi undang-undang sivil dan syariah terhadap penyertaan Malaysia dalam pelbagai triti dan konvensyen antarabangsa.

Suhakam juga turut mengadakan kerjasama dengan beberapa buah Jabatan Agama Islam negeri mengenai isu hak asasi manusia dalam khutbah Jumaat. Selain itu, SUHAKAM dan juga JAKIM turut berkolaborasi menganjurkan seminar kebangsaan mengenai hak asasi manusia dan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa memberi perhatian dan juga mengambil tindakan terhadap isu-isu dan syor-syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM melalui kenyataan media. SUHAKAM telah terlibat dalam kajian semula terhadap beberapa rang undang-undang antara lainnya termasuklah Akta Antiperdagangan Orang dan juga Antipenyeludupan Migran 2007. Rang undang-undang Harmoni, Rang Undang-undang Penginapan dan Perumahan Kerja 2018 dan Peraturan Perumahan Pekerja 2018, Akta Standard Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Pindaan kepada Akta Pekerjaan 1955 dan juga Rang Undang-undang Warga Emas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum tentang cadangan-cadangan untuk membenarkan pelarian bekerja dan diberikan akses kepada pendidikan di Malaysia dan memastikan mereka diberi akses kepada penjagaan kesihatan berdasarkan keperluan tanpa berasa bimbang kerana berkemampuan atau risiko ditahan oleh pihak berkuasa. SUHAKAM juga telah menjalankan siasatan awam tentang kehilangan Pastor Raymond Koh dan juga aktivis sosial Amri Che Mat sejak tahun 2017.

Adalah diharapkan penerbitan laporan siasatan awam tentang kehilangan kedua personaliti akan membolehkan SUHAKAM untuk bekerjasama dengan berkepentingan dan pihak berkuasa yang berkaitan bagi menggalakkan perbincangan ke arah penyertaan kerajaan terhadap komensi bagi perlindungan semua orang daripada kehilangan paksa ataupun dikenali sebagai ICPPED.

Berdasarkan mandat yang diberikan, SUHAKAM telah menerima pelbagai aduan dari seluruh negara melibatkan isu berhubung tahanan, tangkapan, pencabulan hak kepada kehidupan yang mencukupi, kekejaman, tidak berpersi kemanusiaan dan juga menjatuhkan maruah hak kepada kewarganegaraan dan juga hak tanah adat. Kerajaan telah mengambil tindakan berhubung dengan isu kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan di negara kita ini untuk membolehkan hak pendidikan dan mereka mendapat akses ke sekolah.

Kerajaan mengambil maklum akan pandangan SUHAKAM bahawa masih terdapat kes perkahwinan bawah umur 18 tahun di Malaysia pada setiap tahun. Penderaan serta eksploitasi terhadap kanak-kanak. Isu perkahwinan bawah umur akan memberikan impak yang besar kepada hak kanak-kanak khususnya berkaitan penjagaan kesihatan, pendidikan, kesaksamaan dan anti diskriminasi. Perkahwinan awal juga menghalang kanak-kanak menjalani kehidupan yang bebas daripada keganasan dan juga eksploitasi.

■1230

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan sokongan daripada masyarakat sivil dan SUHAKAM telah mengadakan perbincangan serta mengambil langkah ke arah menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak yang akan menumpukan kepada perlindungan dan mempromosi hak kanak-kanak. Pada tahun ini, kerajaan telah menubuhkan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak melalui pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak yang ditetapkan di SUHAKAM.

Tuan Yang di-Pertua, isu orang-orang upaya ataupun dikenali sebagai OKU di negara ini turut diberikan perhatian utama supaya mereka tidak ketinggalan dari aspek ekonomi, sosial, kebudayaan, agama, sivil dan politik. Untuk itu, SUHAKAM telah menganjurkan pelbagai program untuk memberikan platform perbincangan isu-isu substantif termasuk keperluan dan juga hak golongan OKU.

Dari tahun 2012 hingga tahun 2018, kerajaan telah mengkaji dan membangunkan Pelan Tindakan Khas Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP). Pelan ini telah dilancarkan pada 1 Mac 2018. NHRAP ini mengandungi sebanyak 294 pelan tindakan dan merupakan satu detik penting bagi penambahbaikan kedudukan hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, selaras dengan Prinsip Panduan PBB mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGP), SUHAKAM sedang bersama-sama merangka Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan dengan pihak kerajaan. Usaha ini turut mendapat kerjasama daripada UNDP.

Salah satu daripada peranan penting di peringkat antarabangsa pada tahun ini ialah penilaian berkala sejagat iaitu UPR ketiga Malaysia. SUHAKAM telah memainkan peranan aktif dalam menganjurkan perundingan-perundingan pra UPR serta sesi taklimat bersama agensi kerajaan, *core diplomatic*, masyarakat sivil dan juga media di negara ini. Laporan tahunan SUHAKAM telah membangkitkan 12 isu dan pihak kerajaan memberi maklum balas melalui Buku Maklum Balas Laporan Tahunan 2017 hingga 2018. Ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa komited untuk mengambil tindakan dan juga menyelesaikan masalah-masalah dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh SUHAKAM dan juga orang awam.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas. Saya ada menerima enam daripada sebelah sini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Kangar dan saya akan masukkan pada yang lain. Jadi, kita akan mulakan dengan Yang Berhormat Batu Kawan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini hendak mengalu-alukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap, Yang Berhormat Batu Kawan. Kemudian diikuti oleh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau. Yang Berhormat Pengerang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengerang. Kemudian Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Sik dan semua yang berdiri saya bagi peluang untuk dibahas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seorang 50 minit atau 30 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya mulakan dengan 10 minit dahulu, baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini SUHAKAM ini penting ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan untuk memulakannya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak mengalu-alukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan tunggu sebentar. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Parlimen ini ingin mengalu-alukan pelajar-pelajar daripada Universiti Sultan Azlan Shah, Perak yang datang Parlimen pada hari ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selamat datang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selamat datang ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

12.34 tgh.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan Laporan Hak Asasi Manusia oleh SUHAKAM di Dewan yang mulia ini. Hari ini sejarah terukir di bawah Kerajaan Pakatan Harapan yang membentangkan dan membahaskan laporan ini bagi julung kalinya setelah berkali-kali diletakkan di atas meja Ahli Parlimen, 19 kali untuk 19 tahun sejak penubuhan SUHAKAM. Namun, tidak

pernah dibentangkan dan tidak dibahas sekali pun oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Bukti isu hak asasi manusia tidak diambil serius oleh kerajaan sebelum ini.

Syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan Yang Berhormat Menteri Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri yang membentangkan laporan ini untuk dibahas pada pagi yang mulia ini. Adalah penting Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Parlimen mempunyai perhubungan yang baik untuk memastikan prinsip-prinsip hak asasi manusia mengikut *Universal Declaration of Human Rights*, dihormati, dipatuhi dan dilindungi. Maka, adalah penting cadangan-cadangan dari SUHAKAM ini diambil serius dan kerajaan berusaha untuk bekerjasama dengan semua agensi dan kementerian untuk memastikan tiada yang tercicir. Dengan izin, *leave no one behind*.

Tuan Yang di-Pertua, menjadikan Malaysia sebuah negara mempunyai rekod hak asasi manusia yang dihormati sedunia merupakan salah satu usaha yang penting oleh SUHAKAM sebagai satu badan yang berwibawa dan dihormati. Laporan SUHAKAM perlu dijadikan agenda perbahasan di Parlimen agar cadangan-cadangannya ditimbang dengan sewajarnya. Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM yang dilantik melalui proses jawatankuasa di Parlimen memainkan peranan dalam merakam dan menggubal Pelan Hak Asasi Manusia Kebangsaan yang hari ini perlu diperbaiki dan dilaksanakan sepenuhnya. Matlamat kerajaan haruslah agar kedudukan Malaysia dalam *Universal Periodic Review* menjadi lebih baik dan peningkatan prestasi kita selaras dengan perkembangan sedunia dapat dicapai.

Peruntukan untuk aktiviti-aktiviti hak asasi manusia oleh SUHAKAM dan badan-badan lain yang berkaitan perlu dipertingkatkan dan kapasiti pejabat wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) juga perlu dipertingkatkan agar kita boleh memainkan peranan utama di peringkat serantau. Konvensyen-konvensyen antarabangsa yang sesuai tetapi belum diratifikasi perlu diratifikasi seberapa segera termasuklah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Politik dan Sivil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan semua di luar sana yang menganggap SUHAKAM itu satu *toothless tiger*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bukan harimau tanpa taring. Mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka sebaik mungkin untuk menjunjung prinsip-prinsip hak asasi manusia, keadilan, demokrasi, transparensi dan akauntabiliti. Suara mereka yang sebelum ini ditindas oleh kerajaan sebelum ini, semakin kuat hari ini bergema bersama dengan Kerajaan Pakatan Harapan untuk melindungi semua golongan yang tertindas.

Oleh itu, perbahasan saya akan berfokus kepada cadangan oleh SUHAKAM untuk memperkukuhkan hak asasi dan untuk memastikan tiada apa-apa pencabulan hak asasi berlaku di bawah pentadbiran kerajaan ini dan isu-isu yang dihadapi oleh SUHAKAM sendiri yang saya pasti dapat diselesaikan secara *win-win* di antara pihak kerajaan dan SUHAKAM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maaf. Selepas saya habiskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, yang sebelum ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Laporan SUHAKAM menyentuh pelbagai isu yang berkaitan dengan wanita, kanak-kanak, orang asal, isu kewarganegaraan, pelarian dan pemohon suaka, mangsa penyeludupan manusia, golongan pekerja, warga OKU dan pelbagai isu lain yang boleh meninggalkan kesan yang mendalam bagi semua lapisan masyarakat.

Salah satu isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM adalah tanah adat melalui Laporan Mengenai Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asli atau Asal sejak 2013. Namun, laporan ini tidak dipedulikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan tidak pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Maka, adalah satu langkah positif dan progresif bagi Kerajaan Pakatan Harapan dalam pembentangan dan perbincangan laporan ini hari ini.

Isu-isu kewarganegaraan bagi kanak-kanak, wanita atau lelaki yang berkahwin dengan warganegara Malaysia, status kerakyatan mereka, isu perkahwinan kanak-kanak, isu jenayah seksual kanak-kanak dan keganasan terhadap wanita, pemansuhan hukuman gantung, kematian dalam penjara, diskriminasi terhadap golongan minoriti, *decriminalization* penggunaan dadah, tahanan juvenil, akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya merupakan tunjang perjuangan untuk memperkukuhkan hak asasi manusia di Malaysia ini.

Dengan gerakan untuk reformasi Parlimen di bawah Pakatan Harapan, Pesuruhjaya SUHAKAM kini lebih kelihatan di Parlimen untuk kunjungan kehormat kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen dan juga bersama dengan semua *Select Committees* di Parlimen ini. Untuk mengingatkan wakil kerajaan dan pembangkang akan peranan kami semua untuk memartabatkan prinsip hak asasi manusia. Pada masa yang sama, menetapkan kriteria dan polisi yang perlu diangkat dalam Malaysia memenuhi keperluan *sustainable development goals* pada tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian akan lebih memberi fokus kepada cadangan daripada SUHAKAM untuk memastikan keadilan demokrasi dan integriti ditegakkan berlandaskan lunas undang-undang di Malaysia dalam menjunjung prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan.

■1240

SUHAKAM bukanlah musuh kerajaan atau musuh agensi-agensi kerajaan. SUHAKAM selaku satu badan pemerhati kebangsaan bertanggungjawab untuk mengkritik kerajaan sekiranya perincian hak asasi manusia dilanggar, memuji kerajaan apabila undang-undang digubal selaras dengan instrumen antarabangsa dan sebagai sistem sokongan kepada Ahli Parlimen, NGO dan badan-badan kerajaan.

Oleh itu, ingin saya mencadangkan kepada kerajaan agar skim penggajian dan *benefit* bagi Pesuruhjaya SUHAKAM dinaikkan mengikut spesifikasi JPA. Sebagai contoh, elaun Pesuruhjaya SUHAKAM hanyalah RM6,000 berbanding dengan seorang pegawai JUSA C yang boleh *claim* sehingga RM16 ribu. Pada masa yang sama, ingin saya cadangkan juga agar kenderaan yang diperuntukkan untuk pesuruhjaya menggunakan dalam tanggungjawab dan tugas mereka dinaiktarafkan kerana hari ini, mereka masih lagi memandu kereta yang berusia

antara 13 sehingga 15 tahun yang jelas akan memberikan masalah memandangkan jangka hayat penggunaannya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, SUHAKAM sebagai satu badan yang ditubuhkan di Parlimen berfungsi untuk mewujudkan kesedaran mengenai hak asasi manusia untuk menasihati pihak kerajaan dalam tatacara menggubal undang-undang dan semua proses yang terlibat, mencadangkan kepada kerajaan berhubung komitmen kerajaan dalam menandatangani dan meratifikasi triti atau konvensyen antarabangsa dalam arena hak asasi manusia dan untuk menyiasat mana-mana laporan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan, ada celahan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Are you giving? No?*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Selepas saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selepas habiskan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maka tidak hairanlah SUHAKAM mengendalikan lebih 1,200 laporan aduan dan kira-kira beratus aktiviti mereka dengan hanya RM12.45 juta untuk 95 orang staf. Ingin saya mohon pertimbangan kerajaan agar menambah peruntukan ini agar bukan sahaja pesuruhjaya dapat menjalankan tugas mereka dengan baik tetapi bagi staf-staf sokongan juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam nafas yang sama, walaupun penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak telah berjaya diwujudkan untuk julung kalinya, namun tiada bajet khas telah diperuntukkan untuk tugas-tugas khas suruhanjaya ini yang berfungsi sebagai pelindung dan untuk mempertahankan hak kanak-kanak. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan juga mempertimbangkan memberikan peruntukan khas ini untuk Suruhanjaya Kanak-kanak yang amat dekat juga dengan hati saya.

SUHAKAM merupakan salah satu *stakeholders* yang amat penting dalam kes-kes penculikan atau kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat, Joshua dan Ruth Hilmy dan telah menyusun satu siasatan atau *inquiry* ke dalam kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan juga satu siasatan ke atas kematian seorang banduan dalam lokap polis. Memandangkan SUHAKAM mempunyai kuasa untuk menyiasat, maka saya ingin menegaskan dan memohon kepada pihak kerajaan agar mereka diberikan akses tanpa batasan untuk membuat lawatan ke mana-mana premis penjara, pusat tahanan imigresen, pusat tahanan pelarian dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan agar satu siasatan boleh dibuat dan laporan dihantar kepada pihak kerajaan bersama dengan syor-syor mengikut *best practices* antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Manifesto Pakatan Harapan mencadangkan agar Akta SUHAKAM dipinda untuk memperkukuhkan strukturnya untuk membolehkan SUHAKAM berfungsi dengan

lebih efektif dan supaya akan sentiasa berada di *grading A* sebagai satu institusi hak asasi manusia yang *top class* mengikut *Paris Principles*. Pembentangan dan perbincangan laporan hak asasi manusia oleh SUHAKAM amat signifikan dan membuka ruang untuk mewujudkan dialog atau platform untuk membincangkan status hak asasi manusia di Malaysia dan apa yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan untuk penambahbaikan seterusnya.

Saya mengalu-alukan langkah Kementerian Pendidikan untuk memulakan *pilot study* untuk mengajar konsep dan prinsip hak asasi manusia di 220 sekolah di Malaysia. Namun SUHAKAM memerlukan sokongan dan pengesahan sah daripada Kementerian Pendidikan untuk mengembangkan usaha ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat dah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Rumuskan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Walaupun *Human Rights Best Practice in Schools*- ATHAM diperkenalkan di sekolah-sekolah 10 tahun yang lalu. Namun, apakah keefisienan sukatan ini? Saya harap kerajaan dapat mengambil serius laporan SUHAKAM tahun hadapan akan keberkesanan sukatan hak asasi manusia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, pembentangan dan perbincangan laporan hak asasi manusia SUHAKAM amatlah perlu dan sudah 19 tahun kita ke belakang dalam memantau status hak asasi manusia di Malaysia ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maka saya berharap, semua saranan dan syor-syor SUHAKAM...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak bagi.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dapat diteliti dan diperhalusi untuk di implementasi dengan kadar yang berpatutan bagi kebaikan semua. Syor-syor SUHAKAM ini berlandaskan kepada undang-undang yang sedia ada dan menjunjung semangat prinsip-prinsip Perlembagaan iaitu undang-undang yang tertinggi di negara kita. Tiada apa-apa syor daripada SUHAKAM yang bercanggah dengan mana-mana lunas undang-undang di negara kita. Maka saya menyokong sepenuhnya kandungan Laporan SUHAKAM Hak Asasi Manusia ini dan saya harap perhubungan dan kerjasama di antara Parlimen dan SUHAKAM akan bertambah baik selepas laporan ini dibentangkan. Saya berikan kepada Yang Berhormat Arau yang...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran, Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau tidak ada.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Hampir hendak *exit*. Tidak apa. Saya berikan kepada Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Batu Kawan, dalam *spirit* yang sama, adakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan kerana SUHAKAM begitu lama

diperjuangkan dan akhirnya laporan SUHAKAM di bahas di Parlimen? Dalam *spirit* yang sama, adakah Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa laporan-laporan PAC ini yang juga merupakan satu cabang Parlimen yang penting yang melibatkan wang rakyat dan peruntukan kerajaan juga harus di bahas di Parlimen ini, sesuai sama dengan *spirit* membahaskan laporan SUHAKAM, laporan PAC? Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan agar laporan PAC dibahaskan juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Pengiktirafan, emolumen yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dalam SUHAKAM, untuk SUHAKAM, juga dipanjangkan untuk pengerusi dan timbalan pengerusi seperti Parlimen-parlimen yang lain. Adakah Yang Berhormat mencadangkan perkara-perkara ini kepada kerajaan?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya menyokong cadangan tersebut. Saya rasa itu adalah langkah progresif untuk *reform* Parlimen. Namun demikian, saya harap kementerian dapat memberikan jawapan yang baik untuk menjadi tatapan, untuk dibuat nasihat kepada Ahli Parlimen semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Pengerang. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sik.

12.47 tgh.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: *Insya-Allah*, Pengerang akan ikut masa ya, 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Pengerang sebagai blok pembangkang yang pertama. Sebelum saya mula, saya hendak tegur sedikit sahabat saya Yang Berhormat Batu Kawan ya. Dia kawan saya lama. Daripada dulu kami bersama-sama sebagai Ahli Parlimen.

Akan tetapi saya hendak tegur satu sahaja lah. Sebenarnya SUHAKAM ini semasa zaman Barisan Nasional. Beza Barisan Nasional dahulu dengan kerajaan hari ini, kerajaan hendak bawa laporan untuk bahas dan untuk diluluskan. Saya lihat bahawa di sini SUHAKAM itu adalah badan bebas kerana badan bebas, hendak beri kereta, hendak beri gaji, tidak logik. Kalau bebas bererti tidak boleh dikawal oleh mana-mana pihak. Kalau SUHAKAM dikawal, diberi oleh kerajaan, nanti SUHAKAM menjadi secara tidak langsung, senjata kepada kerajaan. Itu sebabnya saya hendak tegur sahabat saya. Saya tahu dia begitu berpemikiran terbuka.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Biarkan saya habis ya di sini. saya tidak akan lebih daripada 10 minit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Baik, saya akan tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menurut dalam muka surat 42, dalam Laporan Maklum Balas Kerajaan. Yang Berhormat Menteri membenarkan kenyataan ini wujud iaitu Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang berkuat kuasa pada 10 Julai 2017, SUHAKAM berpendapat bahawa semua peruntukan dalam akta berkenaan adalah selari dengan semangat artikel-artikel yang terdapat dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Protokol Pilihan CRC terhadap penjualan kanak-kanak, pelacuran kanak-kanak, pornografi kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM ingin menyatakan perkara-perkara berikut. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, Yang Berhormat Menteri ya kerana menerima hakikat bahawa akta yang dibuat pada tahun 2017 ini membawa banyak kebaikan kepada kanak-kanak dalam negara kita.

Akan tetapi saya berkali-kali dalam Dewan selalu menimbulkan isu tentang pelaksanaan. Pertama sekali kita tahu Yang Berhormat Menteri, dalam laporan SUHAKAM pun mengesahkan bahawa pertama sekali masalah dalam Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ialah masalah tidak cukup mahkamah. Kanak-kanak kalau dibawa dalam mahkamah jenayah seperti orang dewasa, gerun perasaan kanak-kanak tersebut. Apabila yang dituduh adalah sebagai contoh bapa ataupun abang ataupun atuk, manalah kanak-kanak itu berani hendak memberikan laporan.

Itu sebab mahkamah khas ini diwajibkan, diwujudkan supaya kanak-kanak itu boleh diletakkan dalam bilik yang asing dan kanak-kanak itu boleh memberikan semua pengakuan saksi itu melalui sistem kamera supaya dia tidak merasa gementar dan kanak-kanak ini yang menjadi saksi ataupun yang menjadi saksi kepada kes yang dituduh, di manakah letaknya kanak-kanak ini? Takkan dia hendak balik ke rumah yang sama di mana rumah yang dianggap sebagai syurga tetapi sebenarnya rumah itu adalah neraka.

■1250

Tidakkannya kanak-kanak itu hendak dikeluarkan daripada rumah? Siapa yang hendak jaga kanak-kanak itu? Adakah kerajaan hendak membela anak-anak yang menjadi mangsa jenayah seksual? Keluarga berpecah kerana tindakan yang diharapkan. Harapkan bapa, bapalah sebenarnya kata orang, harapkan pegar, pegar yang makan padi.

Itu sebabnya bagi Yang Berhormat Menteri kalau dalam cadangan SUHAKAM, cadangan ini perlu dilaksanakan, saya hendak minta kepada pihak kerajaan meletakkan keutamaan dalam isu kanak-kanak. Sekadar mempunyai *commissioner* kanak-kanak, dengan izin Pesuruhjaya Kanak-kanak tidak mencukupi. Kefahaman daripada kerajaan ini sebagai contoh.

Pengundian pada pilihan raya akan datang anak-anak berumur 18 tahun. Kalau pilihan raya lagi dua tahun hari ini anak-anak itu berumur 16 tahun. Ini bererti bahawa kanak-kanak dalam negara kita mempunyai dan menuntut banyak perlindungan daripada kita orang dewasa

dalam kehidupan mereka. Itu sebabnya saya ucap terima kasih kepada SUHAKAM kerana sentiasa pantau pada isu kanak-kanak.

Kemudian dalam elemen kedua Yang Berhormat Menteri, elemen berkenaan dengan digital. Yang Berhormat Menteri Komunikasi banyak kali datang ke Parlimen bercakap dengan bangganya tentang sistem 5G. Yang Berhormat Menteri tahu?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, nanti.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Pengerang boleh kah?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tidak apa saya hendak ikut Yang Berhormat Batu Kawan, biar saya habis dahulu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Perkara yang tadi itu yang tadi yang sebelum itu yang kanak-kanak itu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Biarkan saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Beaufort duduk dahulu. Sila teruskan Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, kita tahu banyak kes kanak-kanak bermula daripada *handphone*. Walaupun sistem komunikasi pornografi boleh dihalang oleh sistem akan tetapi ada sistem yang baharu, cara yang baharu dan dengannya 5G Tuan Yang di-Pertua teknologi begitu pantas boleh menjadi senjata kepada anak-anak kita dan dalam semua kes jenayah seksual bermula dengan *handphone* contohnya *grooming*, berkenalan. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua? Anak-anak di rumah seorang-seorang main *handphone* masuk SMS masuk *WhatsApp*... [*Membaca petikan*] Macam-macam dicabar suruh ambil gambar- bagi duit, masuk *online*- bagi duit, mana budak-budak itu faham Tuan Yang di-Pertua? Emak bapak keluar cari rezeki.

Sekarang pula dengan sistem kerajaan yang baharu ini- macam-macam orang sudah tak ada kerja. Anak-anak di rumah dengan *handphone*, macam-macam aktiviti lucah akan berlaku. Itu sebabnya dalam aspek teknologi 5G saya minta Yang Berhormat Menteri dengan SUHAKAM kaji keberkesanan kepada generasi muda kita. Jangan terlalu ghairah dengan teknologi, kita lupa bahawa yang mangsanya adalah anak-anak kita.

Kemudian dalam muka surat 43 Yang Berhormat Menteri, SUHAKAM berkata banyak kali bahawa sistem CRT itu penting iaitu sistem teknologi dalam proses mendapatkan pengakuan saksi dalam sistem komputer di mana yang saya sebut tadi anak-anak dia tidak boleh *face-to-face* dengan yang dituduh. Ini kos yang berjuta Ringgit Tuan Yang di-Pertua.

Saya tengok dalam Kertas Putih Pertahanan berbilion-bilion untuk membela kedaulatan negara. Saya bersetuju dan saya faham tetapi kanak-kanak ini dalam sistem mahkamah kalau mahkamah itu tidak dapat menyelesaikan kes kanak-kanak jenayah seksual secara cepat, mesejnya kepada mereka yang akan menjadi perosak kepada anak-anak ini ialah mahkamah tidak boleh ambil tindakan.

Yang Berhormat sebagai bekas peguam tahu bahawa masalah yang paling besar dalam kes jenayah dalam negara kita terlalu banyak kes. Hakim itu satu orang dia hendak selesaikan kes dengan secepat mungkin dia tidak mampu. Itu sebab bila anak-anak ini yang menjadi mangsa umur enam tahun, kes boleh di selesaikan bila umur sudah 16 tahun Tuan Yang di-Pertua, dia sudah malu sudah. Enam tahun mungkin dia boleh bercakap, 16 tahun dia malu hendak cerita. Abang kandung, bapa kandung, atuk kandung memegang beliau dan seterusnya.

Jadi kita kena faham dalam kes teknologi yang saya sebut dari segi CRT. Harapan kerajaan sepatutnya semua kes-kes jenayah dapat diselesaikan, yang paling lama mungkin satu tahun kerana kita tahu bahawa anak-anak ini akan membesar. Kemudian kita tengok pula tentang kewujudan kes di mana SUHAKAM sendiri berkata bahawa kena banyak mahkamah dalam negara kita dan tidak boleh di perkecilkan pentingnya isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada muka surat 45 yang menyatakan bahawa perlu ada pindaan kepada seksyen yang disebut dalam tiga perkara iaitu Kanun Keseksaan seksyen 292, seksyen 233 Akta Komunikasi dan seksyen 5, dan saya harap Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan akan meletak keutamaan pada isu kanak-kanak dalam negara kita dan saya ucap terima kasih kepada SUHAKAM.

Saya tahu bahawa SUHAKAM ini selalu berkata bahawa kemampuan mereka ini selalunya tercabar ya. Akan tetapi hendak buat macam mana Yang Berhormat Menteri kita Yang Berhormat Menteri pun, Yang Berhormat Menteri- Menteri pun, kami Ahli Parlimen sejuk kah, Dewan sejuk atau tidak sejuk, kami datang. Ini sebab sahabat-sahabat saya semua pakai baju Melayu. Ahli-ahli Yang Berhormat macam mana pun itu tanggungjawab. Sejuk kah tidak sejuk kami datang; bising tidak bising, kami datang.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri saya cuba ingatkan bahawa mungkin saya hendak tegur SUHAKAM satu sahajalah. Jangan menjadi ejen kepada kerajaan. Walaupun SUHAKAM dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, SUHAKAM kena betul-betul bebas dan macam mana kita hendak jamin kebebasan Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Menteri? Saya rasa mungkin SUHAKAM ini kena ada *representation* daripada semua pihak bukan sahaja pihak daripada kerajaan, mungkin pihak daripada pembangkang, mungkin diwakili oleh generasi wakil daripada Orang Asli atau wanita, jadi *representation* itu *must be equal representation*.

Jangan setakat orang pencen-pencen masuk SUHAKAM ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya *sometimes old habits die hard* dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua saya buka kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beaufort.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Beaufort. Silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Yang Pengerang. Berkenaan dengan kanak-kanak tadi ini kan apabila kanak-kanak ini dibawa ke Mahkamah atas

sexual primary cases dan sebagainya. Bersetuju kah Yang Berhormat Pengerang supaya dicadangkan dilantik peguam khas untuk kanak-kanak yang terlibat ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sila Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Betul Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja Yang Berhormat peguam khas, hakim pun mesti pakar, pendakwa pun mesti pakar sebab masalahnya dalam kes kanak-kanak ini tidak semua orang boleh jadi peguam kanak-kanak. Tidak semua hakim boleh faham isu kanak-kanak.

Selalunya Tuan Yang di-Pertua kalau kanak-kanak itu perempuan, ramai orang tanya pada saya kenapa dia selalu berulang menjadi mangsa dan dia tidak lari daripada rumah? Jawapannya Tuan Yang di-Pertua dia hendak lari ke mana? Orang yang jadi *perpetrator* itu, dengan izin, adalah ahli keluarga. Jadi, kanak-kanak ini tidak boleh diuji macam dalam kadang-kadang dalam kes jenayah rogol Yang Berhormat sebagai peguam ya, ramai orang kata *character deficiency* itu salah satu daripadanya *defense*.

Kanak-kanak ini dia tidak faham, umur 18 tahun ke bawah ini mereka tidak faham. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini, kita jangan main-main dengan masa depan anak kita walaupun lelaki ataupun perempuan. Jangan kita ingat mangsa hanya perempuan sahaja ya. Sekarang ini lelaki- saya minta maaf kadang-kadang sekolah-sekolah yang dikeluarkan sekolah tahfiz kanak-kanak lelaki menjadi mangsa. Jadi, inilah satu masalah cabaran kita bila kita berhadapan dengan cabaran kepada negara ke arah pembangunan yang begitu pesat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit Yang Berhormat Pengerang. Tuan Yang di-Pertua tadi saya minta sedikit penjelasan isu yang penting juga, mengikut berdasarkan apa yang saya bangkitkan tadi. Akan tetapi adalah penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat sudah. Saya akan terus, boleh mencelah kepada *next one*, baik.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.58 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan minggu ini kita ada mencatatkan tiga sejarah Tuan Yang di-Pertua, tiga sejarah. Hari Isnin kita membahaskan Defense White Paper, Kertas Putih Pertahanan yang tidak pernah dibentangkan dibahaskan di Dewan Rakyat.

Kelmarin kita menyambut ulang tahun 60 tahun dan hari ini kita membahaskan SUHAKAM, Laporan Tahunan SUHAKAM yang tidak pernah dijadikan salah satu agenda spesifik selama ini. Kita telah mencipta sejarah oleh itu saya terpanggil juga untuk menyertai perbahasan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.

Seperti yang kita sedia maklum, Akta SUHAKAM diluluskan di Parlimen pada tahun 1999 dan ditubuhkan pada tahun 2000. Sepanjang penubuhan SUHAKAM telah menjalankan banyak tugas dan saya masih ingat pada awal-awal penubuhan SUHAKAM banyak *inquiry*, laporan-laporan yang dikeluarkan khasnya terhadap ISA dan sebagainya dan juga telah banyak membantu kerajaan dan *civil society* untuk isu-isu hak rakyat, isu-isu hak asasi manusia.

Saya ingin memfokuskan perbincangan saya kepada bab berkenaan dengan kanak-kanak dan isu-isu yang banyak dibangkitkan terhadap kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, pencarian suaka dan pelarian kanak-kanak, kanak-kanak jalanan, kanak-kanak di tempat tahanan, penderaan kanak-kanak, eksploitasi dan isu-isu perkahwinan kanak-kanak di bangkitkan di dalam laporan *chapter* kanak-kanak. Seperti kita maklum bahawa banyak kes ketidakselarasan *stateless children* ini berlaku bukan kesalahan kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak tersebut tidak berdosa dan mereka menghadapi masalah dokumen- tiada dokumen pengenalan dan sebagainya. Ini menjadikan satu masalah kepada kanak-kanak. Ia akan menjadi satu kitaran, *vicious cycle* apabila *stateless children* yang tidak mempunyai kewarganegaraan, tiada mempunyai dokumen tersebut atas isu bahawa masalah ibu bapa dan mereka kemudiannya...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bakal menjadikan kanak-kanak jalanan dan kemudian menjadi pengemis dan sebagainya satu *vicious cycle*. Oleh itu kita perlu mempunyai satu *political view* untuk menyelesaikan isu *stateless children*.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya ingin memuji Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini Kementerian Pendidikan melaksanakan satu polisi *zero reject policy* bahawa walaupun kanak-kanak yang mempunyai masalah dokumen.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Akan tetapi mereka boleh diterima untuk mengikuti sistem formal.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Hendak tanya penjelasan boleh?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Apa pendidikan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Standard children*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Bendera sekarang jam telah pukul satu boleh kita sambung selepas rehat? Ahli-ahli Yang Berhormat..

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita tangguhkan Dewan, sambung semula 2.30 petang, sambung dengan Yang Berhormat Bukit Bendera.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Bukit Bendera, tinggal enam minit dan 56 saat.

2.32 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebelum makan tengah hari, saya ada menyebut bahawa had kanak-kanak, berkenaan dengan isu had kanak-kanak khususnya untuk *stateless children* ataupun kanak-kanak bukan warganegara dan juga yang di dalam situasi tersebut, bukan disebabkan oleh kesalahan mereka.

Saya juga ingin membangkitkan isu bahawa kanak-kanak warga asing sama ada ditemani ibu bapa atau tidak ditemani ibu bapa terus ditahan di bawah Akta Imigresen di Malaysia dan ditahan di lokap-lokap walaupun mereka ialah kanak-kanak. Saya rasa keadaan ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana kanak-kanak tersebut sebenarnya mereka bukanlah di pihak yang bersalah kerana mereka masih lagi kanak-kanak...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Boleh mencelah?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Bukit Bendera setuju, masalah kanak-kanak yang tidak ada dokumen atau walaupun ada dokumen, tetapi bukan warganegara, ini adalah akibat dari polisi-polisi yang dilakukan oleh Barisan Nasional? Pada masa itu mereka tidak mampu membangunkan ekonomi kita, jadi ekonomi kita dalam satu keadaan yang kita kena bertumpu kepada industri-industri yang bergantung kepada pekerja yang tidak ada kemahiran. Semasa kita bawa masuk ramai pekerja asing dan mereka beranak dengan akibat- ya lah, ada seks dengan pasangan yang tidak nikah di negara kita.

Jadi, masalah ini adalah akibat dari polisi-polisi Barisan Nasional. Sekarang sudah menjadi masalah kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Adakah Yang Berhormat Bukit Bendera setuju walaupun ini bukan berpunca dari kerajaan kita, tetapi kita harus menyelesaikan masalah ini atas asas kemanusiaan? Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya rasa saya setuju dengan pendapat dan pandangan Yang Berhormat Tebrau. Kanak-kanak tanpa kerakyatan ini- saya ingin sebut bahawa satu contoh yang baik, polisi yang baik yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan ialah *Zero Reject Policy*. Maksudnya, mereka yang menghadapi masalah dokumen ataupun kerakyatan boleh juga dibenarkan untuk belajar di sekolah-sekolah kita. Apabila *Zero Reject Policy* ini dijalankan, *no child are be left behind*. Semua kanak-kanak tidak harus ditinggalkan di belakang.

Saya petik satu contoh yang telah saya tangani di kawasan saya, ada seorang kanak-kanak yang menghadapi masalah dokumen, menghadapi masalah keganasan rumah tangga telah keluar dari Kuala Lumpur dan datang ke Pulau Pinang dan menghadapi masalah *birth cert* beliau, Sijil Lahir beliau.

Difahamkan, Jabatan Imigresen memerlukan tiga bulan baru boleh mengeluarkan sijil kelahiran. Kalau alasan Jabatan Imigresen ini diterima, maka kanak-kanak tersebut perlu tunggu tiga bulan baru boleh mendaftar di sekolah yang baharu. Akan tetapi dasar baharu kita iaitu *Zero Reject Policy*, maka saya telah menelefon Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan menyelesaikan masalah itu. Tiga hari kemudian, kanak-kanak tersebut telah menyambung pelajaran di sekolah baharu. Oleh itu, saya berikan contoh sebagai satu polisi kerajaan yang baik, dapat membantu ramai kanak-kanak yang menghadapi masalah dokumen dan juga kerakyatan.

Berkaitan dengan soalan yang disebutkan tadi, bukan sahaja terhadap kanak-kanak yang mempunyai isu tidak ada dokumen, terdapat laporan oleh SUHAKAM dalam *chapter* pelarian dan pencarian suaka, terdapat 100- pada tahun, setakat akhir bulan Disember 2018, terdapat 163,860 orang pelarian dan pencarian suaka yang berdaftar dengan UNHCR. Antaranya, di bawah 18 tahun seramai 42 ribu orang.

Oleh itu, 25.9 peratus adalah kanak-kanak. Oleh itu, saya rasa kita perlu memberikan pendedahan juga kepada agensi penguatkuasaan kita sama ada imigresen, polis dan lain-lain isu-isu penahanan kanak-kanak di depot pertahanan imigresen, isu penahanan kanak-kanak di lokap yang sepatutnya tidak mematuhi *international standard*.

Saya juga ingin merujuk kepada *Prevention of Crime Act 1959 (POCA)*. Di bawah laporan SUHAKAM, telah dilaporkan bahawa terdapat 39 orang banduan yang dikategorikan sebagai juvana kanak-kanak di Penjara Kluang pada lawatan SUHAKAM pada 19 Julai. Saya dapati bahawa jawapan kerajaan ialah kes penahanan kanak-kanak di bawah POCA adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Walaupun kementerian satu lagi menjawab, tetapi ini di bawah kementerian lain. Oleh itu, saya ingin melihat satu penyelesaian yang holistik untuk menyelesaikan isu-isu terhadap pelarian, isu kanak-kanak yang menghadapi masalah dokumen.

Saya juga tertarik dengan cadangan oleh SUHAKAM bahawa satu suruhanjaya untuk kanak-kanak ditubuhkan. Saya rasa itu cadangan yang baik. Hari ini kita hanya melihat seorang Pesuruhjaya Kanak-kanak dilantik di bawah SUHAKAM. Kita hendak lihat satu suruhanjaya khas untuk kanak-kanak supaya perlindungan kepada kanak-kanak dapat diberikan perhatian yang lebih serius. Begitu juga dengan konvensyen antarabangsa berkenaan dengan kanak-kanak. Kita perlu melihat semua ini supaya memberikan lebih banyak hak kepada kanak-kanak agar satu suruhanjaya kanak-kanak nasional dapat ditubuhkan dengan mengambil kira piawai yang ditetapkan oleh CRC, konvensyen untuk kanak-kanak tersebut.

■1440

Saya memuji kerja-kerja oleh SUHAKAM dan saya ingin melihat laporan SUHAKAM ini dibahaskan bermula tahun ini di Parlimen dan setiap tahun di Parlimen. Saya juga menjangkakan pihak eksekutif, pihak kerajaan perlu memberikan jawapan bukan sahaja satu-satu kementerian

tapi melibatkan banyak kementerian supaya memberikan perhatian yang serius terhadap laporan oleh SUHAKAM ini dan supaya kerja-kerja penambahbaikan sama ada perlu ubah undang-undang, sama ada perlu ubah- pinda Perlembagaan, Parlimenlah yang berkuasa untuk membuat pindaan tersebut.

Saya meminta kepada lebih banyak sumber disalurkan kepada SUHAKAM supaya mereka dapat menjalankan kerja dengan lebih baik untuk meningkatkan lagi hak asasi manusia di Malaysia.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Bukit Bendera sedikit?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa ke Dewan ini satu penjelasan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang mengatakan peruntukan tambahan tidak perlulah kerajaan berikan kepada SUHAKAM. Akan tetapi ini merupakan satu norma daripada masa Barisan Nasional menjadi kerajaan, mereka di bayar gaji, mereka diberi kereta seperti agensi lain dan sekiranya SUHAKAM diberikan peruntukan seperti juga Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), maka apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerang itu tidak betul, dan mengelirukan Dewan.

Jadi saya ingin *put on point here* bahawa SUHAKAM ini satu pertubuhan di bawah Akta Parlimen, bukan satu NGO yang asing. Walaupun mereka ini *independent* tapi ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, *under the Parliament Act* dan wajar dipertimbangkan untuk menaikkan peruntukan bagi mereka untuk berfungsi dengan baik. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: SUHAKAM ialah satu subjek, item di bawah *Federal Budget* yang setiap kali kita akan luluskan di Dewan ini. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Batu Kawan untuk memperkasakan struktur dan juga fungsi SUHAKAM supaya mereka boleh berfungsi dengan lebih baik dengan membantu membongkar banyak kes yang mencabuli hak asasi manusia dengan mempromosikan juga pendidikan hak asasi manusia di Malaysia. Dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik.

2.42 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama untuk membahaskan Laporan SUHAKAM 2018. Untuk awal saya mengucapkan tahniah di atas laporan yang telah dibentangkan dan sudah pasti memberikan satu mesej baru kepada gerakan hak asasi kita di semua peringkat.

Saya menyambung satu laporan yang telah dicatat iaitu berkaitan pelarian dan pencari suaka. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tadi memang sangat serius

keadaan di luar sana. Jumlah pelarian dalam rekod UNHCR akhir 2019 sudah berjumlah 177,800 orang pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar di pejabat UNHCR di Malaysia.

Kita sedia maklum bahawa kerajaan Malaysia tidak mempunyai peruntukan undang-undang atau rangka pentadbiran yang mengiktiraf dan melindungi hak pelarian. Selain itu, Malaysia belum lagi meratifikasi 1991, dengan izin, *Convention Relating to the Status Refugees* ataupun *Refugees Convention 1951*.

Tuan Yang di-Pertua, menurut polisi yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Imigresen, kad UNHCR menawarkan perlindungan *defector* kepada penangkapan, penahanan dan pengusiran. Walau bagaimanapun, pengamalan polisi ini tidak sekata dan tidak konsisten.

Begitu juga dalam rekod kita, Malaysia pernah memberikan status sah sementara hak-hak bekerja dan kelayakan lain kepada golongan pelarian tertentu seperti pelarian orang-orang Cham daripada Kemboja dan pelarian daripada Aceh dan Bosnia satu ketika dahulu. Kebelakangan ini status sah sementara juga diberikan kepada sebahagian pelarian Rohingya dan Syria.

Inisiatif ini amat penting bagi pelarian ini di Malaysia untuk mendapat perlindungan. Namun inisiatif ini mempunyai banyak halangan kerana perlindungan diberikan untuk sementara sahaja tanpa perancangan yang jelas untuk masa depan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Sik, minta penjelasan?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah-hujah yang telah dilontarkan tadi. Saya sokong kepada pandangan Yang Berhormat.

Satu soalan saya, dan mungkin dapat pendapat Yang Berhormat iaitu SUHAKAM juga telah mencadangkan dengan NGO-NGO lain supaya pelarian-pelarian- *refugees* ini diberikan kerja di Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, perkara itu juga adalah sebahagian daripada- sepatutnya di ambil berat oleh pihak kerajaan. Satu langkah iaitu yang disebut sebagai *replace* kepada buruh-buruh yang di ambil yang baru. Mereka sudah berada di sini, berada di tempat kita dan sudah pun bekerja, cuma tidak mempunyai undang-undang ataupun peraturan yang diberi satu kebenaran oleh pihak kerajaan.

Banyak isu-isu pelarian kita lihat di sana termasuk penahanan kanak-kanak di depot Imigresen. Saya sendiri pernah melihat atau mengunjungi kanak-kanak di depot Imigresen Belantik, Sik di daerah saya. Begitu juga ketika saya pernah bersama bermesyuarat dengan anggota SUHAKAM, Encik Jerald Joseph yang mungkin ada di belakang sana. Banyak isu-isu yang melibatkan pelarian Rohingya khususnya di depot dan soal status mereka ketika mereka ditahan oleh pihak Imigresen kerana mereka hanya mempunyai kad UNHCR.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil demi perhatian oleh pihak kerajaan iaitu termasuk perintah di bawah seksyen 55, Akta

Imigresen untuk mengecualikan pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR dan didakwa di bawah seksyen 6 akta tersebut.

Kedua, pengesahan status sementara hak bekerja dan laluan kepada keperluan asas termasuk perubatan dan pendidikan kepada pelarian ataupun suaka yang telah berdaftar dengan UNHCR.

Seterusnya juga untuk mengendalikan, pihak kerajaan boleh melihat suatu ruang untuk menyediakan latihan di seluruh negara melalui Kementerian Sumber Manusia untuk mengatakan bahawa pekerja-pekerja daripada pelarian ini juga mereka mempunyai hak untuk bekerja dan mereka diberi latihan yang mungkin memberi suatu kebaikan kepada sektor industri, perkilangan, perladangan atau sebagainya.

Seterusnya, dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal untuk menambah baik dan menerapkan kerjasama dan koordinasi di antara kementerian, kerajaan, UNHCR dan masyarakat sivil.

Bagi pihak Parlimen, saya mengusahakan dengan beberapa Ahli Parlimen yang lain, kita telah bermesyuarat menubuhkan *All-Party Parliamentary Groups Malaysia* Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan isu polisi *refugee* di Malaysia yang mana Yang Berhormat Alor Setar menjadi Pengerusi kepada APPGM ini.

Jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua, dapat melihat nota yang telah kita hantar kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terima.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bangkitkan laporan daripada SUHAKAM ini berkaitan dengan isu LGBT. Saya mengira kita perlu jelas bahawa kita menolak sebarang kekerasan serta diskriminasi terhadap golongan ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita mengiktiraf aktiviti songsang yang diperjuangkan atau dilakukan oleh kumpulan ini.

Di sini kita perlu jelas satu garis yang memisahkan di antara tiada diskriminasi dan bersetuju untuk mereka dirawat dengan mengiktiraf serta membiarkan mereka berleluasa dalam negara kita. Malangnya, sesetengah pihak yang mendukung ideologi liberal, gagal membezakan perkara ini.

Saya sebutkan kenyataan yang agak menyeleweng saya sebut, yang terkandung dalam laporan ini pada muka surat 147. Antaranya berbunyi sistem dwi perundangan yang terdiri daripada Undang-undang Jenayah Persekutuan dan Undang-undang Syariah merumitkan dan pada masa yang sama mendiskriminasikan komuniti LGBT. Bahagian lain turut menjelaskan bahawa Kanun Keseksaan masih menjadikan seks oral dan liwat antara orang dewasa dengan persetujuan sebagai jenayah yang merupakan peruntukan semasa zaman penjajahan lagi. Bagi *transgender* yang beragama Islam, undang-undang syariah melarang sekeras-kerasnya untuk mengaspirasikan ataupun meyebar luaskan atau mengamalkan *transgender* ini.

Kenyataan pertama yang saya sebutkan tadi mempertikaikan kedudukan mahkamah syariah sebagai satu yang dianggap merumitkan dan mendiskriminasikan kelompok LGBT

kerana ada undang-undang yang dikenakan terhadap golongan ini dan hukuman sebatan seperti yang dikenakan terhadap pesalah lesbian baru-baru ini di Terengganu.

■1450

Kenyataan kedua mempertikaikan pula seks oral diliwat sebagai jenayah yang terkandung dalam kanun keseksaan. Persoalan saya, adakah hukuman yang dikenakan baik dalam sistem perundangan syariah negeri-negeri mahupun dalam sistem perundangan sivil terhadap LGBT ini sebagai suatu bentuk diskriminasi kepada mereka. Jelas ini gambaran songsang yang cuba di bawa oleh sesetengah pihak.

Apakah hala tuju laporan SUHAKAM ini sehingga boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan sebegini sedangkan kesemua ini ada justifikasi yang perlu diperhalusi membabitkan perbahasan hikmah di sebalik ketegasan Islam dalam menangani kes-kes LGBT ini.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu. Terlanjur menyebut tadi tentang isu sebatan syariah yang telah dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu. Saya berada di situ pada ketika itu menyaksikan sama dan saya dapati proses yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah itu sangat tertib dan dihadiri sama oleh wakil daripada Majlis Peguam Terengganu tidak salah saya yang seterusnya memberi kenyataan bahawa mereka sangat berpuas hati bahawa proses itu sedikit pun dilihat tidak memangsakan kalangan yang berkenaan. Apa pandangan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Ya, sudah pasti hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Syariah itu adalah satu rangka untuk memberi suatu penyesalan kepada pelaku jenayah itu dan memberi suatu disebut *ibrah* kepada masyarakat di luar supaya tidak lakukan.

Namun, hukuman itu sangat adil dan sangat mendidik dan tidak pun menyebabkan suatu penderaan yang parah kepada pesalah tersebut. Jadi sudah pasti kita memberi keyakinan bahawa Mahkamah Syariah dapat melaksanakan hukuman ini dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi yang terakhir. Walaupun saya menolak sebarang diskriminasi terhadap golongan ini namun tidak bermakna kita menyokong kewujudan komuniti yang jelas melanggar hukum daripada Allah ini. Saya berharap agar kerajaan tetap dengan pendirian untuk tidak sesekali mengiktiraf golongan ini di Malaysia.

Terakhir iaitu berkaitan dengan laporan yang disebut dalam laporan tahunan SUHAKAM ini iaitu ratifikasi konvensyen antarabangsa khususnya berkaitan yang disebut ICERD itu. Saya berpandangan kita perlu jelas dengan bantahan rakyat terhadap hasrat kerajaan untuk meratifikasikan ICERD sebelum ini dan sewajarnya pihak kerajaan tidak berpatah balik untuk meratifikasikannya.

Selain himpunan bantahan ICERD yang berlangsung, ICERD juga di bantah oleh tokoh-tokoh negara lain dan ia sudah pastilah bertentangan jika diratifikasikan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memelihara hak kesaksamaan orang Melayu dan Bumiputera. Justeru saya mengharapkan agar pihak kerajaan meneliti dengan mendalam sebelum

mengemukakan pendirian berkenaan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang saya sebutkan ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Silakan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum meneruskan saya ingin mengalu-alukan kedatangan guru-guru dan murid SMK Mutiara, Parlimen Padang Serai... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang murid-murid.

2.53 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, selamat datang ke Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian turut serta dalam perbahasan untuk Laporan SUHAKAM 2018 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Ya, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Bendera, ini merupakan kali pertama laporan ini dibentangkan secara terbuka dan memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua belah pihak untuk sama-sama membahaskan kandungannya.

Saya menyambut baik. Saya menganggap ia sebagai satu pembaharuan yang sebelum ini dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam Buku Harapan iaitu reformasi institusi yang dijanjikan dan ini sebahagian daripadanya. SUHAKAM walaupun telah diwujudkan, ditubuhkan pada tahun 1999, 20 tahun dahulu tetapi banyak kekangan dan sebagainya yang membolehkan SUHAKAM tidak dapat menggunakan kuasa ataupun melaksanakan bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang dengan seluas-luasnya.

Kita kena mengiktiraf kepentingan SUHAKAM dan kita kena mengakui SUHAKAM adalah satu badan bebas yang tidak dibelenggu, yang tidak dikongkong oleh Eksekutif, oleh kerajaan semasa. Jadi, bagi saya, saya menyambut baik apa yang dibentangkan, perbahasan pada hari ini dan saya anggap apa-apa yang disebutkan dalam Laporan Tahunan 2018 oleh SUHAKAM ini wajar dan wajib diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak Eksekutif dan juga oleh semua agensi yang terlibat supaya laporan ini boleh menjadi satu landasan, satu lembaran untuk kita menambah baik sistem yang sedia ada untuk memperbaikinya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang kita junjung, kita anggap sebagai undang-undang tertinggi di negara kita.

Jadi bagi saya, ia juga selaras dengan amalan demokrasi dengan lulas undang-undang di negara ini. Pada petang ini saya akan spesifik menyebutkan dua perkara yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM ini iaitu perkara pertama berkenaan dengan isu kewarganegaraan khususnya kanak-kanak dan isu kedua berkenaan dengan pilihan raya.

Menyentuh isu kewarganegaraan. Disebut dalam muka surat 104 hingga muka surat 111 dan muka surat 118 hingga muka surat 126 khususnya saya hendak secara spesifik berkenaan

dengan kewarganegaraan untuk kanak-kanak di negara kita. Saya pernah berulang kali sebutkan sejak saya menjadi Ahli Parlimen tahun lepas dalam Dewan yang mulia ini malahan saya sendiri juga pernah mengemukakan soalan berkenaan dengan taraf kewarganegaraan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, *stateless child*.

Ini memang dalam rekod *Hansard* Parlimen ada. Saya sudah berulang kali dan saya mengharapkan ada satu tambah baik terhadap keseluruhan sistem pemberian kewarganegaraan ini. Ingin saya jelaskan, ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa apa yang kita sebut *stateless child* ini. Mereka bukan warganegara asing. Mereka bukan daripada negara luar dan datang mohon kewarganegaraan, tidak. Kanak-kanak ini secara terus terang kita kena mengakui hakikat bahawa mereka adalah anak-anak yang tidak berdosa. Mereka tidak dapat kewarganegaraan disebabkan mereka telah lahir sebelum ibu kandung mereka yang bukan berwarganegara Malaysia dapat ataupun sempat mendaftarkan perkahwinan mereka dengan bapa kandung mereka yang merupakan warganegara Malaysia.

Isu ini saya rasa melibatkan bukan beratus, bukan beribu. Saya tengok dalam laporan pun sudah banyak bilangannya daripada SUHAKAM dan banyak lagi yang saya percaya ramai lagi kanak-kanak seumpamanya yang belum lagi dirujuk kepada SUHAKAM.

Jadi saya mohon satu komitmen politik daripada pihak kerajaan dan khasnya daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mengatasi masalah ini. Masalah ini bukan masalah baru, bukan disebabkan selepas tukar kerajaan baru berlaku dan sebagainya tetapi ia telah terjadi dan secara berterusan sehingga hari ini.

Hari ini, saya berharap dengan adanya laporan yang jelas daripada SUHAKAM sendiri yang mengemukakan ini sebagai antara masalah yang perlu diberikan perhatian. Saya mohon satu komitmen daripada Eksekutif khasnya KDN sendiri untuk menggunakan satu pendekatan yang holistik supaya anak-anak ini, ada yang telah lahir bukan setakat belum masuk sekolah tetapi sudah masuk ke sekolah menengah, sudah belasan tahun, akan masuk ke alam dewasa tidak lama lagi tetapi masih belum diberikan taraf kewarganegaraan.

Saya rasa ini antara masalah serius yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan kita selaras dengan *institutional reforms* yang kita janjikan sebelum ini dan ia sebahagian daripada *institutional reforms* yang dijanjikan dalam Buku Harapan.

Bagi saya, Artikel 15 dan 15A di bawah Perlembagaan Persekutuan sendiri tidak menghalang anak-anak dalam kategori ini, kanak-kanak dalam kategori ini diberikan taraf kewarganegaraan. Jadi, saya tidak mencadangkan sesuatu yang mengajar kita supaya langgar ataupun supaya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, tidak. Sesuatu yang selaras dengan lunas-lunas yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Perkara yang perlu adalah pendekatan yang berbeza, yang holistik supaya akhirnya anak-anak ini tidak lagi terus terpinggir sebab ya lah walaupun mereka boleh hidup, boleh ke sekolah dan sebagainya tetapi banyak kemudahan yang dikhususkan kepada warganegara Malaysia tidak dapat dinikmati oleh mereka.

Saya rasa mereka wajar dan wajib diberikan pembelaan yang sewajarnya sebab mereka sepatutnya dan sewajarnya diberikan taraf kewarganegaraan. Ini khasnya mereka yang kalau kita gunakan ujian DNA, memang kita boleh sahkan ayah kandung adalah rakyat Malaysia.

■1500

Kategori kedua berkenaan dengan anak-anak ini adalah berkenaan dengan anak yang mungkin kita tidak tahu kewarganegaraan tetapi telah diangkat atau *adopted* secara sah mengikut undang-undang sama ada di bawah JPM ataupun dengan kuasa mahkamah yang ada sama ada di bawah Akta Pengangkatan ataupun Akta Pendaftaran Pengangkatan.

Kedua-duanya telah memberikan mereka taraf sebagai anak angkat sah. Cuma kita tahu taraf kewarganegaraan tidak diberikan oleh badan kehakiman ataupun oleh disebabkan pengangkatan jadi perlukan komitmen daripada KDN, kerajaan untuk memberikan mereka taraf kewarganegaraan ini. Jadi saya berharap perkara ini kita dapat selesaikan dan saya boleh menjangkakan satu *approach*, satu pendekatan yang lebih holistik pada 2020, tahun depan dan saya harap kita akan dapat berita baik tidak lama lagi tahun depan.

Perkara satu lagi yang saya hendak sebut adalah terkandung dalam bab tiga dalam laporan ini iaitu di bawah penetapan prestasi dan piawai hak asasi manusia di mana ia berkenaan dengan demokrasi, tadbir urus yang baik dan hak asasi di dalam muka surat 154 dan 161. Dalam laporan ini secara khusus disebutkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum PRU Ke-14 apabila menerima permohonan daripada SUHAKAM supaya SUHAKAM menjadi badan pemerhati bebas dalam PRU Ke-14 tetapi permohonan ini telah ditolak oleh SPR ketika itu.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang bukan saja tidak wajar tetapi melampau. SUHAKAM adalah satu badan yang wajar diangkat ke satu tempat yang mana tidak, dia lebih tinggi daripada semua badan politik. Kenapa SUHAKAM tidak diberikan taraf sebagai pemerhati bebas dan berita baik sebagaimana dalam laporan tersebut mengatakan bahawa selepas tukar kerajaan pada tahun lepas, Suruhanjaya Pilihan Raya dengan inisiatif sendiri telah menjemput SUHAKAM sebagai pemerhati bebas dalam PRK Sungai Kandis.

Saya rasa ini satu *approach* yang baik dan saya berharap pihak SPR akan sentiasa secara berterusan dan saya yakin SPR yang ada pada hari ini di bawah kepimpinan Pengerusi SPR yang baru akan terus bekerjasama dengan semua badan bebas terutamanya SUHAKAM sebagai badan yang mempunyai prestij, badan yang diiktiraf di bawah undang-undang untuk memperbaiki sistem yang ada.

Apa-apa kekurangan, kebobrokan, kesilapan, kekurangan, kelemahan pada sistem pilihan raya yang ada di Malaysia yang telah kita warisi berpuluh tahun. Inilah masanya, inilah saat dan ketikanya untuk sama-sama kita ambil berat dan seterusnya melakukan pendekatan untuk memperbaikinya. Ia juga selaras dengan janji yang ke-17 iaitu "Menjamin ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya." dalam Buku Harapan yang telah dibentangkan pada tahun lepas. Jadi saya menyambut baik, saya menyokong laporan-laporan termasuk teguran-teguran dari dalam laporan SUHAKAM dan saya berharap pihak kerajaan akan melakukan apa yang

sewajarnya supaya laporan ini akan dapat merupakan satu kritikan yang membina untuk memperbaiki sistem di negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik.

3.03 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut ingin bahas berdasarkan laporan SUHAKAM yang telah diletakkan di atas meja.

Pertama, saya hendak menyentuh soal Orang Asli yang mana SUHAKAM telah mula membincangkan soal Orang Asli di kawasan Semenanjung mengenai hak pendidikan. Sebenarnya, kita sendiri pun selalu memberitahu kepada kementerian sewaktu dalam jawatankuasa berkenaan dengan pendidikan, berkaitan dengan satu kehadiran Orang Asli ke sekolah. Maksudnya masalah keciciran.

Kalau di kawasan saya ada tiga sekolah rendah Orang Asli dan antara yang menyebabkan keciciran yang paling tinggi berlaku dalam kawasan Hulu Perak. Akan tetapi, ada beberapa perkara yang SUHAKAM sentuh di sini yang kita boleh pertimbangkan dan minta perkara ini sebenarnya pihak Kementerian Pelajaran memang mengetahui dan sering berulang kali kita bercakap sama ada waktu saya jadi ADUN dan juga bila saya mula menjadi Ahli Parlimen. Di mana saya kata, sekolah-sekolah di kawasan Orang Asli kita mesti tempatkan guru-guru yang berminat untuk mengajar di kawasan pedalaman.

Janganlah kita meletakkan, menghantarkan guru-guru yang akhirnya sekadar kerana hendak pindah daripada antara negeri, sanggup menerima di kawasan Orang Asli. Akhirnya, tidak fokus dan tidak ingin membantu membangun ataupun mengajar dengan sepenuh hati di kawasan Orang Asli.

Begitu juga, kita melihat orang kampung menghadapi masalah buta huruf. Di mana saya tidak nafikan JAKOA telah banyak membantu mengaturkan program untuk membasmi buta huruf di kawasan Orang Asli dan kadang-kadang laporan SUHAKAM sendiri seolah-olah menafikan apa yang telah dibuat oleh kerajaan melalui Jabatan Orang Asli. Akan tetapi saya sebenarnya sebagai wakil rakyat, pemerhatian saya banyak yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan perubahan pada Orang Asli, soal pendidikan.

Begitu juga, kita tengok paling ketara selepas PRU Ke-12. Kalau di Sabah, Sarawak kita sudah tahu ada tanah adat. Akan tetapi di Semenanjung sebenarnya tidak, cuma Orang Asli yang menyatakan itu ialah tanah adat. Akan tetapi dalam rizab tanah di peringkat negeri sebenar ialah tanah hutan simpan kerajaan.

Usaha telah dibuat pada tahun tidak silap saya dahulu 2009, di mana kerajaan negeri berunding dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan saya masih ingat waktu Yang Berhormat Datuk Shafie Apdal menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar memanggil semua ADUN-ADUN di seluruh negara yang mempunyai kawasan Orang Asli untuk memastikan kawasan pendudukan Orang Asli bersama kawasan rayau kita cadangkan di

peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah dan perkara tersebut sebenarnya telah pun dibuat.

Saya sendiri masih ingat selepas saya jadi Ahli Parlimen pada masa Barisan Nasional masih kerajaan, dijemput hadir ke mesyuarat tanah dan untuk memastikan supaya kawasan kediaman dan kawasan rayau Orang Asli tadi kita gazetkan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Sebab kita tidak hendak gazet terus atas individu Orang Asli kerana kita yakin mereka tidak mampu untuk membayar premium dan juga mereka tidak mampu untuk membayar cukai hasil tanah pada tiap-tiap tahun yang akhirnya tanah yang kita beri milik kepada Orang Asli nanti akan dijual dengan sewenang-wenangnya.

Adalah lebih selamat tanah Orang Asli yang kita selalu sebagai kawasan rayau tadi, kita rizabkan kepada JAKOA, pembangunan dan segala-galanya kerajaan memberi perhatian dan saya boleh bangga dalam kawasan saya di Parlimen Gerik, Orang-orang Asli mempunyai kesedaran untuk menanam pokok getah dan saya selalu bagi tahu dahulu, tidak apalah Orang Asli boleh tanam getah ikut kerajinan, kemampuan supaya inilah menjadi sumber pendapatan tetap pada masa akan datang dan bukan senang kita hendak menggerakkan, hendak merubah pemikiran Orang Asli tetapi mengambil masa, memberi perhatian dan mendekati mereka dan memberi kepercayaan bahawa getah ialah memberikan satu sumber pendapatan kepada Orang Asli.

Malangnya, sehingga hari ini saya amat kecewa ialah di peringkat tanah kerajaan negeri. Walaupun kita sudah buat dia punya peta lakar kasar, tidak dapat meluluskan kawasan untuk Orang Asli tadi.

■1510

Kalau di tempat saya ada RPS Khemah, RPS Banun, Sungai Tiang dan juga Air Kejar Hulu Gerik adalah beberapa tempat lagi sehingga hari ini ada dua, tiga tempat sudah di-*reserve*-kan tapi masih belum selesai sepenuhnya. Berdasarkan pada Laporan SUHAKAM ini saya memohon melalui Parlimen ini supaya Kerajaan Negeri Perak menyelesaikan masalah rizab tanah Orang Asli ini kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) saya tidak mahu diberi terus Orang Asli.

Kebimbangan saya tanah tadi mereka akan bila dapat milik, tidak dapat bayar cukai hasil tiap-tiap tahun, ada undang-undang tujuh tahun tidak bayar boleh ditarik balik ataupun ada kumpulan-kumpulan akan membeli tanah tadi. Akhirnya Orang Asli tidak akan dapat memiliki tanah yang menjadi kepentingan kepada orang ramai. Pada saya isu kerajaan negeri untuk menyambung *lease* Kampung Baru kepada 999 tidak ada isu.

Sepatutnya mereka terimalah bila sudah habis *lease* 99 tahun sambunglah balik 99 tahun apa yang kita hendak jadikan isu *lease* tanah kepada 999 tahun. Yang paling penting kita selesaikan rizab tanah Orang Asli kepada JAKOA. Begitu juga saya ingin menyentuh iaitu tentang soal kewarganegaraan di mana Yang Berhormat Rasah sebut tadi. Saya amat bersetuju kerana saya pun ada berlaku beberapa kes dalam Parlimen saya di mana bapa warganegara, mak

warganegara tetapi dia kahwin dulu belum daftar. Adik-adik ada warganegara, abang dengan kakak tidak ada warganegara. Hendak DNA.

Saya sudah suruh ibu bapa tadi buat laporan daripada hospital swasta, kerajaan tidak hendak bagi, dulu. Sehingga hari ini perkara tersebut belum selesai. Saya rasa ini satu diskriminasi kepada warganegara yang akhirnya anak-anak tadi rasa rendah diri dia tidak dapat warganegara. Begitu juga satu kes kawan saya yang duduk di Kuala Lumpur, umur sudah hampir 55 tahun tidak dapat warganegara- IC merah ada. Mak bapa asal daripada India, bila dia- sampai tujuh kali permohonan ditolak sehingga hari ini, kakak-kakak dapat warganegara.

Jadi ini Kementerian Dalam Negeri, kalau kita tanya jawapannya ialah hak kerajaan untuk membagi warganegara tetapi dia tidak akan keluar daripada Malaysia, dia ialah warganegara Malaysia. Perkara ini pun kerajaan perlu buat satu kajian yang terperinci supaya mereka ini juga diberikan hak mendapat warganegara kerana anak-anak mereka sudah tentu menjadi warganegara fasal bapanya sudah ada IC merah.

Jadi masa pun sudah ini, saya menepati masa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gerik, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

3.14 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membangkitkan isu tentang tanpa kewarganegaraan. Seperti dengan kawan-kawan lain, saudara-saudara lain seperti Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Rasah dan seumpamanya. Isu ini lebih *complicated* atau lebih rumit di kawasan saya Kota Kinabalu dan juga negeri Sabah kerana isu masalah *migration*, migrasi yang tidak teratur sejak tahun 1980-an.

Tentang kononnya ada satu projek yang namanya Projek M dan isu ini ia melibatkan dua jenis kanak-kanak ini. Ada kanak-kanak tanpa kerakyatan dan kanak-kanak yang tanpa dokumen. Ada Orang Asal di Sabah mereka memang tanpa dokumen kerana mereka tinggal di kawasan yang sangat *isolated*. So mereka susah hendak memperoleh pendaftaran mengikut undang-undang dengan demikian mereka tidak ada status kerakyatan atau status kewarganegaraan.

Cuma masalah ini dapat diselesaikan dengan satu gerakan khas daripada mahkamah *mobile*, *The Mobile Native Court to Register* yang penduduk-penduduk kita, Orang Asal kita di kawasan-kawasan pedalaman. Cuma untuk isu untuk kanak-kanak tanpa kerakyatan atau tanpa kewarganegaraan ini baru-baru ini Kerajaan Negeri Sabah bersama dengan Kerajaan Persekutuan mengesyorkan satu Pas Sementara Sabah (PSS) untuk menyelaraskan atau menggantikan tiga jenis butiran dokumen yang kita pernah *issue* untuk warga-warga asing ini seperti IMM13, Sijil Banci dan Kad Burung-burung ada tiga jenis ini.

Kesemua tiga jenis ini disyorkan, diselaraskan dengan satu sistem yang baharu namanya Pas Sementara Sabah (PSS) dan warga asing yang dianggarkan terlibat dalam pengisuan PSS ini merupakan 140 ribu warga asing dan kalau kita *estimate* bersama ahli keluarga mereka

kemungkinan ia melibatkan 500 ribu orang yang menduduki di Sabah. Isu ini agak serius dan selalu dimainkan-mainkan oleh pihak-pihak tertentu untuk *politicise*, untuk mempolitikkan isu ini dan saya rasa kita perlukan ada sistem PSS memang saya setuju.

Cuma cara macam mana mekanisme ia dilancarkan sampai sekarang belum jelas dan kalau belum jelas ini ada Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing ini yang jawatankuasa induk untuk pengurusan warga asing ini mengesyorkan PSS ini akan dilancarkan pada 1 Jun tahun depan dan masalah dia sekarang ini saya ingin meminda supaya SUHAKAM satu badan yang *non political* diberikan satu peranan yang lebih penting untuk sama-sama menggubal dasar ini. Yang Berhormat Kampar *you* ada soalan?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Mengenai kanak-kanak yang tanpa kerakyatan ini adakah Yang Berhormat Kota Kinabalu tahu bahawa terdapat banyak kes mahkamah telah membenarkan anak-anak yang dikatakan luar nikah ini diberi satu kerakyatan dan kes-kes ini telah pun banyak dibicarakan dan mahkamah berpendapat anak luar nikah ini memang mereka patut diberi kerakyatan. Akan tetapi sehingga hari ini masih tidak ada mahkamah tertinggi iaitu Mahkamah Persekutuan untuk membuat penentuan yang muktamad.

Jadi apa yang kita dapat lihat adalah memang dari segi undang-undang, kanak-kanak luar nikah ini walaupun mereka tidak ada taraf kerakyatan mereka adalah berhak untuk mendapatkan itu. Adakah setuju dengan saya kerajaan patut mempertimbangkan kes-kes ini dan memberi kelayakan kepada semua kanak-kanak luar nikah ini satu kerakyatan sebab ini bukan salah mereka. Mungkin ibu bapa mereka tidak berpendidikan tinggi, tidak mendaftarkan perkahwinan mereka menyebabkan mereka tidak ada kerakyatan.

Jadi adakah setuju dengan saya kerajaan patut melihat kepada syor-syor yang telah pun dinyatakan di dalam Laporan SUHAKAM ini dan saya tengok di dalam maklum balas kerajaan, langsung isu ini tidak disentuh. Adakah kerajaan serius, kita harus serius sebab banyak kes ini di merata-rata tempat di Malaysia, anak-anak luar nikah dikatakan luar nikah tidak mempunyai kerakyatan kerana satu kesilapan ataupun *ignorance* bukan kata- dengan izin, *ignorance of the law*. Jadi kita patut memberi satu keadilan kepada mereka semua ini. Setuju kah tidak?

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, kalau boleh mencelah...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya... [Ketawa]

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Sekejap, sekejap. Terima kasih.

Susulan daripada perbahasan Yang Berhormat Kampar, saya hendak minta dua orang Yang Berhormat. pandangan adakah anda berdua bersetuju kalau ini kita tidak selesaikan dengan secepat mungkin, anak-anak yang tidak ada kerakyatan semasa mereka masuk umur dewasa, mereka akan mengalami banyak masalah seperti tidak boleh dapat pekerjaan kerana bukan warganegara, dan jika lagi teruk kalau tidak ada dokumentasi, masuk hospital pun ada masalah dan ini akan menjadi satu masalah yang besar. Bagi saya ini adalah satu masalah sosial bagi negara kita.

■1520

Jadi, apa sebabnya? Bagi saya ini adalah kalau Kerajaan BN tidak ada *political will* untuk selesai isu ini, adakah kita Kerajaan PH pun tak berani untuk melaksanakan untuk bagi mereka galakan dan gunakan *political will* yang BN gagal untuk digunakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, saya amat setuju dengan hujah-hujah daripada Yang Berhormat Kampar sama Yang Berhormat Tebrau. Saya memang- apabila saya baca yang laporan maklum balas kerajaan terhadap laporan SUHAKAM ini, cuma terdapat dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia sama Kementerian Kesihatan yang ada respons terhadap isu tanpa kewarganegaraan ini.

Cuma yang masalah pokok di sini adalah kenapa kanak-kanak ini tidak diberikan warganegara? Itu isu ada daripada Kementerian Dalam Negeri. Saya memang saya rasa di bawah Pakatan Harapan, Kementerian Dalam Negeri juga atau *political will* untuk menangani masalah ini supaya kita membawakan satu Malaysia yang baharu selepas pemerintahan ini ditukar.

Untuk balik kepada isu pas sementara Sabah ini, saya sangat- saya balik kepada cerita saya yang original kerana dua kawan saya sudah terpesong sikit, okey. Apa yang penting saya hendak mengesyorkan supaya SUHAKAM juga terlibat dalam satu masalah warga asing yang cukup tinggi dari nisbah di Sabah ini kerana SUHAKAM bukan sebuah badan politik, ia tidak memihak kepada mana-mana. Pada masa zaman pemerintahan Barisan Nasional pun SUHAKAM selalu mengeluarkan laporan yang juga mengkritik kerajaan.

So, Kerajaan Pakatan Harapan tidak harus takut kepada kritikan daripada SUHAKAM dan SUHAKAM boleh memainkan peranan yang lebih penting untuk memastikan isu *illegal immigrant* di Sabah ini dapat ditangani dengan lebih komprehensif. Memang yang lalu sudah lalu, rakyat Sabah ada segelintir masih sangat marah terhadap Projek IMM yang selalu dikatakan. Akan tetapi masalahnya sekarang *we need to look forward*. Kita harus melangkah ke masa depan kita hendak menyelesaikan masalah dengan peratusan yang dikatakan kemungkinan sampai 1 juta warga asing di Sabah.

So, dengan 4 juta penduduk di Sabah, 1 juta adalah warga asing maksudnya 25 peratus ini kemungkinan tidak ada warganegara atau kewarganegaraan yang cukup dengan- *is something like we quite- whether it is genuine or not, the* kewarganegaraan itu. So, saya harapkan atas satu suruhanjaya ditubuhkan kemungkinan di bawah SUHAKAM supaya kita melihat kebenaran dan pendamaian untuk masalah ini.

Ini kerana masalah ini kita tidak boleh selalu pandang ke masalah lepas dan kita selalu bahagikan isu sama ada, ada projek IMM atau tidak tetapi kita harus melihat kepada isu pendamaian. Supaya warga original Sabahan boleh terima warga asing yang sudah lama duduk di Sabah atau anak-anak mereka yang daripada warga asing ini atau yang anak-anak dilahirkan selepas perkahwinan di antara warga asing sama warga tempatan.

Ini satu masalah yang cukup serius dan saya harap satu *political will* kita akan ada bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan isu-isu pendaftaran kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini. Cuma cari satu jalan pendamaian di antara original Sabahan sama warga asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang giliran Yang Berhormat Tumpat. Silakan.

3.24 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini. Ia merupakan satu pembaharuan yang mendapat sokongan sepenuhnya bagi memastikan ketelusan sebuah badan yang mengawal selia serta memantau isu-isu yang berkaitan pengamalan hak asasi manusia di negara ini.

Isu pertama yang saya ingin sentuh adalah mengenai isu LGBT. Saya telah memperhalus bab LGBT yang disebut di dalam laporan ini. Agak mendukacitakan beberapa isu yang disentuh pada awal bahagian ini telah memberikan gambaran yang tidak tepat terhadap isu-isu yang berlaku. Sebagai contoh, apabila laporan ini pada awalnya memfokuskan isu pemecatan Numan Afifi salah seorang aktivis LGBT daripada jawatan Pegawai Akhbar Kementerian Belia dan Sukan serta kritikan masyarakat umum terhadap penganjuran acara berbuka puasa pada 2017 oleh kelompok pendukung LGBT. Begitu juga isu sebatan terhadap pesalah lesbian dan tindakan untuk menurunkan beberapa potret kontroversi dalam Festival Georgetown.

Sewajarnya kita sedar bahawa amalan LGBT mahupun golongan yang memperjuangkannya adalah bertentangan dengan syarak dan tidak ada kompromi dalam hal ini. Ia bertentangan dengan Islam yang menjadi agama kepada Persekutuan. Bahkan saya yakin, ia menjadi larangan kepada semua agama kalau saya silap betulkan saya. Dalam Islam Allah SWT berfirman dalam surah Al-A'raf ayat 80-81 yang bermaksud, "*... dan Nabi Luth juga kami utuskan, ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya, patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji (merujuk kepada perbuatan itu) yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu. Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas*".

Sebahagian ayat-ayat Al-Quran ini menunjukkan ketegasan terhadap hubungan sejenis ini. Justeru, mengapa prinsip ketegasan masyarakat menolak mereka sedang dipertikaikan oleh sebahagian pihak pada hari ini. Oleh sebab itu, *title* "aktivis LGBT", atau apa jua yang berkaitan dengannya, tidak boleh sama sekali diterima di negara ini. Lebih mendukacitakan saya adalah, laporan ini juga tidak sedikit pun mengulas mengenai tohmahan Numan Afifi yang telah

memberikan kenyataan serong terhadap Program Mukhyyam anjuran JAKIM, ketika beliau menyampaikan ucapan di semakan berkala...

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Minta pencilahan Yang Berhormat Tumpat, minta celah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kejap, kejap hujung saya *bagi in syaa Allah*.

Mukhyyam anjuran JAKIM ketika beliau menyampaikan ucapan di semakan berkala sejagat UPR Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland pada tahun lalu. Beliau mengatakan bahawa Program Mukhyyam tersebut sebagai suatu bentuk program kekerasan dan keganasan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan- *state sponsored violence*. Walaupun pada hakikatnya Mukhyyam tersebut dianjurkan bagi menangani peningkatan pesakit HIV AIDS yang dilaporkan meningkat di kalangan *transgender*.

Maka mereka wajar diberikan rawatan supaya segera, supaya pulang ke pangkal jalan. Ironinya SUHAKAM tidak mengangkat perkara ini sebagai tema utama di dalam isu LGBT walhal ini adalah proses teras untuk merawat, memulihkan serta mendekati kelompok LGBT. Namun sebaliknya pihak SUHAKAM sendiri masih cenderung bersuara untuk membela kegiatan mereka dengan mempertikaikan isu-isu di atas.

Ini kekeliruan yang perlu ditangani dengan cermat. Kita barangkali boleh bersetuju dengan pendekatan kasih sayang untuk mengajak mereka kembali ke pangkal jalan. Namun tidak sekali-kali boleh kita mengiktiraf itu sebagai hak mereka. Saya juga ingin mengupas Bab 3 - Jaminan Prestasi dan Piawai Hak Asasi Manusia di bawah sub topik demokrasi, tadbir urus yang baik dan hak asasi berkenaan dengan pilihan raya.

Kita telah melalui beberapa siri pilihan raya kecil termasuk baru-baru ini di Tanjong Piai yang menyaksikan pelbagai janji manis telah ditaburkan oleh parti pemerintah. BERSIH 2.0 telah mengeluarkan satu laporan pemerhatian pilihan raya kecil P165 Tanjong Piai pada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong duduk dulu, nanti saya bagi. Yang Berhormat Jelutong nak bahas fasal LGBT kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkenaan dengan janji itu...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Duduk dulu, duduk dulu. Kalau hendak bahas LGBT, saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan-bukan berkenaan dengan janji yang dibuat oleh Ahli Parlimen Tanjong Piai sendiri untuk menghantar pengundi-pengundi untuk melaksanakan umrah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Duduk dulu, duduk, duduk. Tuan Yang di-Pertua boleh...

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Mana ada Yang Berhormat. Jangan ucap sembarangan begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Piai boleh duduk ya, ya teruskan.

■1530

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Piai telah buat janji semasa pilihan raya. Kalau menang, akan hantar pengundi-pengundi di situ untuk melaksanakan umrah.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan tuduhan sembarangan tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan pada topik ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Yang mana telah mencatatkan 10 kes salah laku, salah guna sumber kerajaan ketika berkempen melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri berjumlah kira-kira RM23.93 juta. Apa yang saya ingin tekankan di sini bukan soal siapa menang dan siapa kalah.

Akan tetapi, soal yang tidak dititikberatkan pasca setiap kali PRK adalah post-mortem kepatuhan parti-parti politik yang bertanding terhadap undang-undang dan peraturan pilihan raya. Oleh sebab itu, saya berpandangan kita perlu mengambil serius beberapa cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini berkaitan membeli undi ataupun politik wang iaitu dengan pelaksanaan tegas undang-undang di bawah seksyen 8 – Penjamuan, dan seksyen 10 - Rasuah di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 serta cadangan kedua iaitu melarang kerajaan daripada memberi apa-apa kontrak, mengumumkan apa-apa bentuk ganjaran dan memberi bantuan kepada pengundi-pengundi dalam tempoh pilihan raya.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Rasah- ada Yang Berhormat Rasah? Untuk membenarkan SUHAKAM sebagai pemerhati pada setiap pilihan raya yang berlaku bagi menjamin ketelusan pilihan raya. Saya juga turut mencadangkan supaya selain SUHAKAM yang membentangkan laporannya dan dibahaskan di Dewan Rakyat pada hari ini, SPR juga melakukan perkara yang sama dengan membentangkan laporan pasca setiap kali PRK dan laporan tersebut mesti dibahaskan untuk perhatian dan muhasabah bersama. Cadangan ini akan mengangkat nilai ketelusan, kebebasan dan integriti SPR yang menjadi tunjang penting dalam amalan demokrasi negara dan setakat ini dipertikaikan oleh banyak pihak.

Yang terakhir, *the last but not the least*. Dalam usaha SUHAKAM memastikan semua hak asasi manusia dilindungi, saya ingin menyentuh mengenai golongan pekerja Islam yang tidak dibenarkan untuk solat Jumaat. Memang saya telah berulang kali kemukakan isu ini kepada kerajaan di Dewan yang mulia ini.

Namun sehingga hari ini, saya tidak pernah mendapat jawapan yang meyakinkan, apatah lagi untuk melihat tindakan yang meyakinkan yang sewajarnya bagi memastikan pekerja Islam ini mendapat haknya untuk mengamalkan agamanya. Ini kerana di luar sana, masih berleluasa tindakan majikan-majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerja Islam ini menunaikan solat Jumaat. Saya bersedia untuk membantu kerajaan dan juga pihak SUHAKAM sendiri untuk memahami bahawa melaksanakan solat Jumaat ini adalah merupakan hak asasi setiap rakyat untuk melaksanakan agamanya. Oleh itu, di mana-mana forum sahaja untuk memberi kefahaman kepada SUHAKAM, *insya-Allah*, saya bersedia.

Kedua, mengenai golongan pekerja wanita Islam yang tidak dibenarkan untuk menutup aurat. Saya tidak memaksa majikan untuk memastikan mereka menutup aurat. Akan tetapi, sekurang-kurangnya memberi hak kepada pekerja-pekerja wanita Islam. Ini adalah merupakan hak asasi mereka untuk melaksanakan tuntutan agama mereka. Jadi, ini adalah merupakan satu hak yang sepatutnya turut diperjuangkan ataupun dibela oleh SUHAKAM. Ini adalah merupakan hak beragama yang merupakan hak asasi rakyat negara kita ini khususnya Malaysia, Islam adalah agama Persekutuan. Dipersilakan, siapa tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang bangun awal tadi. Yang mula-mula tadi. Yang Berhormat Jelutong duduk dahulu.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Labis, Labis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labis.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, *agreed*. Yang Berhormat Tumpat, kenapa ketika bahas isu minoriti LGBT yang merupakan satu minoriti yang terhina di masyarakat Malaysia ini, kenapa kita tidak boleh melihat dari sudut hak asasi mereka, minoriti ini? Kenapa selalu bangkitkan isu agama Islam sahaja? Memang kita boleh *debate*, kita boleh *debate* kenapa tidak merahsiakan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Boleh, boleh, boleh. Saya sudah faham. Boleh, boleh.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Kenapa selalu saya tidak pernah lihat Yang Berhormat dari PAS mengkritik isu rasuah? Kenapa kita menghinakan golongan minoriti ini?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tak apa. Boleh duduk. Boleh duduk. Boleh duduk. Yang Berhormat mana tadi? Saya tidak nampak.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Labis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Labis. Yang Berhormat Labis sebut kenapa PAS tidak menentang isu-isu rasuah. Yang Berhormat Labis pernah dengar ada seorang pemimpin PAS yang didakwa rasuah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada, ada. Di Mahkamah Tinggi Shah Alam baru-baru ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kenapa tidak ada ini?

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Banyak, banyak, banyak.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Pemimpin PAS, Ahli-ahli Parlimen PAS, Menteri-menteri Besar PAS, Timbalan-timbalan Menteri Besar PAS, kerajaan yang dipimpin di Kelantan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kecuali masa Tok Guru Nik Aziz ada, langsung tak ada. Sekarang tukar ketua, dah jadi ada.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Selama 30 tahun, Nik Aziz sudah pun meninggal dunia dan kerajaan di Kelantan tetap dikuasai oleh PAS, ada Menteri Besarnya,

ada Timbalan Menteri Besarnya, ada Exco-exconya. Sehingga ke hari ini kita tidak pernah mendengar ada isu-isu rasuah di kalangan pemimpin-pemimpin PAS ini, kenapa? Ini kerana kita memang menentang rasuah ini. Kita menentang rasuah...

Tuan Yang di-Pertua: Khususkan perbincangan terhadap SUHAKAM.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi yang disebut, yang disebut di pihak sana, menentang rasuah tetapi cukup gembira apabila SPRM- Yang Berhormat Bagan ada...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Menentang rasuah, tetapi sokong Yang Berhormat Pekan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kita bincang SUHAKAM, Laporan SUHAKAM. Silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul, betul. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya disoal dengan soalan sebegini, saya mesti jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkenaan dengan janji pilihan raya, janji pilihan raya. Apakah komen Yang Berhormat berkenaan dengan janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong Piai ketika kempen pilihan raya, janji kepada pengundi di sana?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey. Kalau ada apa-apa janji, bagi saya, janji mesti ditunaikan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Janji untuk melaksanakan umrah kalau dia menang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Oleh sebab itu, janji Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lepas juga kita tuntutan untuk ditunaikan kerana itu janji.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan risau, kita akan laksanakan sebelum lima tahun itu habis. Jangan risau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *No, no.* Yang janji 100 hari, 100 hari sudah berlalu...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya diganggu. Saya hendak habiskan ucapan saya. Saya hendak jawab tadi fasal isu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat melayan. Sudah habis masa. Ya, gulung.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Fasal isu LGBT tadi, Yang Berhormat Labis bertanya tadi. Kalau saya tak jawab....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jawab Yang Berhormat Labis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dengan penuh kasih sayang, kita mengajak golongan LGBT ini untuk kembali ke pangkal jalan. Saya sebut tadi, larangan terhadap aktiviti LGBT ini larangan semua agama. Saya tidak sebut Islam sahaja dan saya pun

kemukakan, saya tawarkan kalau kenyataan itu silap, kalau ada mana-mana agama yang membenarkan LGBT, sila maklum kepada saya. Saya boleh jadi akan tarik balik perkataan itu. Akan tetapi pada pandangan saya, semua agama adalah menentang aktiviti LGBT itu. Kalau saya silap, maka betulkan saya.

Akan tetapi yang jelas, Islam tidak membenarkan LGBT itu. Namun, makna dengan penuh kasih sayang, dengan harapan untuk menyelamatkan mereka itu, kita mengajak mereka supaya kembali ke pangkal jalan. Sebagai kerajaan yang mempunyai kuasa, mesti melaksanakan kuasa untuk menghalang mereka itu daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang merosakkan mereka dunia dan juga akhirat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Mana agama lain menentang LGBT?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Soalan ditanya, soalan dijawab. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai.

3.38 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk Padang Serai diberi peluang untuk berbahas. Terima kasih Menteri. Tahun 2018 merupakan tahun bersejarah buat Malaysia dengan terbenamnya pemerintahan politik selama 61 tahun yang tidak pernah putus sejak kemerdekaan.

Perubahan kerajaan ini adalah menggerakkan kepada demokrasi yang lebih terbuka dan bebas dengan manifesto janji pilihan raya berdasarkan hak asasi manusia. Mengubah hala tuju sejarah yang telah dibentuk selama 61 tahun yang lalu bukanlah sesuatu yang mudah dan usaha SUHAKAM dalam melaksanakan pelbagai komitmen yang dibuat oleh kerajaan baharu patut dihargai.

Perbahasan Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada kali pertama sejak penubuhan 19 tahun lalu merupakan antara usaha kerajaan ini untuk menjadikan negara yang lebih terbuka dan bebas. Dewan Rakyat ini bertanggungjawab untuk mengiktiraf aspirasi serta komitmen kerajaan dalam melindungi dan menghormati hak asasi manusia. Peranan SUHAKAM dalam melaksanakan mandat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dilanjutkan lagi pelaksanaannya di peringkat serantau dan antarabangsa melalui keterlibatan dengan *National Human Rights Institutions* (NHRIs), dengan izin, negara lain, rangkaian serantau dan antarabangsa, seiring dengan *maxim* PBB.

Sementara komitmen yang dibuat secara domestik memainkan peranan penting bagi menentukan hala tuju kemajuan hak asasi manusia dan peringkat antarabangsa. Perkara yang sama boleh dikatakan tentang komitmen antarabangsa yang dipengaruhi kemajuan hak asasi manusia dan prinsip-prinsipnya yang peringkat kebangsaan.

■1540

Memandangkan banyak isu yang dibangkitkan melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan, maka kerajaan ini patut berpandangan bahawa jawapan dan makluman balas penting bagi menjelaskan isu-isu yang berkaitan.

Cabaran utama kerajaan ini dalam memperkukuhkan hak asasi manusia di Malaysia adalah untuk mengubah perkhidmatan awam sebuah fungsi kerajaan yang sangat penting menjadi lebih beretika dan neutral. Kerajaan ini patut memberi SUHAKAM sokongan yang diperlukan dari segi kewangan bagi melaksanakan fungsi. Peruntukan yang disediakan kepada semua agensi kerajaan termasuk SUHAKAM patut mengambil kira kedudukan kewangan dan fiskal kerajaan di samping matlamat untuk mengurangkan kadar defisit pada setiap tahun.

Hakikatnya banyak cabaran termasuk pencabulan hak asasi manusia, kumpulan rentang, imigresen, golongan B40 serta orang dalam tahanan. Tambahan pula, masih terdapat golongan tertentu dalam kalangan rakyat Malaysia terutama daripada komuniti agama dan kumpulan politik yang melihat norma-norma hak asasi manusia dan kebebasan untuk memilih sebagai satu ancaman kepada kepercayaan dan kefahaman politik mereka. Menyelesaikan yang harus diutamakan semestinya adalah memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan berkenaan hak asasi manusia bagi memastikan hak asasi semua manusia dilindungi, dihormati dan dipenuhi tanpa mengira bangsa, kepercayaan dan gaya hidup.

Kerajaan ini perlu akur bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan dalam meminda undang-undang, infrastruktur serta sikap rakyat Malaysia untuk memperkukuhkan hak asasi manusia. Kita sebagai kerajaan harus kekal bertekad memainkan peranan untuk mempromosikan dan menangani isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Ianya tidak boleh dinafikan bahawa banyak kemajuan yang telah dicapai oleh SUHAKAM dalam menambah baik situasi dan keadaan hak asasi manusia.

SUHAKAM secara konsisten memperjuangkan hak orang asal, kanak-kanak, wanita, kewarganegaraan, pelarian, permohonan suaka, hak mangsa pemerdagangan manusia, hak kerja secara menyeluruh dan hak Orang Kurang Upaya. Kerajaan bersama dengan SUHAKAM patut meneruskan serta meningkatkan usaha kerjasama dengan kementerian, organisasi, masyarakat sivil dan aktivis bagi mencapai matlamat, mencapai visi hak asasi manusia untuk dihormati, dilindungi dan dinikmati sepenuhnya oleh semua masyarakat Malaysia dalam masa terdekat.

Saya dapati kerajaan juga ada menambah peruntukan bagi menjawab cadangan yang diberi oleh SUHAKAM seperti peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menambah 50 taman asuhan kana-kanak di bangunan kerajaan. Selain itu, kerajaan juga bersedia memberi penambahan aktiviti khususnya bagi meningkatkan kualiti pusat tahanan di seluruh negara seperti merancang aktiviti gotong-royong, menukar bebas makanan penjara dan memastikan makanan di penjara memenuhi skala diet yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perbincangan ini jelas terbukti bahawa kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat bagi memastikan hak asasi rakyat di negara ini adalah terjamin dan terpelihara. Laporan membantu memberi semak dan imbang segala tindakan kerajaan. Selain daripada kemajuan ekonomi, kita juga mahu negara ini maju dalam menjaga kebajikan seluruh masyarakat lalu menunjukkan sifat kemanusiaan yang ada pada kita semua.

Melangkah ke hadapan, selain inisiatif bersama yang sedia ada, SUHAKAM patut meneruskan inisiatif, kerjasama dengan agensi pihak berkuasa JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri lain untuk mengadakan dan meneruskan dialog berskala kecil di peringkat negeri dalam tema khusus hak asasi manusia. Saya ingin menamatkan dengan serangkap pantun, Tuan Yang di-Pertua.

*Kalau naik ke negeri utara;
Datanglah singgah Padang Serai;
Hak semua kita menjaga;
Supaya bangsa tidak bercerai... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu cantik.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti, silakan. Disusuli dengan Yang Berhormat Kangar... *[Disampuk]* Arau tidak ada dalam senarai. Hendak masuk?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Lepas Kangar, Arau. Dua-dua orang Perlis. Hebat.

3.46 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada Sibuti untuk membahaskan berkenaan dengan Laporan SUHAKAM. Selain itu juga, saya ingin memberi sedikit pujian atas reformasi Parlimen, maka laporan ini dapat dibentangkan dan dapat dibahaskan. Syabas dan tahniah

Begitu juga saya terus pergi kepada Laporan SUHAKAM berkaitan dengan kanak-kanak dan kewarganegaraan. Isu ini telah berulang kali disebut dan juga saya ingin terus pergi kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Rasah berkenaan tentang penggunaan DNA dalam menentukan kewarganegaraan.

Saya ingin menyentuh beberapa isu dan kes yang berlaku di kawasan Parlimen Sibuti. Saya didatangi oleh keluarga-keluarga dan juga sahabat-sahabat yang tidak mempunyai status kewarganegaraan. Akan tetapi mereka mempunyai adik dan juga saudara-mara yang merupakan warganegara Malaysia. Akan tetapi apabila mereka pergi ke JPN, mereka telah diarahkan untuk membuktikan dengan cara memberi bukti DNA. Setelah mendapat keputusan DNA-DNA tersebut, JPN telah memberi keputusan bahawa tahap kewarganegaraan tidak dapat diberikan walaupun dengan bukti DNA.

Saya ingin menyeru kepada SUHAKAM agar dapat turun dan juga berbincang bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Pendaftaran Negara untuk melihat kembali dan juga mendapatkan pandangan-pandangan daripada kementerian-kementerian yang lain

untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Begitu juga kita menggunakan pakai pembuktian melalui DNA untuk membuktikan kewarganegaraan di Malaysia.

Selain daripada itu saya ingin menyebut berkenaan tentang *stateless kids* ataupun *stateless child* yang semakin banyak berlaku di Sarawak. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Kinabalu dan sehingga kini menjadi stigma di kalangan masyarakat. Mana-mana budak-budak ataupun warganegara asing ataupun rakan-rakan kita daripada Sabah yang datang ke Sarawak, kanak-kanak ini telah mula membanjiri kawasan-kawasan di bandar-bandar besar di Sarawak termasuklah di kawasan Bandar raya Miri sehingga ada pihak imigresen membuat tangkapan ratusan warga-warga Sulu yang dapat berjaya tembus masuk ke negeri Sarawak.

Begitu juga ada ibu bapa mereka ini ditangkap dan dihantar balik dan anak-anak ini telah terbiar di jalanan. Begitu juga saya ingin agar pihak kementerian dapat melihat masalah yang berlaku ini.

Selain daripada itu, di dalam laporan ini juga menyebut berkenaan tentang perkahwinan kanak-kanak. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa, Sarawak tidak bersetuju berkenaan tentang perkahwinan kanak-kanak bawah umur. Walaupun demikian, di sini saya ingin menegaskan, wakil dan juga Menteri Kebajikan Sarawak iaitu Dato' Sri Fatimah telah menyatakan untuk memberi sedikit ruang dan masa untuk Sarawak menyelesaikan masalah perkahwinan kanak-kanak di bawah umur memandangkan Sarawak menggunakan tiga bentuk perundangan berkaitan dengan perkahwinan ini di mana kita menggunakan Perundangan Sivil, Ordinan Agama Islam dan juga kita mempunyai satu Perundangan Adat.

Di sini saya sangat bersyukur apabila Pengerusi ataupun Pesuruhjaya SUHAKAM yang baru iaitu Dr Medeline Berma telah dilantik. Saya juga berharap beliau dapat melihat dalam konteks untuk kita berbincang dengan seluruh ketua-ketua masyarakat dan juga majlis-majlis adat yang ada di Sarawak untuk melihat semula perundangan dan juga adat perkahwinan di bawah umur ini.

■1550

Kita sendiri berharap, dan juga saya secara peribadi berharap agar wanita-wanita ataupun kanak-kanak kecil perempuan ini dapat menamatkan, atau sekurang-kurangnya menghabiskan pelajaran sehingga Tingkatan 5 dan juga, tidak membiarkan wanita-wanita ini dikahwinkan dalam usia yang muda. Walaupun demikian, dengan kenyataan daripada pihak kerajaan, seolah-olah Sarawak membenarkan perkahwinan kanak-kanak ini, adalah tidak adil.

Saya berharap kita menjalinkan satu kerjasama agar pada masa hadapan, negeri Sarawak dapat mengurangkan perkahwinan kanak-kanak ini dan juga kita terus perlu melihat dari segi konteks kelahiran luar nikah yang ramai dalam kalangan anak-anak muda di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, dalam konteks kanak-kanak, kanak-kanak adalah merupakan generasi yang perlu diberikan pendidikan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta mencelah sedikit. Ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ya. Saya sokong, saya sokong sebenarnya pendirian, *your personal stand* berkenaan kepentingan untuk menaikkan had umur berkahwin. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat tahu bahawa sebenarnya satu surat telah dihantar kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan surat ini telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah sendiri yang jelas menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak tidak bersetuju untuk menaikkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun.

Jadi- akan tetapi, saya tahu, walaupun tidak bersetuju, saya tahu isunya memang *complicated*. Akan tetapi, kita haruslah *set the record straight*. Negeri telah *reject proposal* ini daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey, ini adalah pandangan saya. Walaupun kerajaan negeri telah membuat satu *reply letter* mengatakan bahawa tidak bersetuju tetapi kami pun turut berbincang dan juga melihat masalah ini dalam konteks yang lebih luas. Kita mempunyai masa dan juga jangka masa yang mencukupi untuk duduk berbincang dan menerangkan kepada masyarakat peribumi khususnya yang terikat dengan adat-adat ini untuk dapat bersetuju. Juga, kita meletakkan satu garis masa yang khusus untuk kita menetapkan dan menyokong sepenuhnya, ataupun mengharamkan perkahwinan bawah umur ini.

Saya terbuka dan juga saya akan memberitahu kepada kepimpinan negeri untuk melihat semula keputusan ini dan juga jangan terus menghukum. Ini adalah satu perkara yang ingin saya tekankan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pergi kepada...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya minta pendapat sedikit?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan. Saya sering bercakap...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sedikit? Yang Berhormat Sibuti, sedikit saja.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Berkenaan tentang masalah sekolah daif. Sedikit, saya ingin menghabiskan masa saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak izin...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Berkenaan tentang sekolah daif. Kerajaan saya tahu daripada kerajaan yang lepas sehingga sekarang berusaha. Walaupun yang demikian, apa yang saya lihat, kerajaan asyik tertumpu kepada pencapaian yang terikat dengan angka. Sejumlah 1,000 sekolah daif perlu diselesaikan walaupun pada masa sekarang, di kawasan negeri Sarawak khususnya dan juga Sabah, berlaku pembangunan.

Sebelum ini, kita pergi ke sekolah menggunakan jalan sungai. Sekarang ini, pembangunan yang telah diberikan oleh kerajaan, kita telah mempunyai jaringan *connectivity*. Sedangkan ada di satu kawasan di kawasan Parlimen Sibuti, dalam radius dua kilometer, kita mempunyai empat buah sekolah.

Mengapakah sekolah ini tidak digabungkan dan dibiarkan untuk daif dan juga penyelesaian hanya membina semula? Sekiranya kita dapat menggabungkan sekolah-sekolah

di dalam negeri Sarawak ini, kita dapat membina sekolah yang lebih baik dan ruang bilik darjah yang kondusif untuk anak-anak kita bersekolah. Bayangkan di sekolah daif yang telah dibina melalui sistem IBS, pelajar dalam darjah satu masih dalam bilangan dua ataupun tiga orang.

Kita mempunyai sekolah yang baik tetapi pembelajaran yang kondusif sehinggakan ini menimbulkan masalah stres dan *mental issue* dalam kalangan guru-guru. Guru-guru UPSR, terpaksa berhempas-pulas sekiranya mereka mempunyai dua calon UPSR sahaja. Juga, saya ingin menyokong pandangan daripada Pesuruhjaya SUHAKAM di Sarawak untuk melihat lebih *details*, dengan izin berkenaan tentang isu-isu peribumi dan tentang isu tanah adat.

Walaupun banyak pandangan di dalam pelbagai pihak, saya berharap agar SUHAKAM dapat memainkan peranan yang neutral dan juga melihat *the success story*, dengan izin, tentang pemberian tanah melalui *perimeter survey, section 6* ataupun kejayaan yang seterusnya iaitu *section 18*. Juga, isu-isu seperti Pemakai Menoa, Pulau Galau, dengan izin, perlulah dilihat.

Juga, SUHAKAM perlu duduk dan melihat dalam konteks yang lebih besar. Pembangunan rumah-rumah panjang yang moden perlu dilihat. Hak-hak rumah-rumah panjang untuk mendapatkan *loan* ataupun pinjaman daripada bank perlu dilihat oleh pihak-pihak kerajaan. Ini adalah sesuatu perkara yang penting. Hak-hak rumah-rumah panjang untuk mendapatkan pilihan bomba supaya kebakaran dapat dielakkan ataupun dapat diselamatkan.

Ini adalah isu-isu yang kita perlu lihat. Saya sedar bahawa isu *human rights* di Sarawak adalah kurang berlaku. Mengapa? Ini kerana kita tidak mempunyai satu sistem penyampaian yang baik. Sekolah-sekolah di Sarawak tidak didedahkan dengan isu-isu *human rights*. Juga, saya yakin pihak SUHAKAM juga mempunyai data-data yang khusus bahawa aduan-aduan *complaints* berkaitan tentang *human rights* di Sarawak ini tidaklah banyak, mungkin dapat dikira dengan jari. Maka, saya memberi peluang dan ruang untuk kita bekerjasama untuk mencorakkan satu Malaysia yang lebih baik, *human rights* yang lebih baik terutamanya tentang kanak-kanak.

Akhir sekali, ingin saya sampaikan adalah supaya pihak SUHAKAM untuk melihat tentang kebajikan dan juga hak asasi kepada banduan-banduan muda yang telah masuk ke penjara. Setelah mereka tidak tahu apa yang mereka dapat lakukan. Adakah mereka dapat diberikan peluang untuk memasuki sistem kerajaan? Ini saya lihat pihak SUHAKAM perlu melihat perkara ini dan juga saya sedia membantu dan juga bekerjasama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada Sibuti untuk berbahas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Juga, saya ingin mengucapkan *Merry Christmas* to penganut Kristian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya, Yang Berhormat Kangar.

3.57 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah...*
[Berucap dalam bahasa Arab]

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagaimana Ahli-ahli parlimen yang lain, ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan buat julung kalinya masuk tahun ke-19 ini kita dapat bukan sahaja mengemukakan Laporan Tahunan SUHAKAM, tetapi juga membolehkan Dewan Rakyat ikut sama berbahas laporan ini berserta dengan juga jawapan daripada kerajaan. Mungkin angka 19 ini menarik kerana baru-baru ini ada cerita angka 19 ini ada auranya sendiri. Jadi, saya ucapkan tahniah itu kepada kerajaan.

Kedua, saya mengucapkan rasa syukur kerana kita sebagai sebuah negara merdeka telah memilih untuk menjadikan negara kita menggunakan sistem demokrasi berparlimen dan juga Raja Berperlembagaan yang mana kalau kita merujuk kepada dokumen asas iaitu Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga kemudian diulang semula Pemasyhuran Malaysia 1963. Ditekankan dengan jelas, yang mana di dalam teks ini disebut;

“Dan bahawasanya kerana Perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu, maka ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja serta hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan untuk memajukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai raja yang berperlembagaan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen”.

Ini yang teks ini dan di hujungnya disebut: *“Dengan limpah rahmat Allah SWT, akan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa”.*

Justeru dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, kita boleh membaca ada para-para khusus yang menekankan tentang kebebasan asasi khususnya dalam Perkara 5 hingga ke Perkara 13.

Sudah tentulah, kebebasan asasi ini mempunyai sejarah yang panjang. Kalau kita mengambil daripada negara-negara yang lebih awal, yang memeluk ataupun yang mendakap sistem demokrasi, kita ada sejarah tentang *Bill of Rights*. Bagaimana diberikan penekanan oleh *philosophers* dalam bidang perundangan dan juga falsafah pada zaman dahulu bahawa hak ini tidaklah wujud kerana adanya undang-undang tetapi sebaliknya undang-undang sebenarnya diwujudkan bagi mempertahankan hak asasi yang wujud bersama kelahiran manusia.

Saya ingin memetik sebagaimana kata-kata seorang Ahli Parlimen di Perancis pada abad ke-17 yang juga menjadi salah seorang penulis yang saya gemari, iaitu, Frédéric Bastiat mengatakan: *“Life, liberty, and property do not exist because man have made laws. On the contrary, it was the fact that life, liberty, and property existed beforehand that caused man to make laws in the first place.”*

Jadi, inilah yang perlu kita tekankan kerana asas yang mana yang disebutkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu dan juga asas Pemasyhuran Malaysia 1963 disebut dengan jelas prinsip kebebasan dan keadilan.

■1600

Untuk mencapai keadilan ini, sebagaimana dalam proses perundangan biasa, kita tahu sekiranya ada dua pihak yang cuba membawa kes di mahkamah, masing-masing sama ada mahu menuntut hak mereka ataupun mahu membuktikan bahawa mereka mempunyai hak yang lebih besar daripada satu pihak yang lain. Sudah tentulah perlu juga kita ingatkan bahawa hak dan pentadbiran hak adalah dua perkara yang berbeza dan samalah juga dengan agama dan juga pentadbiran agama adalah berbeza.

Jadi, dengan tidak adanya kekeliruan ini barulah kita dapat membincangkan persoalan *human rights* ataupun hak asasi ini dengan lebih teratur dan juga mendalam. Kita tidak seharusnya menganggap kesempurnaan sebagai satu musuh kebaikan. Sebagaimana dalam sejarah panjang, walaupun tadi saya sebutkan banyak negara yang telah memeluk ataupun mendakap demokrasi jauh lebih lama, isu-isu hak asasi manusia ini tetap berterusan di negara mereka.

Oleh sebab itulah perlunya isu hak asasi ini diberi pemantauan dan pemerhatian dan kita percaya SUHAKAM sendiri wujud pada tahun 1999, akta diwujudkan dan mesyuarat pertama diadakan pada tahun 2000. Itu adalah berdasarkan daripada pemerhatian dan juga pemantauan rakyat secara umumnya yang mahu situasi hak kebebasan asasi di Malaysia ini menjadi lebih baik lagi.

Pada hari ini sudah tentulah cabarannya lebih besar kerana hari ini kita tahu dengan perkembangan teknologi adanya dunia *internet* dan saya gembira bilamana dalam jawapan kerajaan kepada laporan SUHAKAM ini dimasukkan satu bahagian yang tidak terkandung secara khusus dalam laporan ini iaitu berkaitan dengan *cyberbullying* yang tidak terkandung secara khusus dalam laporan SUHAKAM.

Namun, malang sekali isu-isu hak asasi manusia ini tidak dapat kita bincangkan secara adil dan saksama. Malah, sering kali mereka yang menggunakan isu hak asasi mereka ataupun mempertahankan hak asasi sesuatu pihak dikecam dengan pelbagai tuduhan oleh sesetengah yang anti kepada hak asasi ini. Walhal, hak asasi manusia ini bukanlah tentang mana-mana kelompok, bukan tentang mana-mana individu tetapi tentang semua pihak. Di mana setiap orang mempunyai hak asasi yang sama.

Sejak indeks demokrasi dunia mula dinilai oleh *The Economist*, saya ingin menyebut bahawa Malaysia sentiasa dikategorikan di bawah kategori negara yang disebut sebagai demokrasi yang tempang, *fraud democracy*. Namun dalam laporan terakhir pada Januari 2019 yang menilai prestasi demokrasi Malaysia, kita ada peningkatan tetapi kita masih lagi tergolong dalam kumpulan ini. Di mana dalam salah satu indeks yang diukur ialah menyentuh tentang *civil liberties, political culture, participation* dan juga *functioning government* dan *electoral process* dan *pluralism*.

Selain daripada ini, kita juga ada yang menyentuh tentang demokrasi ini ialah juga tentang daripada laporan *Transparency International* yang menyebut bahawa rasuah juga adalah satu ancaman kepada demokrasi. Tadi, saya telah sebutkan bagaimana kita memerlukan satu

sistem demokrasi untuk melindungi hak asasi manusia. Jadi, saya berharap kerajaan selepas ini dapat memberi perhatian perlindungan yang lebih baik kepada *whistleblower* dalam konteks perlindungan untuk mencegah rasuah dan juga saya berharap kerajaan dapat meningkatkan lagi peluang untuk demokrasi diamalkan dengan lebih teratur dengan memperkenalkan pemisahan kuasa yang lebih jelas melalui pengenalan Akta Perkhidmatan Parlimen dan juga kita dapat mengatur supaya satu hari nanti badan legislatif yang mana walaupun hari ini peranan kita ada yang jadi pembangkang, ada yang jadi kerajaan, kita kena ingat bahawa keseluruhan cabang legislatif ini ialah sebenarnya ialah sebagai cabang daripada kerajaan.

Jadi, sewajarnya rakan-rakan kita di pihak yang hari ini kita sebut sebagai pembangkang juga mendapat layanan yang sama. Sama ada dari sudut keistimewaan sebagai Ahli Parlimen ataupun juga sebagai dalam konteks yang dikata mendapat peruntukan pembangunan. Namun, malang sekali sering kali isu asasi manusia ini yang tadi saya sebut tidak dapat dilayan secara saksama.

Jadi, saya berharap dapatan yang sering dikemukakan oleh SUHAKAM dari tahun ke tahun ini kita dapat memberi lebih perhatian yang lebih serius. Terutama kalau kita tengok daripada tahun lalu, kita telah mengemukakan beberapa usul yang memerlukan sokongan daripada Ahli Parlimen khususnya dalam perjanjian antarabangsa yang juga disebutkan dalam laporan ini. Kita ada enam perjanjian antarabangsa ataupun tujuh sebenarnya yang dicadangkan oleh SUHAKAM untuk kita nilai dan kita berharap ia dapat diberikan perhatian yang saksama. Kita juga dapat menilai semula pandangan SUHAKAM tentang akta-akta ataupun undang-undang yang diragukan dalam soal pertentangannya dengan hak asasi manusia seperti SOSMA dan juga POKA.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Lebih malang lagi ialah apabila hak asasi ini diganggu gugat, bahkan dinafikan pula oleh mereka yang cuba bercakap tentang kebebasan. Oleh sebab itu, sesekali kita dengar satu pihak marah apabila hak asasi mereka dinafikan tetapi apabila mereka berkuasa, mereka pula mahu menafikan hak asasi pihak lain. Begitu juga ada juga mereka yang terkenal menindas pihak lain ketika berkuasa tetapi sering kali meracau tentang hak asasi mereka apabila kehilangan kuasa.

Justeru itu, saya ingin mengajak semua Ahli Dewan terlebih dahulu insaf tentang situasi hak asasi manusia bahawa ia tidak seharusnya dilihat dalam kepentingan sempit kelompok sama ada parti ataupun kelompok-kelompok yang kita dekati. Yakinlah, kerana untuk kita menjadi sebuah bangsa yang hebat, isu hak asasi manusia ini mestilah dilihat orang kata dengan *color blind* ataupun tidak orang kata berasaskan sentimen...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa maksud meracau? Siapa yang meracau? Ini bahasa ini, bahasa Perlis kah atau bahasa Malaysia standard?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ada dalam kamus. Meracau ini *basically* dia buat bisinglah. Dia buat bising...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Adakah ia merujuk kepada Yang Berhormat Arau?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kalau Yang Berhormat Arau terasa, saya tidak boleh kata apalah. Jadi, kuasa menasihati...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(6), Tuan Yang di-Pertua sangkaan jahat. Bersangka jahat kepada saya. Boleh tarik balik atau tidak itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pertanyaan sahaja. Pertanyaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kuasa menasihati yang ada pada SUHAKAM ini seharusnya diberi perhatian, bukanlah orang kata hanya cantik di atas kertas. Jadi, saya berharap selepas ini mana-mana kementerian sebelum kita mengemukakan rang undang-undang, kalau boleh kita dapatkan masa yang cukup untuk juga turut merundingi SUHAKAM untuk bagi memastikan rang undang-undang yang kita kemukakan selari dengan hak asasi manusia. Saya ingin memetik kata-kata Edmund Berg dalam hak ini apabila beliau menyebut tentang, "*Bad laws are the worst form of tyranny*" ataupun, undang-undang yang buruk adalah bentuk kezaliman yang terburuk. Jadi, saya berharap...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kangar, sedikit?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Fasal meracau tadi. Saya baru rujuk pada *dictionary*. Meracau ini maksudnya lebih kurang *bipolar mental*. Jadi, tidak akan orang yang hilang kuasa semua *bipolar mental*. Minta penjelasan... [Dewan ketawa]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Siapa yang makan cili, dia terasa pedas*. Oleh sebab dalam konteks ayat saya tadi, meracau ini dia buat bisinglah. Saya sudah jelaskan tadi dan saya berharap juga- saya baca dalam laporan ini, SUHAKAM memang ada buat banyak program pendidikan, saya puji. Jikalau tengok program SUHAKAM dengan peruntukan yang ada ini bagi saya *outstanding*. Sangat hebat.

Jadi, saya berharap kerajaan dapat memperuntukkan lebih banyak peruntukan. Kalau boleh ada penyelarasan, kita tidak mahu pendidikan ini hanyalah bersifat tempelan. Kalau boleh ia dimasukkan dalam *syllabus* khusus. Kalau zaman saya sekolah dahulu ada subjek Alam dan Manusia, kalau di peringkat universiti ada subjek kewarganegaraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Penekanan-penekanan ini mestilah diberikan. Ini kerana dalam pengalaman saya dalam kesempatan dahulu tinggal di Amerika Syarikat, sebentar. Saya tengok *syllabus* tentang perlembagaan negara mereka memang diajar daripada sekolah rendah dan jenis kandungan pengajarannya bagi saya berkualiti sangat tinggi yang mana kalau kita tanya dengan pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia pun belum tentu setaraf dengan itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Apakah Yang Berhormat Yang Berhormat sedar...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jadi, itu sahaja perbincangan saya pada petang ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar, di Amerika lah orang yang paling banyak bunuh orang. Stude**n** bunuh cikgu dan sebagainya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya mengakhiri perbincangan dengan menyokong laporan SUHAKAM ini dan juga berharap kerajaan dapat mengambil dan memberi maklum balas yang orang kata dan kemajuan yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau untuk menutup perbincangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: 10 minit.

4.08 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bahas ya, bukan meracau, bahas. Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Berhati-hati sebab Peraturan Mesyuarat 36(6) akan di-*apply* walaupun pada Tuan Yang di-Pertua. Saya- Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya menyokong Laporan SUHAKAM ini di bincang dengan secara terbuka. *Alhamdulillah*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak mencelah sedikit, boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita tidak payah sebut kerajaan dahulu tidak buat, kalau kerajaan dahulu tidak buat, kamu buatlah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak tahu fasal apa tidak buat dahulu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu sebab kenapa kamu kalah pada semua pilihan raya kecil kerana orang sudah benci sebab bercakap *dok blame* kerajaan lama. Tunggu Kimanis, kami akan hancurkan dengan hebatnya kamu semua.

Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Tiada kaitan dengan SUHAKAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kimanis tiada kaitan dengan Laporan SUHAKAM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Supaya *Board Member* SUHAKAM sekarang ini 12, saya cadangkan 24, kita tambah. Oleh sebab apa, masalah yang dihadapi oleh masalah besar SUHAKAM ini pelbagai perkara di rujuk kepada mereka. Jadi, tidak mungkin anggota mereka itu mampu untuk menangani terlampau banyak perkara.

Saya bagi contoh, ini cerita orang Kangar. Ada seorang orang yang bergari ditembak mati, orang itu orang OKU.

■1610

Jadi saya kata kenapalah ditembak OKU. OKU itu pegang pisau potong sayur, pisau kecil sahaja bukan. Hendak tikam kucing pun tidak mati. Jadi SUHAKAM telah campur tangan, buat perbincangan, selepas itu kes itu tidak dengar cerita apa yang berlaku. Makna kata SUHAKAM tidak mempunyai keanggotaan yang cukup untuk menangani pelbagai isu yang dirujuk kepada mereka berhubung hak asasi manusia. Saya cadangkan Menteri Kewangan, kita tambah peruntukan kepada RM50 juta kepada SUHAKAM. Saya hendak beritahu bahawa kalau kami memerintah nanti, kita akan beri peruntukan dua kali ganda kepada SUHAKAM. Ada soalan tambahan? Tidak ada.

Jadi menunjukkan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta sedikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahawa semua setuju.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta sedikit Yang Berhormat Arau fasal yang tadi OKU kena tembak itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ada kaitan. Terima kasih Yang Berhormat Arau kerana bangkitkan isu tersebut. Saya melihat juga dalam laporan maklum balas kerajaan ini seolah-olah ada rasa apologetik mungkin kerana sesetengah dalam laporan SUHAKAM ini dia melibatkan orang yang berkuasa misalnya polis. Kita tengok misalnya dalam laporan kehilangan paksa Pastor Raymond dan juga saudara Amri Che Mat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, *hat* yang itu saya akan masuk sekejap lagi ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan bimbang sebab saya pun...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cuma saya hendak sebut sahajalah, kalau boleh macam mana kita hendak mengurangkan rasa apologetik ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya pun juga dikait-kaitkan. Jadi walau bagaimanapun saya memang tidak terlibat dengan benda-benda yang tidak munasabah ini. Jadi dalam laporan ini tidak termasuk. Jadi *alhamdulillah* ya tetapi masa perbincangan, nama saya disebut.

Okey, saya minta supaya SUHAKAM...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tambah keahliannya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat, boleh saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti sekejap. Bagi saya habiskan ayat itu, boleh sambung. Tidak ada masalah. Saya akan beri peluang kepada orang-orang baharu ya.

Dia tidak cukup dan kita minta tambahan peruntukan kepada SUHAKAM sebab menangani banyak isu. Pertamanya, saya ingin juga menegur SUHAKAM. Bukan semua SUHAKAM betul dan teguran SUHAKAM ini hendaklah diambil kira supaya Ahli Parlimen boleh

membawa isu SUHAKAM di sini. Bukannya saya suruh dua orang kah Ahli Parlimen dilantik di sana, tidak. Akan tetapi dalam segi undang-undang, cara kita hendak buat undang-undang, dia melibatkan Ahli Parlimen. Jadi Ahli Parlimen mesti ada jawatankuasa khas tentang SUHAKAM ini untuk dibincangkan secara terbuka.

Akan tetapi beberapa laporan SUHAKAM yang saya rasa tidak sesuai untuk dibuat laporan begini ya yang kita seolah-olah menuduh pihak polis. Cuba tengok muka surat 20, "*Walau bagaimanapun, apabila keputusan dapatan itu diumumkan, PDRM boleh membuat kesimpulan bahawa...*", perkataan "*boleh membuat kesimpulan*" ini dia makna kata ialah sanggup berkata. "*Boleh membuat kesimpulan bahawa pendengaran siasatan awam tersebut merupakan satu sesi yang bias dan unfair manakala pembentangan dapatan adalah tidak berlandaskan Akta SUHAKAM*". Perkataan- sanggup PDRM cakap macam itu.

Ini laporan ini laporan rasmi. Tidak boleh- tulis ini biar betul sebab kalau tidak kita meletakkan kesalahan kepada polis sedemikian rupa. Tidak adil. Sanggupkah polis membuat- ini saya tidak faham bahasanya. Saya minta Menteri tolong jawab, muka surat 20. Apa maksud "*PDRM boleh membuat kesimpulan*"? Maksudnya sanggup membuat kesimpulan. Jadi perkataan "*boleh*" itu apa yang dimaksudkan perkataan "*boleh*" dalam laporan ini?

Jadi Menteri dalam buku maklum balas ini, muka surat 20, dia sebut itu iaitu di bawah maklum balas kerajaan berhubung dengan kes siasatan kepada Raymond Koh dan juga Amri Che Mat. Saya tentang kehilangan ini saya minta disiasat dengan terperinci sebelum SUHAKAM membuat tuduhan kepada polis dan sebagainya. Laporan terperinci kena dibuat daripada pelbagai aspek lain yang melibatkan kerjaya seseorang – sekarang dia buat kerja apa. Seseengah orang dia jadi *remisier*, seseengah berniaga Forex kah dan sebagainya. Jadi kita tengok semua aspek untuk membolehkan kita siasat dulu kemudian baru bawa kes ini untuk dibincangkan oleh SUHAKAM.

Kemudian yang keduanya, saya minta- ini saya pula minta kepada SUHAKAM. Banyak perkara yang berhubung dengan hak asasi ini yang SUHAKAM kena perhatikan betul-betul dan dia kena keluarkan kenyataan serta-merta. Contohnya macam liberalisme. Liberalisme ini dia mesti tidak lari daripada Perlembagaan. Perlembagaan Malaysia ini dengan terang menyebut bahawa agama Islam adalah agama persekutuan, tentang hak istimewa (153) dan sebagainya. Kena terima hakikat itu. Jangan bila kita membincangkan sesuatu sehingga tersentuh perkara-perkara yang melibatkan Perlembagaan di negara ini.

Contohnya macam cerita pameran tatu. SUHAKAM kena bawa keluar kenyataan cepat. Ini tidak wajar dibuat di negara ini sebab negara ini dia ada peraturan-peraturannya. Ini bukan kebebasan manusia. Kalau bebas manusia, *sat* lagi orang mari telanjang di tepi jalan, kata "*Kenapa telanjang?*". "*Ini kebebasan manusia*". Kacau besar. Tatu macam itu. *Time* itu cuma dilindungi dengan tatu tetapi sebenarnya telanjang. Telanjang dengan hebatnya tetapi tidak tahulah sebab saya pun tengok gambar jauh-jauh. Saya tidak suka perhatikan gambar dua kali ya.

Jadi, soal liberalisme, soal lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan- semua ini SUHAKAM kena cepat respons. Dia kena cepat respons. Ini tidak masuk dalam isu-isu hak kebebasan manusia tetapi kita menghormati negara-negara yang berkenaan.

Kemudian, saya juga hendak sebut di sini tentang perkara-perkara yang sekarang ini menimbulkan masalah ialah di samping yang disebut tentang anak-anak yang tidak mendapat taraf warganegara. Akan tetapi masalah yang besar sekarang ini ialah pelancong-pelancong dari China dan juga India, 90 peratus tidak keluar. Ke mana mereka pergi? Saya minta SUHAKAM tolong *check*- tolong buat siasatan terbuka siapa yang bertanggungjawab sama ada imigresen kah atau sebagainya. Pelancong datang tidak berhenti, yang datang juga tidak keluar. Di mana mereka pergi?

Apa yang kita tahu bahawa banyak premis perniagaan di negara ini dikuasai oleh orang-orang asing yang dulu macam kes estet tadi bukan. Mereka tiga dekad *duk* bekerja di estet tetapi mereka tidak dapat apa di akhirnya. Akan tetapi orang-orang dari Bangladesh datang...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dua tahun, tiga tahun sudah mempunyai premis perniagaan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Arau, minta sedikit. Pendang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya agak terkesima akhir-akhir ini, kita tengok perarakan LGBT, selepas itu tatu. SUHAKAM kita sudah ada lama. Akan tetapi kenapa masih berlaku benda-benda yang tidak pernah berlaku dulu, bab kemanusiaan ini telah berlaku akhir-akhir ini? Kita tengok perarakan LGBT dibolehkan walaupun kerajaan kata tidak tahu. Selepas itu tatu, kerajaan juga kata tidak tahu, tidak dapat kelulusan tetapi dilakukan juga. Apakah kita tidak ada *sovereign* ataupun kedaulatan dalam negara ini, boleh buat sesuka hati? Minta pandangan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini macam-macam berlaku. Apa yang kita lihat, apakah ini adalah hak asasi manusia ataupun apa ya? Apa yang paling penting sekarang ini, negara ini telah pun kita isytihar iaitu bahawa negara ini adalah negara 'darul maaf'. Buat apa pun, minta maaf. Tukar bendera pusing pun, minta maaf.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Saf* lagi bawa abu Chin Peng, minta maaf. Kemudian, semua minta maaf tetapi kita maafkan kecuali satu kes yang dia minta maaf, tarik balik, kita bawa dia kes ini, *hat* yang itu tidak boleh. Jadi sebenarnya ialah kes-kes terpilih untuk kebebasan bersuara hak asasi. Itu juga terpilih yang telah diputuskan oleh pihak Speaker. Jadi kita akan bincangkan ini dengan hebatnya sekejap lagi.

Akan tetapi yang paling penting, kes-kes yang bernama, yang berbentuk hak asasi manusia kononnya itu...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Arau, sedikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang melanggar peraturan Perlembagaan, Perlembagaan negara.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, silakan

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setujukah Yang Berhormat Arau kalau kita katakan hak bertelanjang ini hak asasi binatang, bukan manusia? Depan orang ramai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu boleh dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini apa Yang Berhormat hendak tanya soalan tadi.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Arau. Adakah Yang Berhormat Arau setuju bahawa tatu ini sebenarnya sebahagian daripada tradisi dan juga *culture* Orang Asal terutamanya di Sabah dan Sarawak? Bukankah ini tradisi yang kita harus pupuk. Saya tidak cakap kita harus berbogel tetapi tradisi ini juga haruslah dipupuk di negara kita...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Hei, jangan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Untuk meraikan kepelbagaian di negara kita. Apakah pendapat Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya- Yang Berhormat, tradisi semua kita hormat. Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh saya bantu sedikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan bagi gambaran yang salah. Saya dari kaum Iban. Orang kami banyak bertatu tetapi tidak perlulah sampai bogel. Perempuan- tunggu, tunggu dulu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya tidak cakap bogel. Saya cakap mempromosikan tradisi...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya dari negeri Sarawak.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jangan pusing kata saya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sebab itulah saya perbetulkan gambaran dia. Perempuan Dayak tidak perlu bertatu sampai begitu. Yang tatu saya nampak itu yang lain ya. Corak dia lain.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Akan tetapi kita ada...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Bukan tradisi kita sebagai tatu yang sebenarnya tradisi orang Sarawak.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya tidak cakap sedemikian, jangan pusing.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kapit dengan hebatnya dan Yang Berhormat bukan orang Iban. Yang Berhormat tidak tahu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Akan tetapi saya orang Sarawak. Saya ramai kawan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hendak bela telanjang kah? *You* hendak telanjang kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya pun sebahagian daripada Sarawak juga.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya tidak cakap telanjang.

■1620

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jangan pusingkan kata saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua kena berlaku adil sebab saya tengok Tuan Yang di-Pertua macam kasar sikit ya. Berlaku adil sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...tidak, nampak. Saya nampak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan buat anggapan sangkaan jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Tuan Yang di-Pertua buat pantun kelmarin saya tidak ada di sini. Saya bukan suka tanam buluh, saya suka tanam padi, tahu?
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi Yang Berhormat selalu sebut lembu-lembu itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya kata – jadi sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Lembaga menanam buluh itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menghormati Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau tanam ketumlah, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau suka menanam padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa sebut saya tanam ketum tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada empat usul lagi. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Sekejap Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta ditarik balik kata saya suka tanam ketum.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, kalau yang tidak berkaitan...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tanam ketum bagi dekat Yang Berhormat Kangar itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, betul. Jadi sebagai kesimpulannya saya menyokong usaha-usaha SUHAKAM, sokong usaha peruntukan tambahan. Saya juga minta supaya SUHAKAM melihat orang-orang yang datang seolah-olah macam hendak jadi warganegara dan bekerja di sini, yang tidak keluar. Tidak berhenti mereka tidak keluar sehingga sekarang. Kalau ikut daripada Yang Berhormat Langkawi, sudah dekat tujuh juta orang asing. Ini akan menjadi satu masalah yang luar biasa. Saya percaya banyak juga orang suka pergaduhan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tujuh juta ini masuk bila?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...huru-hara berlaku untuk mencapai matlamat. Jadi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada berapa Speaker dalam Dewan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baiklah, masa perbahasan untuk Usul Laporan SUHAKAM telah tamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Masa diperuntukkan 25 minit, dipersilakan.

4.21 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas pertama kali bagi Laporan SUHAKAM yang telah pun dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini buat pertama kali. Semua pandangan, saranan dan juga teguran akan diambil kira demi membantu menambahbaikkan usaha kerajaan bagi memastikan keperluan dan juga kepentingan setiap golongan masyarakat khususnya dari segi hak asasi manusia terjamin dan juga terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap setiap cadangan yang dikemukakan terutamanya berkaitan dengan perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan iaitu meratifikasikan konvensyen. Pertama, kerajaan menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Batu Kawan berkenaan cadangan untuk meratifikasikan konvensyen-konvensyen yang belum dilaksanakan. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengadakan siri libat urus yang holistik sebelum apa-apa keputusan meratifikasikan dibuat oleh pihak kerajaan.

Isu kedua yang dibangkitkan ialah isu tanah adat. Kerajaan mengambil maklum isu Inkuiri Nasional SUHAKAM terutamanya yang berkaitan dengan tanah adat Orang Asal ataupun Orang Asli. Isu tanah yang sering timbul ialah apabila kawasan-kawasan yang didakwa tanah adat oleh masyarakat Orang Asli ini bertindih dengan rizab-rizab hutan simpan, rizab prihatin, tanah

individu, rizab Melayu dan sebagainya. Tiada keluasan yang jelas berkaitan tanah ini yang dikatakan tanah adat Orang Asli. Setiap sub etnik rumpun bangsa Orang Asli mempunyai adat mereka sendiri dan apa yang dikatakan tanah adat itu juga mempunyai tafsiran keluasan yang berbeza mengikut adat setiap sub etnik Orang Asli. Satu kajian telah pun dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan bagi menetapkan definisi tanah adat selepas mendapat keputusan terkini daripada pihak Jemaah Menteri.

Isu ketiga yang telah pun dibangkitkan ialah mengenai dengan peruntukan kewangan kepada SUHAKAM. Selaku Menteri yang bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua terhadap SUHAKAM, saya akan pastikan bahawa kerajaan akan menjaga kebajikan SUHAKAM secara keseluruhan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti mereka secara berkesan. Oleh demikian, perkara berkenaan elaun dan juga kemudahan pesuruhjaya akan dikaji dan diteliti sepenuhnya.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya bertanya soalan Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ucap terima kasihlah atas kenyataan Yang Berhormat Menteri yang bagi saya satu kenyataan yang begitu progresif kerana menerima pandangan-pandangan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keberkesanan SUHAKAM supaya lebih efektif dan kewangan akan membantu.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju sudah tiba masanya bahawa seksyen 19(1) Akta SUHAKAM, *Human Rights* punya akta, perkataan "*Government shall provide the Commission in adequate fund annually to enable to discharge its function.*" Jadi perkataan "*The government*" itu, adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa kita ubah seperti yang berlaku dalam Perkara 125(6) *Federal Constitution* yang mana dinyatakan dalam saraan hakim, "*Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan hakim dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.*" Bererti Yang Berhormat Menteri, perkataan "Kerajaan" dalam seksyen 19(1) Akta *Human Rights* itu diganti seperti yang terletak dalam Perkara 125(6) Perlembagaan Persekutuan iaitu saraan hakim dinyatakan secara terus tidak melalui kerajaan tetapi dibawakan melalui proses Parlimen.

Jadi, ini sebenarnya bagi saya akan memberikan kekuatan yang begitu besar kepada SUHAKAM kerana perkataan yang paling bahaya dalam akta seksyen 19 ini, Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak bahawa *adequate funds, to decide adequate funds?* Jadi, seolah-olah kerajaan yang menentukan dan kalau SUHAKAM betul-betul bebas, sepatutnya SUHAKAM yang menentukan dan memohon. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas cadangan ini. Saya rasa cadangan ini amat baik dan saya boleh melihat pada keseluruhannya

sama ada kita perlu menukarkan perkataan "*The government*" dalam seksyen 19 Akta SUHAKAM ini supaya ia selaras dengan Perlembagaan kita. Saya berjanji akan melihat pada keseluruhannya sama ada ini adalah satu cadangan yang boleh diterima oleh pihak kerajaan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan isu-isu mengenai kanak-kanak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun 2019 seorang Pesuruhjaya Kanak-kanak telah pun dilantik oleh kerajaan. Ini telah pun dibahaskan oleh ramai Yang Berhormat di sini. Seperti yang kita fahamkan, tugas-tugas Pesuruhjaya Kanak-kanak ini antaranya untuk memastikan hak asasi kanak-kanak sentiasa terjamin. Ini termasuk isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang termasuklah berkenaan dengan penambahbaikan struktur dalam Mahkamah Khas Kanak-kanak dan juga penambahan Mahkamah Khas Kanak-kanak.

Untuk isu mengenai kebebasan atas SUHAKAM. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, SUHAKAM merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta SUKHAM 1999 yang berfungsi sebagai satu badan yang memastikan proses semak dan imbang dijalankan tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak. Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab akan sentiasa memastikan kebebasan SUHAKAM akan terjamin.

Isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, *a stateless children* ini juga dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Berkenaan dengan isu ini, perkara ini merupakan tanggungjawab ibu atau penjaga untuk menguruskan dokumen pengenalan kanak-kanak berdasarkan negara asal ibunya. Ini adalah selaras dengan seksyen 17 Bahagian III Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan di mana seorang individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan kewarganegaraan individu tersebut mengikut kewarganegaraan ibunya.

Untuk isu Tuan Yang di-Pertua mengenai akses tanpa batasan ke pusat tahanan. Dalam isu penahanan kanak-kanak dan akses tanpa batasan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Penjara akan sentiasa memberi kerjasama dan akses kepada SUHAKAM untuk membuat lawatan serta siasatan kes apabila aduan dibuat kepada SUHAKAM. Ataupun SUHAKAM mengambil maklum daripada berita-berita yang telah pun disiarkan dalam berita ataupun surat khabar.

■1630

Isu mengenai keberkesanan Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM). Seperti yang kita sedia maklum, semua sekolah yang dilantik melaksanakan Program ATHAM ini di peringkat sekolah masing-masing dan menjadi contoh dalam membudayakan ATHAM di daerah dan negeri masing-masing. Sehingga kini, tiada isu berkaitan pelaksanaan ini yang dibangkitkan oleh pentadbir sekolah.

KPM, Kementerian Pendidikan dan SUHAKAM sentiasa bekerjasama bagi memastikan semua guru mempunyai kemahiran dan asas dalam pelaksanaan program ini. Akses kepada pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi

menjayakan Dasar Sifar Penolakan iaitu *Zero Reject Policy* ataupun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Antaranya ialah menubuhkan Unit Pendidikan Khas di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri serta menetapkan seorang Pegawai Pendidikan Khas yang berperanan secara langsung untuk memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada pihak pengurusan sekolah, guru dan juga ibu bapa murid berkeperluan khas.

Isu yang juga telah pun dibangkitkan oleh ramai dalam Dewan yang mulia ini termasuk Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tumpat berkaitan dengan isu LGBT. Kerajaan tidak menyokong sebarang diskriminasi kepada golongan LGBT. Walau bagaimanapun kerajaan secara prinsipnya tidak dapat mengiktiraf mereka.

Sesungguhnya, penyediaan maklum balas ini yang telah dikemas kini statusnya sehingga bulan Oktober tahun ini menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa prihatin, mengambil maklum dan juga telah mengambil tindakan yang segera serta sewajarnya ke atas isu-isu dan syor-syor yang dibangkitkan dalam laporan SUHAKAM.

Ini juga adalah selaras dengan aspirasi Janji 20, Buku Pakatan Harapan dan komitmen kerajaan dalam menyempurnakan dan menepati janji. Pembentangan dan juga perbahasan usul ini pada julung kalinya merupakan satu detik sejarah yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan Kerajaan Pakatan Harapan sesungguhnya amat komited untuk memelihara dan juga melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Selain itu, sesi pembentangan usul ini juga selaras dengan syor daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Asasi dan Kesaksamaan Gender Parlimen Malaysia pada 4 Mac 2019 yang telah mengesyorkan supaya laporan tahunan SUHAKAM dibahaskan dalam persidangan Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah meneliti hujah-hujah yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang masing-masing menyuarakan pandangan bernas tentang isu-isu hak asasi manusia di negara yang kita cintai ini. Saya juga memahami terhadap banyak perkara yang perlu ditangani secara segera dan proses ini juga memerlukan kerjasama erat antara agensi-agensi kerajaan dan juga pada masa sama input-input yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ini adalah amat penting bagi kementerian, jabatan dan juga agensi kerajaan yang berkaitan dalam merangka dan juga mengambil tindakan penyelesaian demi meningkatkan perkembangan hak asasi manusia di Malaysia.

Kerajaan memandang serius terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM dan telah menyediakan Buku Maklum Balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM ini untuk memberi penjelasan lanjut dan juga perkembangan terkini tentang isu-isu tersebut.

Kerajaan juga menjalankan gerak kerja melalui pelbagai platform sepanjang tahun bagi memastikan perkara-perkara diberikan perhatian dan juga penambahan baik yang sewajarnya. Syor-syor yang diberikan dalam...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat, boleh saya tanya? Petaling Jaya.

Datuk Liew Vui Keong: Ya boleh, Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Dalam Laporan SUHAKAM ada menyatakan bahawa Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan ada sedikit kelemahan tentang isu status imigresen, etnik, agama dan kewarganegaraan. Saya hendak tanya, adakah pelan-pelan untuk memperkuatkan pelan tindakan *human rights* ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya sila.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya, kerajaan sememangnya ada rancangan untuk memastikan bahawa pelan-pelan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dapat dikuatkuasakan dan memberikan satu input yang lebih berkesan.

Jadi saya seperti yang saya katakan sebagai Menteri yang menjaga SUHAKAM ini di portfolio saya, saya akan pastikan dan juga menjamin bahawa SUHAKAM akan berkembang lebih kuat. Terima kasih.

Syor-syor juga Tuan Yang di-Pertua yang diberikan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan berasaskan kerangka dasar perundangan dan juga acuan negara kita. Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan secara terbuka dalam mendukung prinsip hak asasi manusia dan bersedia menjalankan *engagement* dengan semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan dasar pembaharuan.

Jadi, seperti yang saya katakan tadi pelan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini akan dilaksanakan dan dikaji selepas sahaja tempoh pelaksanaannya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Saya daripada Sik.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik dahulu Yang Berhormat Arau. Saya ada sentuh juga tadi berkaitan dengan isu pemerdagangan manusia- dilaporkan isu penemuan kubur pelarian Rohingya di Wang Kelian Perlis pada tahun 2015 dahulu dan kita telah pun mengadakan RCI, Suruhanjaya Siasatan Diraja, dan telah dilaporkan pada September lalu telah pun dimuktamadkan laporan ini.

Jadi, adakah pihak kerajaan sudah pun mendapatkan hasil daripada RCI ini dan khususnya untuk hendak memperbaiki keadaan di sempadan khususnya soal keselamatan sempadan dan pembolosan sempadan yang menyebabkan berlaku pemerdagangan manusia. Jadi, adakah pihak kerajaan sudah pun ada maklumat yang berkaitan ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Isu mengenai pemerdagangan manusia ini memang isu yang amat serius. Apa yang telah pun berlaku itu saya

buat setakat ini belum ada laporan yang lengkap daripada pihak RCI yang telah pun menjalankan siasatan.

Jadi buat setakat ini, pihak kerajaan masih lagi menunggu laporan yang lengkap diberikan daripada pihak mereka yang menjalankan RCI itu. Jadi dalam masa yang terdekat, apabila sahaja laporan itu telah pun diberikan kepada pihak kerajaan, saya akan mendedahkan kepada semua yang berkenaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya timbulkan tadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat, termasuk perkataan yang digunakan di bawah muka surat 20. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menjawab secara bertulis pada esok hari? Oleh sebab benda ini menghukum polis. Polis sengaja buat keputusan itu. Pihak PDRM boleh membuat kesimpulan. Apa makna PDRM boleh membuat kesimpulan? Kalau saya faham sanggup *depa* kata sedemikian rupa. Lebih kurang macam itulah. Jadi apa maksud di sini PDRM boleh membuat kesimpulan, seolah-olahnya membuat kesimpulan yang tidak- dengan menuduh SUHAKAM *biased, unfair*- dan juga melanggar Akta SUHAKAM 1966.

Ini laporan yang telah dibentangkan di Parlimen dan apakah Yang Berhormat hendak terima ini sebagai satu laporan yang menghukum polis di sini? Sudahlah IPCMC menghukum polis, yang ini pun hendak menghukum polis? Apakah Yang Berhormat hendak menjawab secara bertulis?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Saya rasa andaian Yang Berhormat Arau ini terhadap hukuman kepada pihak PDRM daripada pihak kerajaan ini tidak berasas sama sekali. Sekiranya kita lihat, kita baca dengan teliti perkataan ini iaitu, "Walau bagaimanapun, apabila keputusan dapatan diumumkan PDRM boleh". Jadi, perkataan "Boleh" ini ia subjek tertakluk dengan apabila keputusan dapatan itu diumumkan.

■1640

Jadi keputusan dapatan itu belum lagi diumumkan. So, pihak PDRM hanya boleh membuat kesimpulan dan apabila keputusan dapatan itu diumumkan. Jadi saya rasa ini adalah satu definisi daripada pihak seseorang dan juga seseorang terhadap perkataan yang telah pun digunakan. Jadi saya rasa Yang Berhormat Arau ini jelas salah sangka dengan perkataan sedemikian dan membuat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta penjelasan, bukan saya menuduh. Saya minta Yang Berhormat beri penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, penjelasan saya ialah bahawa PDRM hanya boleh membuat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas perkataan "boleh" itu, disebut perkataan '*unfair and bias*' dan melanggar Akta SUHAKAM.

Datuk Liew Vui Keong: ...Apabila keputusan dapatan itu diumumkan. Keputusan itu belum diumumkan. Jadi kenyataan ini tidak boleh diguna pakai Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dah habis?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Last daripada Yang Berhormat Menteri ya, tinggal lima minit. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat bagi pihak kerajaan memberikan peluang bagi semua pihak untuk membahaskan tentang maklum balas. Akan tetapi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri setuju tak kalau boleh makluman yang disebut sebagai maklum balas daripada kerajaan, mungkin tahun depan Yang Berhormat Menteri bolehlah letak macam sistem KPI sejauh mana dalam isu-isu ini telah dijawab, dilaksanakan, jabatan mana dan pegawai yang bertanggungjawab dan juga isu pindaan kepada akta-akta yang mana.

Ini kerana, kalau tidak Yang Berhormat Menteri seolah-olah Yang Berhormat Menteri ini macam main geletek-geletek sajalah. Maknanya *lip service, cosmetic change*. Jadi bahas itu bagus tetapi pindaan kepada undang-undang supaya semua agensi kerajaan dapat memberikan komitmen yang begitu tinggi dalam pindaan dan dalam perubahan yang telah dicadangkan oleh pihak SUHAKAM. Jadi saya hanya sekadar mencadangkan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Tuduhan yang mengatakan ini hanyalah satu *lip service*, saya rasa tidak benar sama sekali. Sekiranya dibandingkan dengan kerajaan terdahulu, kerajaan terdahulu tidak ada *political will* untuk membentangkan laporan SUHAKAM ke Dewan yang mulia ini.

Jadi hari ini telah pun mencipta sejarah di mana kita langkah ke depan untuk memastikan hak-hak asasi manusia ini di Malaysia dapat dilindungi dan telah pun dibebaskan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan ini. Jadi ini adalah satu langkah yang baharu dalam kerajaan yang baharu dalam harapan yang baharu ini ya.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf ya. Yang Berhormat Menteri silap, sebenarnya laporan ini dah diletakkan di atas meja tiap-tiap tahun. Beza tahun ini ialah perbahasan sahaja. Itu saja saya cakap.

Jadi cadangan saya, saya mencadangkan kepada kerajaan tahun depan kalau bahas, bawa sekali cadangan pindaan kepada akta-akta relevan supaya Parlimen boleh sama-sama dua-dua pihak bersetuju dengan pindaan. Itu sahaja cadangan saya. Saya bukannya tegur. Saya kata kerajaan hebat tetapi janganlah tipu rakyat selalu, *lip service*, geletek-geletek lepas itu tidak ada apa-apa. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, sambungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan drama bersiri Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta supaya kerajaan menambah peruntukan dua kali ganda kepada SUHAKAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey Yang Berhormat Arau, sila duduk, jangan berulang-ulang lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dan tambahan ahli lembaga pengarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Menteri dah habis?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, belum habis. Kenapa Tuan Yang di-Pertua ini? *What is wrong with you?*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata dah habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia belum habis lagi, tiga minit lagi. Saya minta supaya dijawab secara bertulis. Setujukah peruntukan ditambah dan *Board Member* itu ditambah daripada 12 kepada 24?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, boleh dipertimbangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *thank you*. Cukup, habis, tidak payah jawab punya.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, terima kasih. Jadi akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya memberi sokongan penuh kepada usul yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Detik ini merupakan saat penting yang bersejarah dan bakal mencipta tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam perlindungan dan juga perjuangan hak asasi manusia. Tidak ada sesiapa pun di negara ini akan dipinggirkan dan dinafikan hak mereka selagi kita semua bersatu hati dan bekerjasama demi kebajikan dan juga kesejahteraan seluruh umat manusia di tanah ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuklah pihak kementerian dan juga jabatan kerajaan, SUHAKAM dan semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan sesi perbahasan pertama dalam Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Dengan itu, saya hadiahkan dengan sebuah pantun lagi, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Liew Vui Keong:

*Berhujah, berdebat hampir bersilat;
Ahli Dewan tetap sahabat;
Hari ini terakhir Dewan Rakyat;
Jumpa tahun depan penuh semangat.*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas pantun tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA KASTAM 1967****4.46 ptg.**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), subseksyen 155(2), subseksyen 163B(2) dan subseksyen 163K(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.118, ST.119, ST.120, ST.128, ST.129, ST.131, ST.132, ST.133, ST.134, ST.135 dan ST.137 bagi tahun 2019 disahkan."

Saya mohon untuk membentangkan ketiga-tiga Perintah Duti Kastam (Langkawi) (Pindaan) 2019, Perintah Duti Kastam (Tioman) (Pindaan) 2019 dan Perintah Duti Kastam (Labuan) (Pembatalan) 2019 di atas secara bersama memandangkan ianya adalah berkaitan. Ketiga-tiga perintah ini bertujuan untuk menjadikan produk rokok dan minuman keras sebagai badan bebas cukai di pulau bebas cukai Langkawi, Tioman dan Labuan.

Pada asalnya, produk rokok dan minuman keras merupakan barangan bebas cukai di pulau bebas cukai. Namun, ia telah dijadikan sebagai barangan cukai mulai tahun 2016 bagi tujuan kawalan ke atas saluran jualan produk tersebut melalui premis kedai bebas cukai serta melalui penetapan kuota jualan kepada penduduk dan pelancong yang membeli produk rokok dan minuman keras dalam pulau bebas cukai.

Walau bagaimanapun, langkah penstrukturan saluran jualan melalui kedai bebas cukai dan penetapan kuota pembelian produk tersebut telah menimbulkan pelbagai isu dan ketidakpuasan di kalangan peniaga dan pelancong yang datang ke pulau bebas cukai terutamanya mengenai prosedur kawalan fizikal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia apabila melibatkan pembelian dan penghantaran rokok dan minuman keras daripada gudang berlesen ke kedai bebas cukai.

Selain itu, pengenaan kuota jualan produk rokok dan minuman keras juga secara tidak langsung telah menyebabkan peniaga menghadapi kekurangan bekalan untuk dijual di kedai bebas cukai. Sehubungan itu, bagi menambah baik prosedur serta memberi kemudahan kepada peniaga dan pelancong untuk menjual dan mendapatkan bekalan produk rokok dan minuman keras di pulau bebas cukai, kedua-dua produk ini telah dijadikan sebagai barangan bebas cukai semula berkuat kuasa mulai 27 Mac 2019.

Dengan pelaksanaan langkah ini, ianya diharap dapat memberi kesan positif kepada peniaga, pengguna dan pelancong serta dapat merancakkan lagi industri pelancongan di pulau bebas cukai untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke negara ini. Sungguhpun begitu, bagi memastikan langkah ini tidak menyebabkan peningkatan kepada aktiviti penyeludupan, aspek kawalan dan penguatkuasaan kastam akan terus diperketat bagi memastikan perdagangan rokok dan minuman keras di pulau bebas cukai tidak menyebabkan ketirisan hasil

cukai kerajaan. Ini pun atas susulan daripada wakil rakyat tempatan. Ketiga-tiga perintah ini telah berkuat kuasa mulai 27 Mac 2019.

■1650

Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2019. Perintah ini diwartakan susulan daripada hasil siasatan yang dilakukan oleh MITI yang menunjukkan bahawa berlaku lambakan import keluaran batang penulangan konkrit keluli yang berasal atau dieksport dari Republik Singapura dan Republik Turki yang telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan. Siasatan dibuat berdasarkan petisyen yang telah dikemukakan oleh pempetisyen dari kalangan pihak industri tempatan kepada MITI. Produk batang penulangan konkrit keluli yang terlibat adalah merangkumi keluli gulungan panas yang mengandungi lekuk, tetulang, alur atau canggaan lain

Perintah ini telah diwartakan pada 23 September 2019 bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan ke atas import keluaran seperti dinyatakan yang berasal atau diimport dari Republik Singapura dan Republik Turki pada kadar 3.35 peratus hingga 20.09 peratus. Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan atau pada kadar yang lebih rendah bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan material kepada industri tempatan. Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 24 September 2019 hingga 21 Januari 2020.

Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran). Perintah ini diwartakan susulan daripada penentuan muktamad siasatan yang dilakukan oleh MITI iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menunjukkan bahawa berlaku lambakan import *cellulose fibre reinforced cement flat* dan *pattern sheets* yang berasal atau dieksport dari Thailand yang mana telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan dan penamatan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan kemudaratan berterusan atau berulang kepada industri tempatan. Siasatan dibuat berdasarkan petisyen yang telah dikemukakan oleh pihak industri tempatan kepada MITI.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan ke atas import *cellulose fibre reinforced cement flat* dan *pattern sheets* secara khususnya mengecualikan *external roofing* yang berasal atau diimport dari Thailand pada kadar 9.15 peratus hingga 31.14 peratus. Duti anti-lambakan tidak dikenakan ke atas syarikat *Conwood Company Limited* dari Thailand kerana pengeluar atau pengeksport tersebut tidak melambakkan barangan mereka di pasaran Malaysia. Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan atau pada kadar yang lebih rendah bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan material kepada industri tempatan.

Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 28 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 yang berkuat kuasa bagi tempoh mulai 24 September 2019 hingga 23 September 2024.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2019, ST 131. Perintah ini bertujuan untuk mewartakan penurunan kadar duti import bagi 47 tarif produk berasaskan teknologi maklumat di bawah kod

Harmonized Tariff Nomenclature System (HS2017). Kadar duti import semasa bagi 47 baris tarif produk terlibat adalah di antara lima peratus hingga 18 peratus yang telah diturunkan kepada sifar peratus sehingga 15 peratus. Penurunan kadar duti import ini adalah bagi melaksanakan komitmen Malaysia di bawah deklarasi *Expansion of Trade in Information Technology Products* Pertubuhan Perdagangan Dunia yang telah dimuktamadkan semasa Persidangan peringkat Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia yang ke-10 di Nairobi, Kenya pada 15 hingga 18 Disember 2015.

Di bawah komitmen ini, Malaysia mempunyai obligasi untuk menghapuskan duti import di bawah kadar *most favorite nation* secara berperingkat bagi 59 baris tarif produk di bawah kod HS2017 dalam masa lima tahun. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China) 2019, Kertas Statut ST 132. Perintah ini bertujuan untuk mewartakan transposisi kod tarif daripada versi *Harmonized Tariff Nomenclature System* (HS2012) kepada versi HS2017 melalui Jadual Pengurangan Tarif. Ia dilaksanakan selaras dengan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China.

Selain itu, transposisi ini juga merupakan keperluan di bawah *World Custom Organization* supaya struktur kod tarif barangan dikaji bagi tempoh setiap lima tahun sekali dengan mengambil kira corak perdagangan antarabangsa, perkembangan teknologi semasa dan juga amalan kastam. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2019.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Australia–New Zealand) 2019. Perintah ini bertujuan untuk mewartakan sebanyak 2,702 baris tarif barangan versi *Harmonized Tariff Nomenclature System* (HS2017) di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Australia–New Zealand. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, Australia dan New Zealand pada 27 Februari 2009 di Thailand dan ia merupakan rundingan FTA komprehensif yang pertama ASEAN dengan rakan dialog yang meliputi kesemua sektor termasuk perdagangan barangan, pelaburan, perdagangan perkhidmatan, kewangan, telekomunikasi, perdagangan elektronik dan *movement of natural persons*.

Perjanjian ini telah dilaksanakan di Malaysia mulai 1 Januari 2010 di mana salah satu objektifnya adalah untuk menghapuskan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada tarif perdagangan di rantau ini dalam tempoh masa tertentu. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2019.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) 2019, Kertas Statut bilangan ST 134/2019. Perintah ini bertujuan untuk membuat pindaan editorial iaitu bagi meminda unit pengukuran atau, dengan izin, *unit of measurement* bagi barangan di bawah

sub kepala tarif 6208 dan 8211 daripada kilogram kepada unit selaras dengan Perintah Duti Kastam 2017. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 17 September 2019.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Hong Kong, China) 2019, Kertas Statut bilangan ST 135/2019. Perintah ini bertujuan untuk mewartakan transposisi kod tarif daripada versi *Harmonized Tariff Nomenclature System* (HS2012) kepada versi HS2017.

Ia dilaksanakan bagi memastikan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN–Hong Kong, China khususnya Jadual Pengurangan Tarif HS2017 dapat dikuatkuasakan bermula 1 Ogos 2019. Di bawah perjanjian ini juga, negara-negara anggota ASEAN kecuali Singapura telah memberi komitmen untuk menghapuskan duti ke atas sekurang-kurangnya 65 peratus daripada jumlah baris tarif yang ditawarkan mulai 1 Januari 2019. Proses transposisi ini melibatkan sejumlah 11,683 baris tarif dan telah pun dimuktamad dan diwartakan bagi pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN–Hong Kong, China tersebut.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Hong Kong, China) (No. 2) 2019, Kertas Statut bilangan ST 137/2019. Perintah ini adalah untuk meminda kuat kuasa Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Hong Kong, China daripada 1 Ogos 2019 kepada 13 Oktober 2019. Pindaan tarikh ini adalah bagi memastikan tarikh pelaksanaan di peringkat domestik adalah selaras dengan komitmen di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN–Hong Kong, China dan pindaan yang telah berkuat kuasa mulai 13 Oktober 2019 ini turut membatalkan perintah sedia ada yang telah diwartakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Usul telah disokong oleh Yang Berhormat Kota Raja. Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

■1700

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dibawah Perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai bilangan ST.118, ST.119, ST.120, ST.128, ST.129, ST.131, ST.132, ST.133, ST.134, ST.135 dan ST.137 bagi tahun 2019 disahkan hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA EKSAIS 1976**5.01 ptg.**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Supaya Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91DA(2) dan subseksyen 91I(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.121, ST.122, ST.123, ST.124 dan ST.125 bagi tahun 2019 disahkan.”

Saya mohon untuk membentangkan Perintah Duti Eksais (Langkawi) (Pembatalan) 2019, Perintah Duti Eksais (Labuan) (Pembatalan) 2019 dan Perintah Duti Eksais (Tioman) (Pindaan) 2019 secara bersama memandangkan ia adalah berkaitan. ketiga-tiga perintah ini diwartakan selaras dengan pewartaan Perintah Duti Kastam yang dilaksanakan bagi menjadikan produk rokok dan minuman keras sebagai barangan bebas cukai semula di pulau bebas cukai.

Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pelancong untuk mendapatkan barangan bebas cukai tetapi juga menambah baik prosedur kawalan yang telah dikenakan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekali gus memudah cara peniaga tempatan dalam menjalankan aktiviti perniagaan di pulau bebas cukai.

Ketiga-tiga perintah ini telah berkuasa mulai 27 Mac 2019. Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2019, Kertas Statut 124/2019. Perintah ini bertujuan melaksanakan langkah Belanjawan 2019 untuk mengenakan duti eksais pada kadar 40 sen per liter ke atas produk minuman bergula sedia diminum di bawah kod tarif 22.02 dan 20.09 yang melebihi nilai ambang kandungan gula yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) air minuman termasuk minuman berkarbonat yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain atau berperisa termasuk minuman lain tanpa alkohol dengan nilai ambang kandungan gula sebanyak lima gram atau 100 milimeter;
- (ii) jus buah-buahan dan jus sayur-sayuran sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak atau mengandungi bahan pemanis yang lain dengan *threshold* atau nilai ambang kandungan gula sebanyak 12 gram atau 100 milimeter; dan
- (iii) produk minuman berasaskan susu yang mengandungi laktosa di bawah kod tarif 22.02 dengan *threshold* atau nilai ambang kandungan gula sebanyak tujuh gram atau 100 milimeter.

Pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula sedia diminum ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan *prevalence of obesity* dan penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di kalangan masyarakat dan perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019.

Perintah Duti Eksais (Minuman Bergula) (Bayaran) 2019, Kertas Statut Bilangan ST.125/2019. Perintah ini adalah untuk menetapkan tempoh bercukai bagi tujuan pembayaran

duti eksais ke atas minuman bergula dan kaedah bayaran duti eksais yang dikenakan kepada pengilang berlesen. Tempoh bercukai yang ditetapkan bagi minuman bergula yang dikilangkan ialah satu bulan kalendar dan semua pengilang berlesen bertanggungjawab untuk membayar dan mengakaunkan duti eksais yang perlu dibayar melalui borang yang ditetapkan.

Sehingga 28 November 2019, sebanyak 90 pengilang telah dilesenkan dan jumlah kutipan duti eksais yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak RM63 juta. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Raja. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 4 yang telah dibentangkan sebagai Bilangan ST.121, ST.122, ST.123, ST.124 dan ST.125 bagi tahun 2019 disahkan, hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

5.06 ptg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai Perkhidmatan Digital) 2019. Kertas Statut Bilangan ST.130. Perintah ini diwartakan selaras dengan pengumuman dalam Belanjawan 2019 berhubung pelaksanaan pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan penyedia perkhidmatan luar negeri dan import oleh pengguna di Malaysia mulai 1 Januari 2020.

Pindaan juga telah dibuat ke atas Akta Cukai Perkhidmatan 2019, yang mana ia telah diluluskan di dalam sesi Parlimen yang lepas. Pelbagai pihak telah membuat kenyataan bahawa kerajaan akan melaksanakan cukai digital bermula 1 Januari 2020. Sebenarnya kerajaan tidak memperkenalkan apa-apa cukai yang baharu. Langkah yang diambil kerajaan adalah untuk meluaskan skop ke atas cukai perkhidmatan.

Melalui perluasan skop ini cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing kepada pengguna di Malaysia. Penggunaan cukai perkhidmatan ini adalah perlu untuk mewujudkan layanan saksama atau *level playing field* di antara perkhidmatan digital yang disediakan oleh syarikat tempatan dan luar negara.

Sekiranya cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing, maka pengguna di Malaysia akan banyak mengimport perkhidmatan digital dari luar negara, mendiskriminasikan penyedia perkhidmatan tempatan dan ini akan memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan industri digital negara, *balance of trade* dengan izin dan juga aliran keluar tunai.

Selain itu, langkah yang diambil ini juga bukan bermaksud Malaysia akan menjadi negara pertama di dunia yang mengenakan cukai ke atas perkhidmatan digital. Pelbagai negara telah mengenakan cukai seperti VAT atau GST ke atas perkhidmatan digital antaranya Norway pada tahun 2011 dengan kadar 25 peratus, New Zealand pada tahun 2016 dengan kadar 15 peratus, Australia pada tahun 2017 pada kadar 10 peratus dan Rusia pada tahun 2017 dengan kadar 18 peratus.

Di kalangan negara Asia pula negara yang telah mengenakan cukai ke atas perkhidmatan tersebut adalah Korea pada tahun 2015 dengan kadar 10 peratus, Jepun pada tahun 2015 dengan kadar lapan peratus dan Taiwan pada tahun 2017 dengan kadar lima peratus. Singapura juga akan mengenakan GST pada kadar tujuh peratus ke atas perkhidmatan digital bermula tahun hadapan.

Selain itu, kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital ini juga adalah selaras dengan cadangan OECD supaya cukai tidak langsung dapat dikenakan ke atas urusan niaga yang melibatkan transaksi rentas sempadan sebagai salah satu *option* dalam menangani cabaran mencukai ekonomi digital. Secara asasnya, perkhidmatan digital merangkumi apa-apa perkhidmatan yang diberikan melalui Internet atau rangkaian elektronik yang serupa, yang mana tidak boleh diperolehi tanpa penggunaan teknologi maklumat.

■1710

Contoh perkhidmatan digital adalah seperti berikut:

- (i) langganan muzik dan video atas talian;
- (ii) langganan *e-book*;
- (iii) penggunaan platform *e-marketplace*;
- (iv) langganan sistem storan berasaskan *cloud computing*; dan
- (v) pembelian perisian komputer secara atas talian.

Selain itu, pengguna di Malaysia sama ada individu, syarikat atau apa-apa entiti yang perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas pengimportan perkhidmatan digital akan ditentukan berdasarkan kepada kriteria berikut:

- (i) membuat pembayaran dengan menggunakan kemudahan kredit atau debit oleh institusi kewangan syarikat di Malaysia;
- (ii) alamat Internet protokol yang didaftarkan di Malaysia atau kod panggilan antarabangsa yang ditetapkan untuk Malaysia bagi peranti mudah alih yang digunakan semasa pembelian atau langganan perkhidmatan digital; atau
- (iii) pengguna menetap di Malaysia.

Selaras dengan pelaksanaan tersebut, penyedia perkhidmatan asing yang menyediakan perkhidmatan digital kepada pengguna di Malaysia boleh didaftarkan di bawah seksyen 56C, Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Apabila jumlah nilai perkhidmatan digital yang disediakan kepada pengguna di Malaysia melebihi RM500 setahun, penyedia perkhidmatan asing yang berdaftar perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada pengguna di Malaysia. Pengguna akan membayar cukai perkhidmatan tersebut kepada penyedia perkhidmatan, seterusnya cukai perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna tersebut akan diremitkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia oleh penyedia perkhidmatan asing berdasarkan tempoh bercukai yang ditetapkan.

Kerajaan juga akan mengambil langkah sewajarnya di dalam memastikan penyedia perkhidmatan asing ini berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Tindakan penguatkuasaan juga akan diambil supaya peraturan yang ditetapkan seperti pematuhan untuk mengenakan cukai, mengeluarkan invois, menghantar *tax return* dan membuat bayaran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dipatuhi sepenuhnya oleh semua penyedia perkhidmatan asing walaupun mereka berada di luar negara.

Melalui pewartaan pindaan ini, kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan penyedia perkhidmatan asing adalah sebanyak enam peratus iaitu sama dengan kadar semasa cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang lain. Perintah ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja. Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai bilangan ST.130 bagi tahun 2019 disahkan hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu ya. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti, yang Ketua Pembangkang bangun di bawah Peraturan Mesyuarat mana?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: 36(12).

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: 36(12)? Yang Berhormat Menteri belum bentang, bagaimana hendak kelirukan Dewan?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak, saya, saya – Fasal pada 4 November 2019, Tuan Yang di-Pertua buat janji di sini bahawa usul saya akan dibentangkan sebelum akhir Dewan ini bersidang. Ini bermakna ada kekeliruan yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang berlaku hari ini.

Semalam di dalam Dewan ini, di dalam atur cara mesyuarat, masih terdapat usul saya di No. 6. Tiba-tiba pagi ini, usul tersebut diturunkan ke No. 7 dan ditamatkan hari ini untuk membincangkan usul No. 6 iaitu usul di bawah kementerian...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih. Saya buat penjelasan. Tidak...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi, terdapat kekeliruan di sini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu, daripada awal lagi saya katakan bahawa tidak mungkin usul saya itu akan dibentangkan. Akhirnya, ada-lah cara-caranya untuk ditolak usul saya ke bawah. Hari ini benar seperti yang saya sangka bahawa didahulukan usul kerajaan supaya usul persendirian saya ditolak ke bawah dan tidak dibincangkan. [*Dewan riuh*] Ini merupakan satu penipuan bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa, yang lain semua diam.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Satu kekeliruan dan penipuan yang dilakukan oleh pihak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kita bagilah Ketua Pembangkang untuk berbahas. Ya, Yang Berhormat Kampar, sila bersabar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan Kuala Krau.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Kuala Krau. Saya dengar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Hari ini merupakan hari yang terakhir bagi sidang mesyuarat kita pada tahun ini dan juga merupakan hari yang terakhir bagi perkhidmatan Yang Berbahagia Datuk Roosme mengendalikan urusan Dewan Rakyat. Saya secara peribadi mengucapkan selamat berehat, bersara dan terima kasih di atas segala tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan untuk semua Ahli Dewan bagi urusan Dewan ini dapat dikendalikan dengan baik bagi menjadikan Parlimen kita sebuah Parlimen yang dihormati di dalam dunia ini. Di antara negara-negara, Dewan Parlimen kita adalah yang terbaik.

Oleh sebab itulah saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kalau kita lihat dan rujuk semula kepada Penyata Rasmi Dewan Rakyat yang bertarikh 18 Julai 2019 di muka surat 46. Ini ekoran daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah membawa Peraturan Mesyuarat 36(12) mengenai laporan PAC yang perlu kita bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, itu isu lain.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Izinkan saya untuk membaca...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah baca. Saya sudah dengar. Ketua Pembangkang tadi pun...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak. Izin – Satu saja, satu saja. *Last sentence.*

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ketua Pembangkang tadi pun sudah bangkitkan perkara yang sama. Tidak payah ulang-ulang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya hendak sebut satu saja, yang penting ini yang saya kena sebut di dalam Penyata Rasmi ini. Izinkan saya dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *“Adalah akan tetapi ini tidak bermakna bahawa usul tidak boleh dikemukakan sekali lagi. Memang usul dikemukakan sekali lagi untuk dibahaskan”.* Perkataan yang telah dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan dicatatkan di sini adalah untuk dibahaskan laporan PAC. Ini yang saya sendiri mempertikaikan. Betul, di bawah Peraturan Mesyuarat 15, usul urusan kerajaan hendaklah didahulukan dan kita faham. Kenapa usul 12(1) tidak masukkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sehingga selesai aturan mesyuarat yang No. 7, sehinggalah usul Yang Berhormat Bera, Ketua Pembangkang sepertimana yang tercatat di dalam Laporan Penyata Rasmi bahawa boleh dikemukakan dan untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, saya tahu. Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini yang saya mohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Perkara ini telah dipertimbangkan. Ya, Yang Berhormat Arau. Singkat ya. Padat dan ringkas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penyata Rasmi Dewan pada 4 November 2019...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sama juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan sebab ini Tuan Yang di-Pertua jawab saya. Tuan Yang di-Pertua jawab kepada saya. Tuan Yang di-Pertua berkata, *“Ini keluar daripada arus perbahasan. Kalau hendak bincang perkara ini, kita akan bincang pada hari terakhir apabila saya akan membenarkan usul Ketua Pembangkang dibahas”.* Tuan Yang di-Pertua jawab kepada saya sebab saya yang bincang perkara itu. Jadi, sekarang ini perkara 36(12), Tuan Yang di-Pertua mengelirukan Dewan. Jadi, saya minta supaya perjelasan benda ini. Kenapa Tuan Yang di-Pertua sudah berjanji, tiba-tiba Tuan Yang di-Pertua tarik balik? Yang Berhormat saya tidak...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Arau duduk. Ya, terima kasih. *Point taken*, ya. Terima kasih atas pandangan oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Arau. Dua orang mantan Menteri dan seorang mantan Timbalan Yang di-Pertua yang cukup berilmu dan berpengetahuan.

Ketiga-tiga tokoh ini pun faham, perkara Peraturan Mesyuarat, perkara 15(1) dan 15(2), saya bacakan pada tiap-tiap hari persidangan. Mesyuarat urusan kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain. Perkara 15(2), urusan kerajaan hendaklah diaturkan mengikut sebagaimana yang baik pada timbangan kerajaan dan diberitahu kepada Setiausaha. Maka di depan Dewan ini, sekarang ini, pihak kerajaan menggunakan kuasa di bawah 15(1), 15(2) dan 27(3) untuk Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul. Oleh sebab itu, saya jemput Yang Berhormat Menteri, sila kemukakan usul...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu saya akan bagi peluang kepada dua-dua belah pihak. Saya akan pastikan perbincangan itu secara teratur dan berhemah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua berjanji bagi peluang ya? Okey.

■1720

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila bersabar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita tidak – nak *argue* pun bahawa urusan kerajaan didahulukan. *No problem*. Jadi urusan kerajaan boleh nombor 6, nombor 7 pun dibahaskan juga. Jadi kita tangguh dari segi *time* Dewan ini untuk bersidang, selepas dari nombor 6, kita teruskan kepada nombor 7. Usul kerajaan tetap didahulukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, saya perjelaskan kepada Ketua Pembangkang. Sebenarnya pagi ini hari ini juga usul 12(1) telah pun disetujui oleh Dewan ini tanpa sesiapa pun membantah. Maka sekarang pula Ketua Pembangkang datang untuk membawa isu ini, saya rasa kurang patut kerana pagi ini apabila Menteri bawa usul 12(1) tidak ada siapa pun membantah, semua setuju. Maka sekarang pula nak bantah, saya rasa kurang adil. Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu peraturan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan bazir masa, saya tak nak dengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini janji. Janji.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau cukup, saya sudah terangkan. Sudah terang jangan bersuluh lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: KalauSpeaker sudah janji Tuan Yang di-Pertua. Speaker berjanji. Janji Speaker. Janji siapa lagi nak pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Arau faham peribahasa Melayu kan? Sudah terang jangan bersuluh lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak, ini Tuan Yang di-Pertua. Speaker. Apakah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan cuba tegakkan benang yang basah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua yang tegakkan benang yang basah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Saya sudah berikan penjelasan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan, penjelasan Tuan Yang di-Pertua. jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Paya Besar, tak payah campur tangan. Saya dengar Menteri dahulu. Nanti boleh bagi peluang berbahas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan. Saya juga – Tuan Yang di-Pertua, saya juga seorang... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Bacakan usul. Nanti kita buka untuk perbahasan. Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya tidak boleh terlibat, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini saya nak pantun.

Teluk Intan sarang ketum,

Jelutong tanam ganja,

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Dengar sini Tuan Yang di-Pertua. Bagilah saya peluang saya, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

5.21 ptg.

USUL MENTERI SUMBER MANUSIA DI BAWAH P.M. 27(3)

MERUJUK YANG BERHORMAT PASIR SALAK KEPADA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“**Bahawa** pada hari Selasa, 3 Disember 2019, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Ahli Parlimen Pasir Salak telah mengeluarkan kenyataan yang menghina sensitiviti perkauman dan satu penghinaan agama Hindu yang amat serius dengan menanyakan Yang Berhormat Jelutong “*abu*”

dekat dahi itu abu apa itu? Abu Chin Peng kah?” seperti dalam Penyata Rasmi, muka surat 36 pada Selasa, 3 Disember 2019.

“**Bahawa** Dewan yang mulia ini memandang serius perbuatan Yang Berhormat Pasir Salak yang telah menyinggung perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu dan turut mencemar prestij dan nama baik Dewan yang mulia ini.

Maka ini dipersetujui bahawa Yang Berhormat Pasir Salak hendaklah dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di atas perbuatan Yang Berhormat yang boleh dianggap sebagai menghina Majlis.”

Terima kasih.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini ialah usul Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ini terbuka untuk dibahas.

Ya, perkara ini saya hadkan kepada setiap parti seorang wakil kerana persoalan di depan Dewan ini hanya sama ada Yang Berhormat Pasir Salak wajar dirujuk ataupun tidak. Bukannya kita menjatuhkan hukuman kata Yang Berhormat Pasir Salak salah, tidak. Usul ini hanya perlu kah dirujuk ataupun tidak.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, tak boleh macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebab itu hadkan perbahasan kepada itu, setiap parti seorang wakil, lima minit cukup. Saya sekarang jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krau. Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tak payah panjang-panjang. Satu soal sahaja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apa panjang-panjang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, adil lah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Wajar dirujuk ataupun tidak. Yang Berhormat Paya Besar, sila hormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan masalah adil, Tuan Yang di-Pertua. Kita hormat Tuan Yang di-Pertua tetapi Tuan Yang di-Pertua jangan buat macam ini Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak jika nak bahas, saya akan beri peluang ya supaya dia dapat membela diri. Sekarang buka dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krau. Seorang lima minit. Yang Berhormat Paya Besar, sabar. Kesabaran itu sebahagian dari keimanan. Yang Berhormat Paya Besar, sila sabar. Yang lain, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *You* yang punca segala-galanya. *You* jangan lebih sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain semua duduk. Yang Berhormat Kampar, sila duduk. Tak payah tunjuk jaguh semua.

[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hanya nak dengar Yang Berhormat Bukit Gelugor sahaja. Yang lain semua, jika nak panas, sila pergi luar minum air sejuk. Sila. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Arau, sila duduk. *[Disampuk]* Dia hanya rujuk sahaja, tidak menjatuhkan apa-apa hukuman. Selepas itu laporan akan dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk di bahas. Itu sahaja. Sila, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah keruhkan keadaan. Hari ini hari terakhir Tuan Yang di-Pertua. Hari ini hari terakhir. Tak payah... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baling, tak payah tunjuk jaguh. Saya faham semua Peraturan Mesyuarat. Sila.

5.25 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, jangan hadkan masa, Tuan Yang di-Pertua. Jangan hadkan peluang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, come on Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah jelas bahawa ini adalah taktik dari sebelah sana untuk mengganggu prosiding...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya adil kepada dua-dua belah pihak. Kerajaan pun lima minit, pembangkang pun lima minit.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah taktik jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasar Besar, ya. *[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]* Nanti, nanti. Yang Berhormat Bukit Gelugor, mulakan sekali lagi. Sila.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa lama oleh sebab dalam pendapat saya, apa yang telah pun berlaku adalah jelas semuanya adalah di atas rekod *Hansard* apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tak apa lah, Yang Berhormat. Dengar dahulu. Nanti ada peluang untuk bahas.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, bukan sahaja yang direkodkan di atas *Hansard*, tetapi juga kita dapat *circulated* dengan izin, *in social media*, beliau bertanya dengan izin saya *quote*, “*abu dekat dahi itu, abu apa itu? Abu Chin Peng kah?*” Dia tanya Yang Berhormat Jelutong.

Itu satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Yang Berhormat Pasir Salak *cannot deny* bahawa beliau mengatakan kata-kata tersebut. Dalam video itu pun, walaupun tidak termasuk dalam usul ini, beliau juga ada kata apabila saya tanya di mana dia? Beliau kata, “*Birch pun kita bunuh. Birch pun kita bunuh.*” Dengan izin, *we also killed J.W.W Birch.*

Ini adalah respons kepada saya. Apa maksudnya? *What is he trying to say? [Dewan riuh]*
Is he talking about murder in this Dewan? [Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Bukit Gelugor ini selalu ketinggalan bas. *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, kita hadkan kepada perbahasan. Yang lain dengar dulu nanti akan diberikan peluang. Sila.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dalam Dewan kena ikut peraturan. Keputusan telah dibuat, dah dihukum, digantung. Buat apa nak dibahas lagi? Ini peraturan berapa? Peraturan berapa ini? *[Dewan riuh]*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, semua pihak sila duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang tak payah tengking-tengking. Hari ini hari terakhir. Saya akan bacakan, ya. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Tanjong Karang, nak cabar saya tentang Peraturan Mesyuarat, tak apa. Sila duduk, saya terangkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Berapa kali mahu jatuh hukuman ini? Berapa kali....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang tak faham Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat boleh baca Perkara 44(8). Perkara 44(8) saya boleh bacakan. Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

“*Tiada apa-apa jua di dalam peraturan ini boleh dianggap sebagai menyebabkan Majlis Mesyuarat tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana orang termasuk seorang yang bukan ahli menurut apa-apa ketetapan Majlis Mesyuarat.*” Dengan kata lain, Majlis Mesyuarat ada kuasa untuk ambil tindakan dan usul ini sah di sisi undang-undang. Okey. Yang Berhormat Bukit Gelugor, teruskan. Penerangan sudah jelas.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua. Apa beza hukuman....*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya meneruskan tetapi saya diberi hanya lima minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: No Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya apa kewajaranapa kewajaran....

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini tak ada *standard* punya Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, Dewan ini Dewan yang mulia. Sekiranya pembangkang tidak ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, saya akan terus kepada pengundian. [*Dewan riuh*] Jangan salahkan. Jika sikap macam ini bertengking-tengking, berteriak-teriak, melompat-lompat dalam Dewan yang mulia ini, maka seluruh rakyat Malaysia boleh perhatikan sikap sedemikian. Saya nak bagi peluang untuk berbahas,. Tak payah – sini ada mikrofon. Tak payah teriak-teriak, tengking-tengking macam ini. [*Dewan riuh*] Saya nak bagi peluang kepada pembangkang untuk bahas tetapi pembangkang tak mahu bahas. Sebaliknya sengaja mengundang kekecohan. Ini lah rakyat boleh perhatikan. Saya hendak bagi peluang tetapi pembangkang tak nak bahas. Apabila wakil kerajaan bahas, pembangkang tak mahu dengar. Bagaimana kita nak jalankan sidang macam ini? Jika tak nak dengar, boleh keluar berehat sekejap. Yang Berhormat Pasir Salak, saya hendak bagi peluang untuk bela diri. Tak payah teriak-teriak, tengking-tengking.

■1730

Itu tidak membawa manfaat. Macamlah Ketua Pembangkang bersikap rasional. [*Dewan riuh*] [*Pembesar suara dimatikan*] Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pembangkang kata Dewan gila tetapi duduk sini buat apa?

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak beri peluang untuk Yang Berhormat untuk bahas, lepas itu bersikap macam ini. Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor sila menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya. Yang Berhormat Bukit Gelugor saya hendak tanya *you* seorang *lawyer*, *you* seorang peguam yang hebat. Bolehkah seorang dijatuhkan dua kali hukuman? Apa beza hukuman yang telah dijatuhkan...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat tidak ada hukuman dijatuhkan pun. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Pasir Salak kepada Jawatankuasa untuk siasat sahaja. Mengapa pembangkang kata Yang Berhormat Pasir Salak sudah bersalah? Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *you* cakap sorang-sorang. You tutup *mic* kita *you* cakap sorang-sorang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bermakna [*Tidak jelas*] Tuan Yang di-Pertua tidak betul, gantung dua... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, tolong Tuan Yang di-Pertua.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat apabila saya meneliti keadaan Dewan ini saya dapati pihak pembangkang tidak berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Oleh sebab itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia di bawah perkara enam itu tadi hendaklah disetujui.

[*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Dewan riuh*]

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Rujuk dan gantung dia.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bodoh.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Belah bahagi, belah bahagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini undang-undang tiada gunalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak betul. Tuan Yang di-Pertua. Jelas Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Undi belah bahagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Rang undang-undang hutanlah.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak jika tidak suka bolehlah mengambil tempat masing-masing..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Tuan Yang di-Pertua DAP suruh letak jawatan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak bolehlah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You abuse.*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memalukan Dewan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Siapa *abuse*? Siapa *abuse*?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat hendak dengar, dengar...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat sudah undilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang tidak mahu dengar bolehlah keluar Dewan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab itulah... *[Tidak jelas]*

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, sejarah Malaysia Tuan Yang di-Pertua, amat teruk Tuan Yang di-Pertua. Tidak adil Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, Sidang Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak adil.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua *coward*, pengecut!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya lah, ini kata-kata kesat pembangkang mencerminkanlah watak peribadi beliau. Tidak apalah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua tidak adil.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Inilah watak perkataan *[Tidak jelas]*...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua bacul!
[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Tidak jelas]*...suruh Tuan Yang di-Pertua letak jawatan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tunjukkan kuasa. Tuan Yang di-Pertua, mengambil hak ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Malu negara Tuan Yang di-Pertua. Malu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bacul! Bacul!!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, DAP Perak suruh Tuan Yang di-Pertua letak jawatan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang belum ditetapkan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti, nanti. Sebelum saya tangguhkan Dewan, saya ada nota penutup, sila.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan salah, Tuan Yang di-Pertua buat keputusan salah. Itulah Tuan Yang di-Pertua! Malukan Dewan Tuan Yang di-Pertua!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak teruskan Dewan apa lagi!

Tuan Wong Chen [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, minta kita bagi penghargaan kepada Datuk Roosme.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Untuk mereka yang hendak dengar, dengar, sabar. Yang tidak mahu dengar dipersilakan. Ini dewan demokrasi. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat Sidang Mesyuarat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakapa tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas telah berlangsung selama 36 hari mulai daripada hari Isnin 7 Oktober hingga hari Khamis hari ini. Seperti mana semua ahli Yang Berhormat sedia maklum, persidangan ini merupakan persidangan yang terakhir bagi penggal kedua tahun 2019.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Lepas ini tukar kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya sebagai Timbalan yang di-Pertua dan mewakili Tuan Yang di-Pertua serta rakan Timbalan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, malukan negara Tuan Yang di-Pertua. Malukan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih – Yang Berhormat Paya Besar sila keluar, tidak apa. Ya, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita tukar semua lepas ini.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Kita ada hak Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Bagi membolehkan perjalanan majlis mesyuarat dapat disempurnakan...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Kenapa saya tidak boleh bercakap Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Sepanjang tempoh 36 hari ini. Segala pengalaman pahit manis kita sepanjang masa menjalankan amanah dan tanggungjawab adalah semata-mata demi memastikan keadilan dalam roh demokrasi terus dijunjung. Semoga semua usaha yang dicurahkan ini menjadi aspirasi dan harapan ke arah memacu Malaysia baru yang maju dan bersatu yang pastinya akan menjadi warisan kita kepada generasi akan datang.

*Bertampuk kuasa di Putrajaya,
Berikrar janji menambah mutu,
Walaupun berlainan bangsa budaya,
Kerana muhibah hidup bersatu.*

Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan, semua pegawai Parlimen Malaysia khususnya Bahagian Pengurusan Dewan rakyat, wakil-wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ni bersidang sembilan minggu.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan Selamat Hari Natal, *Merry Christmas* kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian yang akan disambut pada Rabu 25 Disember. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020, *Happy New Year* dan Selamat Tahun Baru Cina yang bakal menjelang pada Sabtu 25 Januari 2020 buat masyarakat Tiong Hua. Tidak dilupakan juga kepada mereka yang beragama Hindu selamat menyambut Thaipusam yang akan disambut pada 8 Februari 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat,

*Dari Teluk Intan pergi ke Rasah,
Lajak bersinggah di Kota Tinggi,
Kita bertemu akhirnya berpisah,
Diizinkan Tuhan bersua lagi.*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akhir bicara saya ingin mengucapkan kepada semua selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing-masing. Semua Ahli Yang Berhormat sentiasa sihat walafiat di samping keluarga yang tersayang. Ya, Sungai Petani?

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua saya bagi pihak teman-teman sebelah sini Pakatan Harapan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dan khususnya Datuk Setiausaha yang telah pun memberikan perkhidmatan khususnya kepada yang *seniors* lebih kenal Datuk Setiausaha. Untuk itu kami mengucapkan selamat bersara kepada Datuk Setiausaha, moga dipanjangkan umur dan bertambah cantik lagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ada dua perkara.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dan juga kepada teman-teman yang lain selamat bercuti.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Siapa pula?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Pantun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Sungai Petani. Cuma saya hendak beri bunga kepada Datuk Setiausaha Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, nanti ya. Tunggu dulu, tunggu dulu. Dewan masih bersidang lagi, tunggu dulu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sikit, pantun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, berita yang dinanti-nantikan mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang]